Kelantan TMK@12

Kelantan

The Cradle of Malay Culture

TMK @ 12 PLANNER

03 - 05 MAY
Walkaton D'Raja Kelantan 2012
05 MAY
Jamboree Volkswagen 2012
03 - 16 JUNE
Bachok Beach Festival
05 - 09 JUNE
Kelantan International Wau Festival
16 JUNE
Bachok Rods Festival
29 JUNE - 01 JULY
Kelantan International Water Festival
26 - 28 JULY
Golden Glory Festival Of Kelantan
01 - 03 SEPTEMBER
Kelantan International Fiesta Of Foods And Fruits
06 - 10 SEPTEMBER
Pasir Puteh Beach Festival
08 SEPTEMBER
Pasir Puteh Rods Festival
08 SEPTEMBER
'Ayam Serama' ASEAN Competition
15 & 16 SEPTEMBER
Kelantan International Photo Hunt
06 - 09 OCTOBER
Kelantan Traditional Songs Awards
23 - 27 NOVEMBER
Exhibition Of Kelantan International Photo Hunt

TRADITIONAL GAMES AT CULTURAL CENTER

EVERY SATURDAY
3.30 -5.30 PM
Rebana Ubi (Giant Drum)
Silat Tari (Art Of Self Defense)
Gasing Uri (Top Spinning)

9.00 – 11.00 PM
Persembahan Traditional (Traditional Show)

EVERY MONDAY
3.30 – 5.30 PM
Rebana Ubi (Giant Drum)
Silat Tari (Art Of Self Defense)
Pembuatan Wau (Kite Making)
Congkak

EVERY WEDNESDAY
3.30 – 5.30 PM
Kertok (Coconut Husk Percussion)
Gasing Pangkah (Striking Top)
Pencak Silat (Art Of Self Defense)

9.00 – 11.00 PM
Wayang Kulit (Shadow Play)

PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN NEGERI KELANTAN
(KELANTAN TOURISM INFORMATION CENTRE)
Jalan Sultan Ibrahim, 15150 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-748 5534 / 09-748 3543 **Fax:** 09-748 6652
E-Mail: tic@kelantan.gov.my

facebook http://www.facebook.com/tic.kelantan

QIADAH KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATED | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE JAMADIL AKHIR - RAMADHAN 1433 HIJRAH 11TH EDITION

JAMADIL AKHIR - RAMADHAN 1433 HIJRAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

...TAN MNTERI BESAR INCORPORATED

قرڊانن منتري بسر كلنتن



Developing
Kelantan Civilization
PEMBANGUNAN TAMADUN KELANTAN

PMBK

http://www.pmbk.gov.my

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM | KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

FREE ISSUES / PERCUMA

بـــازرتـوءڠـورو

BAZAR TOK GURU

EJEN DIPERLUKAN SEGERA
KOMISYEN LUMAYAN

REBUT SEGERA PELUANG INI!

TINGKAT 1 & TINGKAT 2 DIBUKA UNTUK SEWAAN & JUALAN

- **LOKASI STRATEGIK** - Pusat Bandar Kota Bharu dan berhadapan dengan Kampus Bandar Universiti Teknologi MARA.
- **DI LALUAN UTAMA** - Jalan Sultan Ibrahim.
- **TEMPAT LETAK KERETA** - Semi basemen.
- **KEMUDAHAN LIF** - untuk para pengunjung dan peniaga.
- **KEMUDAHAN MESIN ATM.**
- **PEMBIAYAAN DIURUSKAN OLEH PEMAJU.**
- **HARGA** dari RM 84,000.

PROMOSI SEWAAN
3 BULAN PERTAMA ADALAH PERCUMA!
UNIT ADALAH TERHAD

SEBARANG PERTANYAAN
SILA HUBUNGI:
09-747 4082
013-907 3209
014-507 9001

PEJABAT URUSAN: Tingkat 4, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-747 4082 / 09-747 4545 **Faks:** 09-747 7815
Web: www.pmbk.gov.my/e-hartanah
E-mel: marketing_pmbk@yahoo.com


Orang Utan
Proboscis Monkey
Seawalking
White Water Rafting

Mt. Kinabalu
Culture
Seafood
Dive resort

like us on SABAH, Malaysian Borneo
follow us on

Best of Borneo SABAH MALAYSIA
www.sabahtourism.com

ALLAHU AKBAR!

"Beta berharap GAS ini dapat didaratkan di negeri ini kerana Kelantan telah menyediakan ZON INDUSTRI PETROLEUM di Bachok seluas 4,000 ekar sejak tahun 1990-an lagi,"

Sultan Kelantan KDYMM Sultan Muhammad V pada Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Dewan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kelantan ke-12

.....

KDYMM SULTAN MUHAMMAD V

.....

YAB DATO' BENTARA SETIA MENTERI BESAR KELANTAN

KDYMM Al-Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V berkenan mencemar duli menandatangani plak Tuntutan Royalti Petroleum

Developing Kelantan Civilization

The cover photo for this Qiadah (Rabiul Akhir - Jamadil Akhir 1433 Hijrah Edition) present a technique of using the 'Polar Panorama Effect', where you can manipulate the projection and see a little tunnel. Through this technique, Qiadah crew tried to highlight the image of Kelantan State government development policy based on "Membangun Bersama Islam" which is consist of the arts and culture, economic, education, family and community and the development of youth.

CIRCULATION LIST

Tourist Information Centre | Kelantan State Informatin Secretariat | Government Department and Agencies | Government Link Companies | State Museums | Kota Bharu Municipal Council – Islamic City | Selected Privates Companies | Selected Hotels and Travel Agencies | Selected Malaysian Embassies and High Commissions | Selected Foreign Embassies | Selected Higher Learning Institutions and Students Council | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Sultan Ismail Petra Airport

No part of this magazine may be reproduce without the written permission of Kelantan Chief Minister Incorporated (PMBK). All rights reserved. Copyright 2009 by PMBK. Opinion express in Qiadah are writers' and not necessarily endorsed by PMBK. PMBK and the producer are not responsible or liable in any way for the content in any of the advertisement, articles, photographers or illustrations contained in this publication. Editorial inquiries and inquiries concerning advertising and circulation should be address to PMBK. PMBK accept no responsibility for unsolicited manuscript, photography, illustration and other editorial material. The editorial team reserves the rights to edit and/or re-write all materials according to the needs of the publication upon usage.

KUMPULAN EDITORIAL QIADAH

KETUA EDITOR
Ir Haji Mustafa Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

SETIAUSAHA JAWATANKUASA EDITORIAL
Sanusi Hj Othman
Ketua Pegawai Operasi
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Nik Mohd Alimin Nik Mohd Alwi
Pengurus Kanan Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

JAWATANKUASA EDITOR
Nik Aida Nik Mohamed @ Nik Ahmad
Pengurus Kanan Audit Dalaman
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Hj. Khaily Ab Kadir
Pengurus Kanan Pemasaran
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Che Adnan Che Daud
Pengurus Besar
DD Multimedia Solution Sdn Bhd

PENYELARAS EDITORIAL
Shariah Derahman
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL
Siti Norasemi Mohd Anuar
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PENULIS
M Faiqih

PENULIS BERSAMA
A. Ubaidillah Alias | Attif Zayyad Idris
Shariah Derahman | Nik Azman Nik Mustafa
Salma Husain | Ahmad Fadhli Shaari
Mohd Nor Yahya | Borhanuddin Haji Ahmad
Zanazanzaly | Abd Naddin Hj Shaiddin
Yakob Dasan | Rossem | Muhammad Yusri Amin

PEREKA GRAFIK & LAYOUT
Muhd Haikal Rozaini
Eksekutif Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PEREKA BERSAMA
Muhd Shakirin Naim Mohammed Yazid

JURUGAMBAR
Ahmad Nai'me Muhammad
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

JURUGAMBAR BERSAMA
Mazlan Jusoh | Nazri Abdullah | Kamarul Azam Mat Rani

PENGIKLANAN, PEMASARAN & PROMOSI
Jabatan Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan
Tel: 09-747 4082

DITERBITKAN OLEH
Perbadanan Menteri Besar Kelantan
Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,
15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Tel: 09-747 4082 **Faks:** 09-747 7815
Laman Sesawang: www.pmbk.gov.my

DICETAK OLEH
Faris Ilham Niaga
5358-I, Jalan Telipot, 15150 Kota Bharu
Kelantan
Tel: 017-9603151

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini

ڤمربك ساويت سنديريان برحد
PMBK SAWIT SDN. BHD.
(DIMILIKI SEPENUHNYA OLEH PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN)

PMBK Sawit Sdn Bhd adalah sebuah syarikat yang berjaya membantu meningkatkan taraf kehidupan rakyat negeri Kelantan melalui kepelbagaian aktiviti dan hasil bumi hijau melalui sektor perladangan dan pertanian serta yakin untuk terus maju di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

Sesuai dengan penerapan Dasar Pertanian Negeri Kelantan dibawah slogan Membangun Bersama Islam yang memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan tanah terbiar serta pertanian komersial ke arah memaksimumkan pendapatan, PMBK Sawit Sdn Bhd terbukti mampu menjana ekonomi dan memberi kekuatan baru kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Peneraju Industri Perladangan di Negeri Kelantan

IKLAN JAWATAN KOSONG

Kami ingin menawarkan peluang–peluang pekerjaan kepada rakyat Kelantan yang berminat bagi mengisi kekosongan pekerja ladang milik kami di sekitar:
GUA MUSANG, JELI, TANAH MERAH, RANTAU PANJANG DAN PASIR MAS.

Kekosongan adalah untuk jawatan berikut:
1. Penuai Buah Kelapa Sawit
2. Penoreh
3. Pekerja Am Ladang

Tawaran seperti berikut:
Gaji Asas Bulanan Menarik, Caruman KWSP dan Perkeso, Elaun dan Insentif, Rawatan Perubatan, Cuti Tahunan, Kursus Kemahiran diberikan, peluang kenaikan pangkat dan penempatan disediakan

Syarat-syarat seperti berikut:
Warganegara Malaysia, sihat tubuh badan, lasak, minat dengan kerja ladang, dan lain-lain syarat jika perlu.

Berminat sila hantar resume ke alamat:

PENGURUS MODAL INSAN
PT 7812 & 7813, TAMAN MESRA
18300 GUA MUSANG, KELANTAN
TEL: 09-9120710

PT 473, ARAS BAWAH, BANDAR BARU TUNJONG,
15100, KOTA BHARU, KELANTAN
TEL: 09-7471908

PENGURUS BESAR:
Hj. Fauzi Mohamad

IBU PEJABAT:
PT 7812 &7813, Taman Mesra, Jalan Persiaran Jaya,
18300 Gua Musang, Kelantan
TEL: 09-912 0710 **FAKS:** 09-912 0711

PEJABAT KORPORAT:
PT 473, Aras Bawah, Bandar Baru Tunjong,
15100 Kota Bharu, Kelantan
TEL: 09-747 1908 **FAKS:** 09-746 1908

CAWANGAN OPERASI:
Kilometer 10, Lebuhraya Rantau Panjang
Pasir Mas, 17000 Pasir Mas, Kelantan
Tel: 09-796 6408 **Faks:** 09-796 6409

B-1045, Tingkat Atas, Jln. Ismail Petra,
17500 Tanah Merah, Kelantan
Tel: 09-950 3111 **Faks:** 09-950 3110

CONTENTS

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

قردان منتري بسر كلنتن



COVER PAGE: DEVELOPING KELANTAN CIVILIZATION

The cover photo for this Qiadah (Rabiul Akhir - Rejab 1433 Hijrah Edition) present a technique of using the 'Polar Panorama Effect', where you can manipulate the projection and see a little tunnel. Through this technique, Qiadah crew tried to highlight the image of Kelantan State government development policy based on "Membangun Bersama Islam" which consist of the arts and culture, economic, education, family and community and the development of youth.

PERISTIWA

06 LEBUH RAYA RAKYAT

FOKUS

10 TAMADUN KELANTAN

FOCUS

15 KELANTAN CIVILIZATION

VARIASI

20 TAMADUN SABA'

VARIASI

26 SEJARAH ISLAM KELANTAN

VARIASI

30 SEBELUM 1990

PEMIMPIN

33 PAK YAZID

PEMIMPIN

36 SAIFUDIN NASUTION

VARIASI

38 ARUS PEMBANGUNAN

VARIASI

42 MADINAH KECIL MALAYSIA

TOKOH

46 USTAZ HUSSIN

TOKOH

48 ISHAK LOTFI

HERITAGE
50 DIKIR SRI HALAQAT

DESTINATION
54 BACHOK

MAKANAN
58 SOLOK LADA

JANAMA KELANTAN
62 AR-RAHN

KELANTAN SANA-SINI
66 PEMBANGUNAN PONDOK

INSPIRASI KELANTAN
70 TENGKU ZAINAL ADLIN

AKTIVITI PMBK
74 KB SENTRAL

AKTIVITI PMBK
76 SKIM BANTUAN PENDIDIKAN

AKTIVITI PMBK
78 SIJIL PENGIKTIRAFAN

AKTIVITI PMBK
80 SISTEM TELAGA JEJARI

AKTIVITI PMBK
84 DELEGASI INDONESIA

AKTIVITI PMBK
86 BAZAR TOK GURU

AKTIVITI PMBK
88 DINAR DIRHAM POPULAR

TEROWONG MASA
90 ISTANA RAJA BENDAHARA

KELANTAN ENCYCLOPEDIA
92 KELANTAN ENCYCLOPEDIA

KARTUN TOK AYAH
95 KARTUN TOK AYAH



MAJLIS PECAH TANAH

PROJEK LEBUH RAYA RAKYAT KOTA BHARU - KUALA KRAI

Dirasmikan Oleh: YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat
Tarikh: 07 Rejab 1433H Bersamaan 28 Mei 2012
Tempat: FELCRA Berangan Mek Nab, Machang
Jarak Keseluruhan: 73 Kilometer **Jarak Pakej 1:** 43 Kilometer
Keterangan: Bermula Dari Kota Bharu (Pasir Hor) Ke Kuala Krai (Dusun Damar)
Kontraktor: Menta Construction Sdn Bhd & Konsortium Temokin Vila Jelas JV Sdn Bhd



Untuk Sumbangan Derma & Wakaf
Sila Salurkan Ke Akaun
BALDAH TOYYIBAH (PRASARANA) KELANTAN SDN BHD
(dulunya dikenali sebagai ROWSTEAD SYSTEMS SDN BHD anak syarikat milik penuh PMBK)

NO. AKAUN BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD:

0303 6010003031

KOTA BHARU
KUALA KRAI
SELAMAT DATANG

LEBUHRAYA RAKYAT

LEBUHRAYA RAKYAT

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK
LEBUHRAYA RAKYAT
KOTA BHARU - KUALA KRAI
Pada:
07 Rejab 1433H Bersamaan 28 Mei 2012
Dirasmikan Oleh:
Y.A.B TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA
HJ. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT
Menteri Besar Kelantan

KOTA BHARU - KUALA KRAI
28 Mei 2012

MUTIARA KATA

"Jika kita pergi ke tempat yang tidak pernah kita pergi, kita akan cuba usahakan untuk mengekori kereta yang dipandu oleh pemandu yang biasa ke tempat tersebut. Andai kata kita terpisah jauh dengan kereta tersebut sehingga tidak kelihatan, sudah tentu terasa runsing kerana bimbang tersesat jalan. Demikian juga dengan perjalanan kita ke akhirat.. hendaklah kita mengekori rapat panduan yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah SAW iaitu al-Quran. Jika kita jauh daripada jalan al-Quran, sepatutnya kita runsing dan bimbang, sampaikah kita ke akhirat dengan selamat?"

Pendaftaran Pelancaran 100 ribu Ahli PAS, 16 Disember 2011, PUTIK Pengkalan Chepa

"Saya balik ke rumah kadang-kadang keletihan… balik letak kepala atas riba isteri, rasa ketenangan. Letak kepala atas riba isteri ni mendatangkan ketenangan, sambil isteri tanya khabar dan gosok kepala. Kerana itu saya cadangkan, tuan-tuan lakukan ini sebagai satu cara menjamin kebahagiaan rumahtangga iaitu balik ke rumah, letakkan kepala atas riba isteri masing-masing.."

Majlis Perasmian Sambutan Hari Suami Isteri Peringkat Negeri Kelantan, 9 Februari 2012, Dewan Besar Balai Islam, Lundang

"Kita perlu sama-sama berfikir adakah Islam yang kita pegang hari ini betul-betul sebagaimana yang dipegang oleh Nabi Muhammad SAW. Jika tidak, maka perlu untuk kita sama-sama berusaha agar Islam yang dipegang oleh Nabi Muhammad SAW benar-benar diamalkan oleh masyarakat kita pada hari ini. Sayangnya, ada di kalangan kita sendiri yang beranggapan bahawa Islam ini ialah ubat yang telah habis tempoh dan *expired*…"

Majlis Makan Malam bersama Ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, 20 Rabiul Awal 1433H , Hotel Grand Riverview

"Tuan-tuan sebagai guru, saya ingin pesan agar jangan tinggalkan membaca buku. Ini kerana tuan-tuan adalah sumber ilmu kepada masyarakat. Lagikan kerja sebagai wakil rakyat sekalipun perlu kepada pembacaan agar apa yang diucapkan boleh memberi manfaat kepada masyarakat apatah lagi kerja sebagai guru. Selain itu, jangan tinggalkan solat dhuha, solat tahajjud dan berdoa…"

Majlis Sambutan Jubli Intan Maahad Muhammadi, 31 Mac 2012, Maahad Muhammadi Perempuan, Kota Bharu

YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia
Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat

NOTA KETUA EDITOR

Islam bukan sekadar agama menghubungkan manusia dengan Tuhannya, sebaliknya sebagai Ad-Deen bagi mengatur segenap aspek kehidupan manusia. Kemunculan tamadun dunia berkait rapat dengan rangsangan keagamaan dan kerohanian. Kelahiran tamadun juga ada kaitan dengan penderitaan dan kesengsaraan. Perpatah Inggeris menyebut "necessity is mother of invention."

Mengikut catatan sejarah, Islam masuk ke Kelantan lebih awal berbanding Melaka dan Terengganu. Islam disebar melalui Champa merentasi sempadan Patani sebelum tiba di Negeri Cik Siti Wan Kembang. Ia dibuktikan melalui Batu Bersurat bertarikh 1303 Masihi yang ditemui di Kuala Berang.

Selain itu terdapat penemuan kepingan wang emas di Kota Kubang Labu, Pasir Pekan, Tumpat pada 1912 yang tercatat tarikh 577 Hijriah bersamaan 1191 Masehi. Terdapat catatan pada kepingan wang tersebut iaitu "Al-Julus Kelantan 577 Hijrah."

Bermula dari situlah Islam makin tersebar di bumi Serambi Mekah. Masjid menjadi tempat menyebarkan ilmu agama. Pelajar datang dari segenap pelusuk di nusantara. Masjid tertua di Kelantan dibina lebih 300 tahun lampau iaitu di Kampung Laut, Tumpat. Seni binanya hampir sama dengan Masjid Demak di Jawa, Indonesia.

Bagaimanapun disebabkan hakisan Sungai Kelantan, struktur masjid tersebut dirombak dan dipindahkan ke Nilam Puri pada 1968. Hari ini Masjid Kampung Laut menjadi saksi, Kelantan merupakan lokasi awal tamadun Islam di semenanjung Tanah Melayu.

Sejak tempoh tersebut Islam berkembang pesat di Kelantan. Pada era pemerintahan Long Yunus (1762-1794) baginda menghantar anak angkatnya Sheikh Abdul Halim mendalami ilmu agama di Mekah. Sekembali dari Mekah, Sheikh Abdul Halim mengajar di masjid-masjid. Anaknya pula dilantik sebagai penasihat agama kepada Sultan Muhammad II (1839-1886).

Mulai abad ke-18, institusi pengajian pondok berkembang di Kelantan. Pendidikan Islam bertambah mantap apabila Sultan Muhammad IV menubuhkan Majlis Agama Islam Kelantan pada Disember 1914.

Hari ini sejarah lama berputar kembali. Ketuanan Islam berputik semula tanggal Oktober 1990. Islam menjadi teras pentadbiran negeri. Al-Quran dan Hadis menjadi sumber rujukan. Ia berlaku selepas hampir 70 tahun empayar Uthmaniyyah jatuh.

Tamadun Islam tambah kukuh dengan usaha mendaulatkan Islam melalui Kanun Syariah II pada November 1993. Tamadunnya tambah gemilang apabila Dinar dan Dirham Kelantan pula diperkenalkan pada 22 September 2006. Kini lengkaplah kemasyhuran tamadun Islam yang berputar seumpama roda.

Islam seumpama setanggi di bumi Serambi Mekah, baunya merebak ke seantero Tanah Melayu. Elemen-elemen kesederhanaan yang dipamerkan mampu melonjak Kelantan mempertahankan tamadun yang diasas kukuh sejak 22 tahun lalu.

Oleh itu bagi melihat sejauh mana realitinya, QIADAH keluaran ini cuba memaparkan kembali apa yang dinamakan sebagai Tamadun Kelantan. Sesungguhnya sejarah tidak pernah berbohong, cuma kita yang membohongi sejarah.

Sempena bulan Ramadhan dan Syawal yang bakal tiba tidak lama lagi, di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa dan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Andai tangan tak mampu berjabat, setidaknya kata masih dapat terungkap. Dengan setulus hati, maaf zahir dan batin.

Salam hormat,
Ir Haji Mustafa Salleh

Masjid Kampung Laut di Nilam Puri

TAMADUN KELANTAN

Oleh M Faqih

Di hilirnya kawasan tanah pamah dan hulu negeri pula di kelilingi bukit-bukau. Di kawasan tanah pamah terdiri daripada lembangan sungai dan delta. Tanahnya subur sangat sesuai untuk aktiviti pertanian. Tanah sawah luas mata memandang. Di situlah petani tua dan kerbau jantan mengumpul kudrat.

Tenaga empat kerat mereka menyuburkan tanah. Padi yang dituai jadi bekalan untuk anak dan cucu. Hari ini petak-petak kecil sudah hilang sempadan. Tiada lagi petani tua, sebaliknya sudah bertukar kepada korporat bukan Melayu yang mengusahakan ladang padi.

Apa puncanya? Ini kerana anak-anak petani tua sudah hilang di celah-celah kota batu. Mereka tidak mahu lagi bergelumang dengan selut dan lumpur, lebih-lebih lagi huma padi yang gatal dan melekit. Anak-anak muda lebih senang mengejar bas kilang setiap pagi dan lewat petang.

Apakah itu yang dinamakan tamadun, apabila bakti petani Melayu tua bertukar kepada korporat bukan bumiputera mengusahakan bendang sama, tetapi keluasan yang berbeza? Ramai orang bercakap tentang tamadun. Tahukah anda apa itu tamadun?

Tamadun sering digambarkan sebagai kemajuan fizikal sesebuah masyarakat atau negara kota. Tamadun juga dirujuk sebagai pencapaian tinggi dalam bidang sains

Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra atau Masjid Beijing

dan teknologi. Semua makna diberi berpangkal dari kaca mata barat.

Tamadun dari istilah etimologi berasal daripada perkataan maddana. Istilah bahasa Arab itu kalau diterjemahkan bermakna membuka bandar atau kota. Maddana terbit daripada perkataan Madani yang merujuk pembangunan perbandaran dengan berlatar belakang sifat kehalusan budi pekerti.

Tamadun berpangkal deen

Bagaimanapun kedua-dua istilah itu sebenarnya berpangkal daripada deen yang bermaksud agama. Hadarah berasal daripada perkataan hadara yang merujuk kepada tinggal di bandar dan perilaku kehidupan yang tinggi.

Kemunculan tamadun silam lebih merupakan manifestasi kepada kehidupan masyarakat yang beragama. Agama berperanan membentuk pandangan semesta dan nilai kehidupan yang terpuji.

Ibn Khaldun dalam karya Muqaddimah menggunakan ungkapan umran bagi menggambarkan tamadun. Umran memperkatakan tentang bandar atau ibu kota yang memiliki tanah subur dan dijadikan penempatan.

Syed Naquib Al-Attas mentakrifkan tamadun Islam sebagai keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur. Tamadun Islam bersumber wahyu iaitu al-Quran dan Hadis. Ada perbezaan jelas antara tamadun barat dan Islam.

Tamadun Islam tidak berasaskan kepentingan sesuatu bangsa, budaya atau bersifat kebangsaan semata-mata. Sedangkan tamadun barat lebih berkiblat kepada pencapaian kebendaan dan mengagungkan sesuatu bangsa.

Tamadun Islam bermatlamat menjulang Islam sebagai ad-Deen, suatu cara hidup yang lengkap dan komprehensif. Islam memaparkan keadilan dalam sistem pentadbiran yang pernah ditegakkan semasa pemerintahan Nabi Muhammad saw dan khulafa Ar-Rasyidin.

Matlamat tamadun Islam bagi menjalinkan hubungan manusia dengan pencipta-Nya. Selain itu menyediakan penempatan lebih selesa bagi kehidupan manusia, melahirkan masyarakat Islam yang berasal daripada pelbagai bangsa dan keturunan. Pencapaian tamadun dan keindahan senibina menjadi lambang keagungan kepada generasi kemudian.

Rumah-rumah pondok yang didiami pelajar di Pondok Sungai Durian

Inilah ruang lingkup yang digembelingkan di Kelantan sejak 22 tahun lampau. Kerajaan negeri di bawah kepimpinan ulama berusaha menjulang semula kejayaan tamadun Islam, mengimbau usaha yang pernah dilakukan Tok Pulai Chondong. Nama sebenar ulama tersohor tersebut iaitu Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah bin Imam Hashim.

Tok Pulai Chondong dilahirkan di Kampung Bukit, Pulai Chondong pada 1792 (1207 Hijriah). Ketika usia 16 tahun dihantar ayahnya ke Mekah. Di sana beliau berguru dengan Sheikh Daud Patani. Sekembali dari Mekah beliau membuka pusat pengajian pondok di Kampung Bilal Talib, kemudian dikenali sebagai Kampung Surau Pulai Chondong. Di situlah ramai orang datang belajar agama.

Anak murid yang terkenal termasuk Haji Jamaluddin atau lebih dikenali sebagai Tuan Jamal yang berasal dari Peringat. Selain itu Haji Yaakub Muhammad, seorang ulama yang dianggap keramat di Kampung Chekeli, Beta. Manakala Haji Muhammad Arshad Haji Abdul Samad pula seorang ulama yang disayangi Sultan Muhammad IV.

Sultan Muhammad IV merupakan putera kepada Sultan Muhammad III. Semasa pemerintahan baginda, matawang yang dikenali sebagai Pitis Jongkong diperkenalkan. Ia dibuat daripada timah. Ketika pemerintahan baginda juga muncul pemberontakan diketuai Tok Janggut di Pasir Puteh, pada tahun 1915. Baginda juga menubuhkan Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan pada 24 Disember 1915. Tamadun Islam sudah bertapak kukuh di Kelantan ketika itu.

Usaha itu selaras dengan pendapat Ibn Khaldun yang mengatakan tamadun ialah segala yang dihasilkan oleh fikiran orang Islam menurut panduan agama Islam. Tamadun Islam meliputi pembangunan tamadun rohani dan jasmani, sedangkan barat lebih mementingkan material semata-mata.

Tamadun Islam bermatlamat melahirkan manusia yang mempunyai konsep kepercayaan kepada Allah SWT sahaja. Selain itu melahirkan manusia yang mempunyai sistem hidup yang lebih tersusun dan bertanggungjawab sebagai khalifah di bumi Allah.

Tamadun Islam pertahankan 5 teras; malah Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat acap kali memberitahu lima perkara yang dianggap penting dalam tamadun manusia iaitu memelihara jiwa atau nyawa, akal dan fikiran, maruah dan keturunan, harta benda dan hak kebebasan.

Memelihara jiwa dan nyawa dapat dilihat apabila kerajaan negeri menyediakan pelbagai usaha bagi membantu rakyat. Ada tabung bantuan pesakit kronik bagi membolehkan penduduk miskin mendapat pembiayaan untuk merawat penyakit. Malah ahli keluarga pesakit kronik turut dihulur bantuan ketika menjaga pesakit di hospital.

Masjid Pondok Pasir Tumboh

Masjid Pondok Sungai Durian di Kuala Krai

Memelihara akal dan fikiran diterjemahkan apabila kerajaan negeri menghadkan penjualan arak. Premis menjual arak dilulus berdasar kepada keperluan penduduk bukan Islam sahaja. Orang Islam dilarang sama sekali. Ini kerana arak memabukkan dan boleh merosakkan akal manusia Muslim.

Manakala dalam konteks menjaga maruah dan keturunan diluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) pada tahun 1993 bagi menghukum pesalah yang melanggar hukum agama. Islam mengharamkan zina dan dikenakan hukum hudud terhadap pesalahnya. Langkah tersebut dibuat bagi menjaga zuriat yang dilahirkan.

Begitu juga aspek memelihara harta benda. Hukuman potong tangan dimuatkan dalam hukum Hudud bagi menghukum pesalah yang mencuri, merompak dan sebagainya. Pengajaran daripada hukuman tersebut mampu mewujudkan keharmonian dalam masyarakat Islam. Namun perundangan tersebut belum dapat dilaksanakan kerana halangan perlembagaan.

Islam juga memastikan hak kebebasan seseorang tidak diceroboh. Hak kebebasan bercakap, berfikir, bersuara dan sebagainya diberi ruang dalam Islam. Islam membebaskan manusia daripada penyembahan dan pendewaan selain daripada Allah SWT. Ia selaras dengan maksud surah al-Fatihah ayat 4 dan 5;

Masjid Kampung Kasar di Pasir Mas

"Kepada Engkau sahajalah kami sembah dan kepada Engkau sahaja kami memohon perlindungan."

Usaha inilah yang akan melahirkan masyarakat madani. Dalam surah Saba' ayat 15 Allah SWT berfirman yang bermaksud; "Negara yang aman makmur dan mendapat keampunan Allah".

Kemakmuran hanya tercapai apabila masyarakat hidup dalam keadaan selesa, harmonis, kesenangan, berkasih sayang dan hormat menghormati antara satu sama lain. Matlamat pokok yang perlu dicapai dalam masyarakat madani iaitu mendapat keampunan Allah Taala.

Keampunan hanya berlaku apabila ada keimanan, ketakwaan, akhlak, terhindar perkara mungkar, bersih daripada maksiat, bersih sifat mazmumah dan jiwa dipenuhi mahmudah.

Dasar Membangun Bersama Islam

Oleh itu untuk merealisasi masyarakat madani, pendekatan agama digunakan kerajaan Kelantan sejak tahun 1990 sehingga sekarang. Bagi membudayakan Islam dalam kehidupan masyarakat, dasar Membangun Bersama Islam (MBI) diperkenalkan.

Dasar MBI menjadi 'roh' kepada jentera pentadbiran kerajaan negeri. Bagi membolehkan ia dihayati, diperkenalkan konsep Ubudiyyah (kehambaan), Masu'liyyah (bertanggungjawab) dan Itqan.

Apabila setiap kakitangan awam menghayati ketiga-tiga konsep tersebut, mereka lebih terarah memikirkan soal dosa dan pahala sebelum melakukan sesuatu. Maka tidak hairanlah sejak 22 tahun, tidak ada pemimpin kerajaan negeri didakwa atas kesalahan rasuah atau salah guna kuasa di mahkamah.

Begitu juga penjawat awam yang didapati bersalah atas tuduhan rasuah atau penyelewengan amat kecil sekali bilangannya. Inilah kesan reformasi pentadbiran yang berlaku di Kelantan sejak tahun 1990 sehingga sekarang.

Selain itu kerajaan negeri juga menekankan dasar berjimat-cermat dalam mengurus kewangan negeri. Malah kata-kata masyhur Menteri Besar; "berjimat jangan sampai kedekut, berbelanja jangan biar boros."

Kesuburan tamadun Islam di Kelantan disemarak lagi dengan usaha kerajaan negeri memperkasakan bidang pendidikan agama. Pengajian agama diperkembangkan dengan membuka kelas sains tulen di sekolah-sekolah agama. Selain itu memperkenalkan Maahad Tahfiz Wal Qiraat di Pulau Chondong dan Maahad Tahfiz Sains bermula di Berangan, Tumpat.

Kerajaan negeri juga mewujudkan Maahad ad-Dakwah Wal Imamah sebagai usaha awal menggantikan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan yang dimansuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN) pada tahun 1978. Hari ini Maahad ad-Dakwah terus berkembang dan sekarang dikenali sebagai Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Bagi memasukkan agama ke jiwa rakyat, kerajaan negeri sejak awal lagi mewujud Unit Dakwah Halaqat di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Unit tersebut melantik guru-guru al-Quran, Fardhu Ain, pembantu Halaqat dan pegawai Halaqat di seluruh jajahan di Kelantan.

Guru-guru Halaqat mengendalikan kelas-kelas agama di masjid, surau dan madrasah setiap malam. Manakala guru al-Quran dan Fardhu Ain mendidik anak-anak supaya celik al-Quran dan tahu mengenai tuntutan fardhu ain dalam agama.

Kesungguhan usaha mempertahankan masyarakat madani di Kelantan diberi perhatian utama oleh Menteri Besar. Ini dapat dilihat pada setiap pagi Jumaat di mana Tuan Guru Nik Abdul Aziz mengadakan kuliah agama secara tetap di Medan Ilmu, Jalan Dato' Pati.

Usaha tersebut sebenarnya bermula sejak tahun 1982 apabila kepimpinan ulama menerajui PAS. Ketika itu Dewan Zulkefli Muhammad yang terletak di tingkat dua Pejabat Perhubungan PAS Kelantan menjadi tempat kuliah tetap setiap pagi Jumaat.

Hari ini Medan Ilmu bukan sahaja menghidangkan ilmu agama dan isu-isu semasa yang berlaku, malah menjadi lokasi bagi rakyat mencari rezeki. Ia seumpama dua dalam satu. Belajar agama di samping mencari sesuap rezeki.

Kemuncak kepada pencapaian tamadun di Kelantan apabila Enakmen Kanun Jenayah Syariah II diluluskan pada persidangan Dewan Undangan

Negeri pada Oktober 1993. Langkah tersebut dibuat selaras dengan Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah, ayat 178-179 yang bermaksud;

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu qisas berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh, orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Maka barang siapa yang mendapat sesuatu pemaafan dari saudaranya, hendaklah memaafkan mengikut dengan cara yang baik dan hendaklah yang diberi maaf membayar *diah* kepada yang memberi maaf dengan yang baik pula. Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu Rahmat. Barang siapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya seksa yang sangat pedih."

Sahih Bukhari pula menyebut; " Dari Zaid bin Khalid berkata, bahawa dia telah mendengar hukuman dari Nabi SAW iaitu seorang yang belum berkahwin yang telah melakukan zina disebat 100 kali dan dibuangkan dari negeri setahun."

Ibn Taimiyyah dalam kitabnya As Siyassah Shariyyah pula menyebut; "Sebat sebagaimana yang diwajibkan oleh hukum syarak ialah suatu jenis sebat sederhana dengan cemeti yang tidak terlampau ringan dan terlampau berat."

Terbukti sudah bahawa tamadun Islam yang dimulai Tok Pulai Chondong pada tahun 1820 kemudian diperkasa oleh Sultan Muhammad IV tanggal 1911 dan tambah gemilang di era Tuan Guru Nik Abdul Aziz bermula tahun 1990. Kini tambah semarak di bawah payung Sultan Muhammad V.

Rujukan

Abdul Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omrdin Haji Ashaari, Arif Sayaa, 1995, *Tamadun Islam* Pustaka Majid, Kuala Lumpur.

Abdul Razak Mahmud, 2002, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu.

Ahmad Ibrahim (Prof), *Hukuman Sebat Dalam Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Awam di Malaysia*, kertas kerja.

Fauzian Mohamad, 1997, *Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani*, Pustaka Ilmi, Batu Caves, Selangor.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, 1987, *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Mahmood Shith Khattab, 1986, *Islam dan Kemenangan*, Pustaka Ikhwan, Alor Star, Kedah.

Yusof Al Qardhawi (Prof Dr), 1999, *Umat Islam Menangani Cabaran dan Tentangan Zaman*, Al Hidayah Publishers, Kuala Lumpur

Tamadun Islam dan Tamadun Asia, 2004, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Perubahan-Perubahan Di Kelantan Di Bawah Kepimpinan Ulamak, 1999, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

KELANTAN CIVILIZATION

By Yaakub Dasan

The north area of the state is dominated by flat lands, while the south area is surrounded by hills. The flat lands consist of river valleys and deltas. The soil is fertile, making it very suitable for agriculture activities. Paddy fields spread across the land. That's where the old farmers and buffalos work their fingers and hooves to the bone.

Their hard labour is flourishing the land. The paddy is harvested as sustenance for their children and grandchildren. Today, those small plots have lost its boundaries. There is no more old Malay farmer, but non-Malay corporations, who cultivate the paddy fields instead.

What is the cause of this? This comes about as the children of the old farmers disappear into the hustle and bustle of the concrete jungle. They refuse to be covered in mud anymore, what more dealing with itchy and icky rice pests. The young generation prefers running after factory buses every morning and late in the evening.

Is that what we termed as civilization, when old Malay farmers' sweat is replaced by non-Malay corporations to cultivate the same paddy fields, yet differing in sizes? A lot of people have been talking about civilization. Well, what is civilization?

Civilization or *tamadun* has always been described as physical development of a society or a city. Civilization is also referred as high advancement in science and technology. These definitions are derived in accordance to western point of view.

Civilization, in etymological aspect, originates from the word *maddana*. This Arabic term would mean 'to open a town or city'. *Maddana* comes from the word *madani* which refers to township development with a basis of good morality.

Civilization rooted from deen

However, both terms in essence originates from the word *deen* which means religion. *Hadarah* comes from the word *hadara* which refers to living in a city with high conduct of behaviour.

The existence of past civilization is more of a manifestation to the lives of religious societies, in which a religion could influence universal views and the values of commendable living.

In his book entitled Muqaddimah, Ibn Khaldun had used the term *umran* to describe civilization. *Umran* detailed out a town or a capital city with fertile soil and became a settlement.

Syed Naguib Al-Attas defined Islamic civilization as the conditions of a societal individual's life which has achieved the level of refined code of conduct and virtuous culture. Islamic civilization is based on divine revelation, that is, the Quran and Hadith. There are apparent differences between western civilization and Islamic civilization.

Islamic civilization is not merely based on the priority of a nation, a culture or be national-oriented. Western civilization on the other hand, concentrates more on material achievement and nation glorification. Islamic civilization is aimed to uplift Islam as ad-Deen, a complete and comprehensive way of life. Islam illustrates fairness in administration system which had been set up and practiced during the time of Prophet Muhammad SAW and Khulafa ar-Rashidin.

The objective of Islamic civilization is to weave human's relationship with the Creator. Apart from that, it also provides a better place for human's life, creating Islamic society comprising of various races and ethnics. Civilization achievement and state-of-the-art architecture becomes a symbol of greatness to the later generation.

This is the scope that has been pursued in Kelantan since 22 years ago. The state government under the leadership of ulama has been striving to re-elevate the glory of Islamic civilization, in remembrance of Tok Pulai Chondong's endeavour. The real name of this eminent ulama is Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah bin Imam Hashim.

Tok Pulai Chondong was born in Kampung Bukit, Pulai Chondong in 1792 (1207 Hijriah). At the age of 16, he was sent by his father to Mecca. In Mecca, he learnt from Sheikh Daud Patani. Coming back from Mecca, he opened up a center of learning, known as *pondok*, at Kampung

Bilal Talib, which then renamed as Kampung Surau Pulai Chondong. Many people came to learn religious knowledge at his *pondok*.

His famous students included Haji Jamaluddin, or more popularly known as Tuan Jamal, who was originally from Peringat. Other than that, was Haji Yaakub Mohamad, an ulama who was revered for his saintliness in Kampung Chekeli, Beta. Haji Muhammad Arshad Haji Abdul Samad, on the other hand, was an ulama who became an affection of Sultan Muhammad IV.

The Sultan Muhammad IV was the heir of Sultan Muhammad III. During his reign, the currency known as Pitis Jongkong was introduced. It was made of tin.

During the time of his rule, a rebellion spearheaded by Tok Janggut had sparked in Pasir Puteh on 1915. The Sultan also established Majlis Ugama Islam and Istiadat Melayu Kelantan on 24 December 1915. Islamic civilization had gained a strong footing in Kelantan by that time.

Such an effort is in line with Ibn Khaldun's sentiment, in which civilization is every produce of Muslim's thoughts in accordance to the guidance of Islam. Islamic civilization consists of spiritual and physical civilization development, while the western civilization simply emphasizes on material development.

Islamic civilization is meant to create a human being with the concept of belief in Allah SWT. Also, to create a human being with better system of life, who understands his responsibility as Khalifah of Allah.

Islamic Civilization protects the five cores

Moreover, Chief Minister, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat had many times preached on five elements considered essential in human civilization i.e. protecting life or soul, mind and thoughts, self-value and lineage, properties, and the rights for freedom.

Protecting life and soul is visible as the state government has prepared various efforts to assist the people. There is chronic disease fund to enable the poor access to financial assistance needed for their treatment. Plus, their families are also assisted while looking after patients in hospitals.

Protecting the mind and thoughts is illustrated as the state government limits the sales of alcoholic beverages. The premises for selling alcoholic beverages are approved based on non-Muslims' necessity only. Muslims are totally prohibited. This is due to the fact that alcoholic beverages intoxicate and can ruin a Muslim's mind.

In the context of protecting self-value and lineage on the other hand, Syariah Criminal Code Enactment (II) was passed in 1993 to allow punishment be made to anybody who is against Islamic law. Islam also prohibits adultery and Hudud law would be applied to its committer. This measure is taken to protect the descendants.

The same is applicable in the aspect of protecting properties. Hands amputation punishment is included in Hudud law to punish wrongdoers who steal, rob and such. Lesson learnt from such punishment would create harmony in Muslim society. However, the law has yet to be implemented due to constitution constraints.

Islam also assures that a person's rights for freedom are not violated. Freedom of speech, conscience, expression and such is given in Islam. Islam frees human beings from worshipping and devoting other than Allah SWT. This is in accordance to Surah Al-Fatihah, verse 4 and 5;

"Thee do we worship, and Thine aid we seek. Show us the straight way." These efforts are enabling the development of a madani society. In Surah Saba' verse 15, Allah SWT says; "There was, for Saba, aforetime, a Sign in their home-land - two Gardens to the right and to the left. Eat of the Sustenance (provided) by your Lord, and be grateful to Him: a territory fair and happy, and a Lord Oft-Forgiving!"

Prosperity could only be achieved when society members live in comfort, harmony, well-being, care and respect to each other. The ultimate goal to be achieved in a madani society is to attain the forgiveness of Allah SWT.

Forgiveness can only be attained when there is faith, righteousness, virtue, forbidding evils, free of wrongs, free of mazmumah (bad qualities) and full of mahmudah (good qualities).

Developing With Islam Policy

Hence, in materializing the madani society, religious approach is taken by Kelantan state government since 1990 until now. To revive Islamic culture in peoples' lives, Developing With Islam policy is introduced.

The policy becomes the 'soul' to state government administration mechanism. For appreciation of the policy, the concepts of Ubudiah

(worship), Masuliah (responsibility) and Itqaan are introduced. As every government servant appreciates the three concepts, they bound to recall in regard to sins and rewards before doing any deed. It is no wonder thus, that since 22 years, there is no state government leader being charged for bribery or any other abuse of power offences in the court of law.

State public officers who were found guilty on bribery and misappropriation charges too are very small in numbers. This is the outcome of administrative reforms that has been carried out in Kelantan since 1990 up to today.

Other than that, the state government also emphasizes on economical policy in managing the state's finances. Chief Minister famous quotes, "Be prudent but not miserly, spend but not extravagant."

The advancement of Islamic civilization in Kelantan is even more flourished by state government's effort to strengthen Islamic education. Islamic education is developed by opening up pure science classes in religious schools. Also, Maahad Tahfiz Wal Qiraat in Pulai Chondong is introduced and Maahad Tahfiz Sains is started in Berangan, Tumpat.

The state government has also established Maahad ad-Dakwah Wal Imamah as an early effort to replace Kelantan Islamic Foundation of Higher Education that was annulled by Barisan Nasional government in 1978.

Today, Maahad ad-Dakwah has prospered and now known as Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). In no time will it be upgraded to University College.

In cementing Islam into the heart of the people, the state government has earlier on set up Dakwah Halaqat Unit under Kelantan Department of Islamic Affairs. This unit appoints teachers for Quran and Fardhu Ain, as well as Halaqat assistance and officers in all districts of Kelantan.

Halaqat teachers manage religious classes in mosques, *surau* and *madrasah* every evening. Meanwhile, Quran and Fardhu Ain teachers teach the children to read the Quran and understand the obligations of fardhu ain in Islam.

The determination in preserving madani society in Kelantan is prioritized by the Chief Minister. This can be seen on every Friday morning,

in which Tuan Guru Nik Abdul Aziz delivers religious sermons regularly in Medan Ilmu, Jalan Dato' Pati.

The effort has actually started since 1982 when the leadership of ulama leads PAS. During that time, Dewan Zulkefli Muhammad located in second floor of Pejabat Perhubungan PAS Kelantan became the venue of routine lectures every Friday morning.

Today, Medan Ilmu is not only a place for religious and contemporary issues, but also has become a place for the people to earn their livings. It is as if killing two birds with one stone, learning the teaching of Islam, while earning a living at the same time.

Islamic civilization achievement in Kelantan arrived to its peak when Shariah Criminal Code Enactment (II) was passed by the State Legislative Assembly in October 1993.

The measure taken is parallel to Surah Al-Baqarah verse 178 and 179 in which Allah says: "Oh you who believe! The law of equality is prescribed to you in cases of murder; the free for the free, the slave for the slave, the woman for the woman. But if any remission is made by the brother of the slain, then grant any reasonable demand, and compensate him with handsome gratitude, this is a concession and a Mercy from your Lord. After this whoever exceeds the limits shall be in grave penalty. In the Law of Equality there is (saving of) Life to you, oh you men of understanding; that you may restrain yourselves."

According to Hadith from Sahih Bukhari: "Narrated Abu Huraira and Zaid bin Khalid Al-Juhani: A bedouin came to Allah's Apostle and said, "O Allah's apostle! I ask you by Allah to judge My case according to Allah's Laws."

His opponent, who was more learned than he, said, "Yes, judge between us according to Allah's Laws, and allow me to speak." Allah's Apostle said, "Speak." He (i .e. the bedouin or the other man) said, "My son was working as a laborer for this (man) and he committed illegal sexual intercourse with his wife".

"The people told me that it was obligatory that my son should be stoned to death, so in lieu of that I ransomed my son by paying one hundred sheep and a slave girl. Then I asked the religious scholars about it, and they informed me that my son must be lashed one hundred lashes, and be exiled for one year, and the wife of this (man) must be stoned to death."

Allah's Apostle said, "By Him in Whose Hands my soul is, I will judge between you according to Allah's Laws. The slave-girl and the sheep are to be returned to you, your son is to receive a hundred lashes and be exiled for one year." Ibn Taimiyyah in his book As-Siyaasah Shariyyah also said: "Whipping as in accordance to shariah law is a kind of moderate whipping with a whip that is not very light nor is very heavy."

It is proven that the Islamic civilization which began in Pulai Chondong in 1820 is being strengthened by Sultan Mohammad IV in 1911, and further glorified in the era of Tuan Guru Nik Abdul Aziz beginning 1990. It is flourishing even more today under the reign of Sultan Muhammad V.

References

Abdul Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omrdin Haji Ashaari, Arif Sayaa, 1995, *Tamadun Islam* Pustaka Majid, Kuala Lumpur.

Abdul Razak Mahmud, 2002, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu.

Ahmad Ibrahim (Prof), *Hukuman Sebat Dalam Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Awam di Malaysia,* kertas kerja.

Fauzian Mohamad, 1997, *Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani,* Pustaka Ilmi, Batu Caves, Selangor.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, 1987, *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia,* Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Mahmood Shith Khattab,1986, *Islam dan Kemenangan,* Pustaka Ikhwan, Alor Setar, Kedah.

Yusof Al Qardhawi (Prof Dr),1999, *Umat Islam Menangani Cabaran dan Tentangan Zaman,* Al Hidayah Publishers, Kuala Lumpur

Tamadun Islam dan Tamadun Asia, 2004, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Perubahan-Perubahan Di Kelantan Di Bawah Kepimpinan Ulamak, 1999, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ingkari Tauhid Faktor Kejatuhan Tamadun S

Oleh A'Ubaidillah Alias

Tamadun Islam yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW telah berjaya menguasai satu pertiga dunia. Ia bermula di bumi Madinah dan Mekah, lalu cahayanya menabrak ke seantero alam. Selain menguasai Baitul Maqdis di Palestin, Islam juga berjaya meruntuhkan tembok agama Constantinople di Turki. Bagaimanapun, barat dan sekutunya cuba memutar-belitkan fakta sejarah supaya hilang dan dilupakan dari lembaran tawarikh.

Ada pepatah menyebut *"Ignoring the facts may give you satisfaction, but it will lead to a catastrophe that cannot be ignored"* (Menyisihkan fakta mungkin memberikan kepuasan kepada kita, tetapi ia akan membawa kepada satu malapetaka yang tidak mampu kita sisihkan lagi).

Buktinya negara kita sekarang dikepung dengan kes jenayah dan gejala sosial yang meruncingkan. Gejala zina, pembuangan bayi, sumbang mahram, rompak, ragut dan rempit meningkat setiap masa. Situasi itu menuntut masyarakat dirawat segera. Betapa perlunya model tamadun dirintis Nabi Muhammad SAW diaplikasikan semula dalam pentadbiran kerajaan kita.

Tamadun Saba'

Antara tamadun yang boleh diekstrak menerusi pengajaran al-Quran ialah kerajaan Saba'. Firman Allah SWT :

"Sesungguhnya bagi penduduk Saba' di negeri mereka ada suatu ayat (tanda kekuasaan Allah) iaitu dua bidang kebun, di sebelah kanan dan di sebelah kiri, (di katakan kepada mereka), makanlah rezeki Tuhanmu dan bersyukurlah kepadanya, inilah negeri yang baik dan Tuhan yang pengampun." (Surah Saba'. Ayat : 15)

Tamadun Saba' menjadi kuasa besar di bahagian selatan semenanjung Tanah Arab. Suatu kuasa yang telah melalui zaman pembinaan, kegemilangan dan kajatuhan. Mempunyai pemerintahan yang bertahan selama ratusan tahun bermula pada tahun 950 SM sehingga 115 SM. Kegemilangan tamadun mereka telah dirakamkan oleh Allah SWT di dalam surah Saba' dan surah An-Naml.

Noktah paling penting yang menjadi punca kemajuan mereka didorong aspek ketaqwaan kepada Allah SWT dan akidah yang jitu. Maka sebab inilah Saba' disifatkan sebagai negara yang makmur dan mendapat pengampunan daripada Allah SWT.

ABA'

Jika dikaji kitab sejarah, seperti Al-Kamil fi al-Tarikh, Al-Bidayah wa Al-Nihayah, dan juga kitab-kitab tafsir berkenaan kisah tersebut, didapati zaman kegemilangannya berpunca daripada perutusan Nabi Allah Sulaiman A.S mentauhidkan Ratu Balqis yang memerintah Saba' agar beriman kepada Allah SWT. Di situlah detik permulaan zaman keagungan Saba'.

Tamadun Saba' dan barat ternyata amat berbeza. Ini kerana tamadun barat hanya bergantung kepada kekuatan ekonomi, teknologi dan ketenteraan sahaja. Sebaliknya Kerajaan Saba' merangkumi kemajuan dalam aspek akhlak, ekonomi, sosial dan ketenteraan. Paling membanggakan teknologi kejuruteraannya sehingga mampu membina empangan Ma'arib, yang masih kekal ke hari ini.

Kemakmuran dan keberkatan itu dapat dilihat kepada kehidupan penduduknya sehinggakan perempuan yang melalui di bawah ranuman buah tidak perlu memanjat atau mengait, tetapi buah-buahan akan masuk ke dalam bakul, sebagaimana diceritakan Qatadah.

Begitu juga pengembara yang berulang alik dari Saba' dan Syam yang terletak ribuan kilometer, musafir tidak memerlukan bekalan atau takut kepada ancaman perompak dan penyamun sebagaimana diceritakan Imam Zamakhsyari. Ia jauh berbeza dengan kebanyakan negara membangun hari ini, di mana kehidupan masyarakatnya dipenuhi perlakuan jenayah dan diselubungi ketakutan.

Apa yang penting untuk diperhatikan dalam surah Saba', hanya terdapat dua ayat yang menceritakan tentang keagungan mereka. Selebihnya diceritakan sebab-sebab kehancuran dan kejatuhannya. Di antara sebab utama mereka dihancurkan oleh Allah SWT adalah sikap tidak mensyukuri nikmat Allah SWT, sebagaimana firman-Nya :
"Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara." (Surah Saba' . Ayat : 16)

Ulama tafsir menyatakan mereka berpaling daripada mengikuti ajaran Rasul iaitu tauhid. Mereka kufur nikmat dan berbuat syirik kepada Allah! Inilah penyebab utama kecelakaan sesuatu umat. Kejatuhan kerajaan Firaun yang besar di tangan Nabi Musa, kerajaan Babylon di zaman Nabi Ibrahim, kerajaan Parsi dan Rom di zaman Nabi Muhammad SAW dan umatnya, disebabkan mereka tidak mengikuti ajaran para nabi yang diutuskan kepada mereka.

Antara sebab kecelakaan kaum Saba' ialah berlakunya monopoli yang berpunca daripada pemerintah yang tamak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"(Maka kemakmuran dan kemudahan itu menjadikan mereka sombong dan kufur) lalu berkata: "Wahai Tuhan kami, jauhkanlah jarak perjalanan kami (di antara sebuah bandar dengan yang lain)", dan mereka berlaku zalim kepada diri mereka sendiri; lalu Kami jadikan (kisah perbuatan derhaka) mereka: buah mulut orang ramai, serta Kami pecah belahkan mereka berkecai-kecai. Sesungguhnya kisah mereka yang tersebut mengandungi tanda-tanda (yang besar pengajarannya bagi tiap-tiap seorang (mukmin) yang sentiasa bersikap sabar, lagi sentiasa bersyukur." (Surah Saba'. Ayat : 19)

Kemudahan perjalanan dari Yaman ke Syam mengembirakan orang-orang miskin kerana dapat bermusafir dengan mudah. Tetapi kemudahan itu tidak disenangi pembesar Saba' kerana mereka berharap golongan miskin tidak dapat ikut serta.

Ini adalah antara sebab mengapa tamadun Saba' dibinasakan. Dan Allah SWT menyifatkan ia sebagai perbuatan yang menzalimi diri mereka sendiri. Negara kebajikan semakin lenyap. Negara perniagaan semakin terserlah dengan sikap monopoli secara berleluasa. Prinsip negara kebajikan yang dibina oleh para nabi dan rasul terabai. Model kerajaan kebajikan di zaman Iskandar Zulkarnain telah terhakis. Sikap monopoli seperti inilah, akhirnya menyebabkan kaum Saba' ditimpa banjir batu yang besar sebagai bala daripada Allah SWT.

H.H Raja Kelantan bersama Ahli Majlis Negeri Tahun 1909

Sejarah Awal Kelantan

Sejarah tidak pernah berbohong. Jika kita mengkaji sejarah Melayu secara menyeluruh maka hakikatnya orang-orang Melayu sejak zaman dahulu tidak pernah bersatu. Inilah yang membuka peluang kepada penjajahan dan penaklukan negeri-negeri Melayu. Pembelotan, pengkhianatan dan perebutan kuasa menyebabkan negeri-negeri Melayu mudah tewas kepada musuh.

Contohnya kerajaan Islam di Patani, sewaktu Raja Patani sedang membuat persiapan berperang dengan Siam, Raja Jambu pula menghulurkan tangan bersekongkol dengan Siam bagi menyerang Patani. Raja Patani akhirnya diusir dari buminya sendiri. Namun Siam juga tidak pula mempercayai Raja Jambu dan tidak mengangkatnya menjadi raja di Patani.

Sejarah Kelantan bermula pada tahun 1800, di mana Raja Muhammad mengisytiharkan dirinya sebagai sultan pertama Kelantan. Pada tahun 1812, baginda melepaskan diri daripada pengaruh Terengganu dan menghantar ufti kepada Siam secara berasingan.

Sejarah memperlihatkan majoriti Raja Melayu tidak memahami konsep khilafah yang berpusat kepada Amirul Mukminin, di mana mereka sanggup berpecah untuk memerintah daerah sendiri. Ini jelas menunjukkan kefahaman Islam masih lemah dan ketaksuban kepada keturunan atau bangsa mendorong keinginan untuk membolot kuasa.

Pada tahun 1820-an, Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang ramai bilangan penduduk serta makmur di Tanah Melayu. Kelantan berjaya mengelakkan perang dan pertikaian seperti yang menimpa negeri-negeri lain di selatan dan barat. Bagaimanapun selepas kekalahan Jepun pada Ogos 1945, Kelantan diserahkan Siam kepada pemerintahan British. Kelantan akhirnya menjadi sebahagian Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Melayu sukar bersatu

Melayu atas dasar kemelayuannya tidak memahami erti kesatuan. Ramai pengkaji menganggap Melayu merupakan bangsa yang suka membolot, berpuak dan taksub kepada kaumnya sendiri.

Sejarahnya membuktikan sejak ribuan tahun lampau. Malah sehingga ke hari ini Kelantan masih lagi dianaktirikan oleh pemerintahan Melayu yang menguasai kerajaan Persekutuan.

Semenjak ditadbir di bawah dasar Membangun Bersama Islam pada Oktober 1990, Kelantan dilayan seperti anak tiri biar pun bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan. Kelantan tidak mendapat hak yang sepatutnya bagi membangunkan negeri. Lebuh raya hanya berakhir di Terengganu.

Tiada pelabuhan biar pun mempunyai lokasi perdagangan yang begitu strategik. Hak royalti petroleum dinafikan, malah ditukar menjadi wang ihsan. Seperti pepatah Melayu 'kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan'.

Biar pun dianak tiri dalam banyak keadaan, namun acuan agama berjaya membentuk keperibadian masyarakat Melayu Kelantan. Ini kerana bumi Serambi Mekah sudah lama dilitupi dengan atmosfera agama. Kesedaran agama berjaya mengekang wabak berpuak-puak daripada terus menular. Dengan menjunjung legasi nabawi, ben-teng Serambi Mekah berjaya mempertahankan tamadun Kelantan.

Hari ini, Kelantan membuktikan keupayaannya mengharmonikan penduduk yang berbilang kaum. Masyarakat Cina, India, Siam dan Orang Asal hidup aman sejahtera di bawah payung ulama. Resepi yang digunakan bersusur-galur perjuangan Nabi Muhammad SAW. Dasar 'Membangun Bersama Islam' yang dibajai sejak lebih 21 tahun lalu kini semakin subur menghijau.

Islam menyatukan manusia

Bagi mentadbir sebuah komuniti yang pelbagai rencam dan ragam, hanya firman Allah Taala dan sabda Junjungan Nabi SAW sahaja yang layak menjadi rujukan. Ini hakikat kepada sebuah kebenaran. Sedangkan ideologi yang digetus daripada nafsu manusia ternyata sesat dan serba kekurangan.

Allah SWT berfirman "Dan (Allah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Sekiranya engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, pasti engkau tidak mampu menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Anfaal : ayat 63)

Nabi Muhammad SAW bersabda: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia".

Nabi menterjemahkan pekerti yang sejajar dengan panduan al-Quran. Baginda seorang lelaki lembut dan penyantun, merendah diri sehingga sanggup menyuap seorang Yahudi buta di tepi pasar Ukkaz setiap pagi. Baginda seorang suami yang sangat menghormati hak isteri.

Seorang pemimpin yang sangat adil terhadap rakyatnya. Seorang usahawan yang tidak pernah melakukan penipuan sehinggakan Raja Kaisar memujinya di hadapan pemimpin Quraisy iaitu Abu Sufian katanya, "Muhammad bukan seorang pembohong!"

Bagi menawan hati manusia, baginda tidak menawarkan projek berjuta ringgit. Nabi SAW tidak meletakkan dasar nepotisme dan kronisme dalam pentadbirannya, tidak ada rasuah mahu pun sogokan dalam usaha mengekalkan kuasa. Baginda tidak bermuka-muka untuk membuatkan orang kagum kepadanya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Qalam : ayat 4 bermaksud;
"Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia" .

Inilah legasi yang dibawakan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai seorang ketua kerajaan dan ketua agama. Kita yakin sekiranya legasi ini terus dipertahan, maka Kelantan adalah persis Madinah al-Munawwarah yang membawa kesejahteraan kehidupan umat manusia.

Pakaian para petani pada masa dahulu

Jambatan Guillemard dibina oleh British dalam Peperangan Dunia Kedua

(904346 A)

TEAN SIONG SDN. BHD.

Sabrina Court, Suite 8, Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-741 6999 **Faks:** 09-741 6990
E-mel: teansiong@hotmail.com

RM 400.00
(1 LITER)

RM 250.00
(500 ml)

RM 15.00
(180ml)

RM 3200.00
250 gram

RM 2800.00
250 gram

RM 2500.00
250 gram

RM 300.00
30 gram

RM 200.00
20 gram

RM 100.00
10 gram

100% SARANG BURUNG WALIT

TANPA BAHAN PENGAWET

TANPA BAHAN PELUNTUR

TANPA BAHAN PEWARNA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SKIM PEMERIKSAAN KESELAMATAN KESIHATAN
LULUS

MALAYSIA
حلال
HALAL
ماليزيا

Ar-Rahnu Agrobank

Menawarkan...

- **Pembiayaan sehingga 70%* dari nilai emas!!!**
- **Upah simpan serendah RM0.50* sebulan!**
- **Emas anda dijamin selamat**

* Tertakluk kepada syarat dan peraturan. Semua maklumat tepat pada masa percetakan. Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.agrobank.com.my**

Contact Centre:
1-300-88-2476

www.facebook.com/Agrobank

AGRO BANK

www.agrobank.com.my

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

SEJARAH TAMADUN ISLAM di Kelantan

Oleh Bozhanuddin Hj Ahmad

Mengenali Melayu Kelantan ada hubungkait dengan pencapaian tamadun dalam selakan sejarah. Orang Melayu Kelantan mempunyai budaya tersendiri yang menjadikannya lebih unik berbanding budaya kaum Cina dan India. Kefahaman tentang budaya Melayu Kelantan penting bagi menghidu bagaimana bangsa itu berupaya mencetuskan satu budaya dan fenomena sehingga berupaya menuntaskan pembinaan sesebuah tamadun.

Definisi Melayu daripada aspek bangsa, budaya, sejarah dan tamadun di zaman pra-sejarah sebenarnya ada hubungan dengan dunia luar dan kepulauan Melayu. Islam dan Melayu ada titik persamaan berpaksi sejarah sehingga kaum Melayu dijulang dan dihormati. Ajaran Islam meresapi dalam tatacara kehidupan masyarakat Melayu secara beransur-ansur sehingga berjaya mencorak kehidupan dan adat resam mereka.

Perkataan Melayu berasal daripada istilah Sanskrit yang disebut sebagai "Malaya". Ia merupakan kawasan yang dirujuk kepada tanah daratan di keliling i lautan (Hall,1994).

Melayu juga sering dikaitkan dengan "The Malay Archipelago" (Kepulauan Melayu), yang merangkumi kepu-

lauan Asia Tenggara. Perkataan Melayu juga dikaitkan dengan rumpun Melayu yang merujuk kepada etnik Melayu atau orang Melayu Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu dan tempat-tempat lain yang bercakap Melayu (Salazar, 1999).

Swettenham (1984) pula menafsirkan orang Melayu sebagai; *"The real Malay is a short, thick set, well-built man, with straight black hair, a dark brown complexion, thick nose and lips, bright intelligent eyes. His disposition is generally kindly, jis manners are polite and easy".*

Bangsa Melayu harum dengan budi pekerti yang sangat mulia. Keperibadian yang sangat lembut dan berbudi bahasa menjadi siulan masyarakat. Beberapa teori menunjukkan wujud asal-usul orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Teori pertama menyatakan orang Melayu berasal daripada puak pergunungan Yunan. Penghijrahan dan perpindahan orang Yunan ke selatan bermula pada tahun 1500 sehingga 2500 tahun sebelum Masihi lagi (Hall, 1960). Ada juga mengaitkan keturunan Melayu berasal dari Patani, Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu seperti Jawa dan Sumatera (Marcek, dalam Mohamad Zain, 1994).

Mengikut Abdullah Mohamed (1987) pula, nama Melayu telah popular sejak zaman keagungan Melaka pada abad ke-15 kerana raja-raja Temasik dan Melaka berasal dari "Malayu" atau "Jambi". Nama Melayu juga dikenali sebagai "Jawa" dan "Jawi" di Terengganu, Kelantan dan Patani.

Ketika itu bangsa Melayu terdedah kepada pengaruh tamadun Hindu, Arab, China, Islam dan Barat. Pengaruh yang paling kuat menyerapi masyarakat pada masa itu ialah Hindu dan Islam. Sebelum kehadiran ajaran Hindu, masyarakat Melayu sudah bertapak kukuh dengan budayanya sendiri. Bagaimanapun pengaruh Hindu meresapi dalam aspek agama, seni, adat resam, dan bahasa Sanskrit.

Namun kehadiran Islam ke alam Melayu telah mencorakkan kembali budaya dan adat resam orang Melayu. Masyarakat Melayu masih mengekalkan adat-adat berunsur Hindu yang tidak bercanggah dengan nilai ajaran Islam. Melayu juga diresapi sedikit sebanyak pengaruh budaya dari Barat. Jabatan Perangkaan Malaysia pula menjelaskan Melayu sebagai etnik Melayu yang merangkumi Indonesia, Negrito, Jakun, Semai, Temiar dan daripada suku Orang Asli lain.

Kalau dilihat dari sudut susunan masyarakat, kaum Melayu dibahagikan kepada dua golongan utama iaitu pemerintah dan rakyat. Golongan pemerintah terdiri daripada raja, pembesar dan rakyat merupakan golongan yang diperintah. Dalam struktur pemerintahan, raja dan kaum kerabatnya merupakan golongan yang dianggap mulia, suci, berdaulat, terhormat dan berkuasa. Istana yang memerintah masyarakat tradisi mempunyai beberapa keistimewaan iaitu kuasa politik yang mutlak dan kedudukan ekonomi kukuh. Istana juga merupakan pusat pemerintahan dan dianggap lambang perpaduan rakyat dan juga pusat kegiatan agama (Wan Abdul Kadir, 1986).

Budaya Melayu

Perubahan sosial sesebuah budaya masyarakat akan menghasilkan adat resam. Sesuatu budaya sangat berkait rapat dengan tindakan, idea dan artifak yang dipelajari melibatkan pembelajaran, pertukaran idea dan nilai. Budaya di Kelantan berasaskan peninggalan budaya yang dihasilkan generasi sebelumnya. Kelantan pernah terkenal dengan panggilan "Tanah Serendah Sekebun Bunga" ketika diperintah oleh seorang raja perempuan. Sejarah merakamkan semasa pemerintahan baginda, Kelantan terkenal dengan pelbagai aktiviti kebudayaan dan bertani (Norwani, 1994).

Ketika itu Kelantan sudah menerima ajaran Islam. Kebudayaannya mulai diresapi nilai-nilai Islam walaupun masih wujud unsur-unsur Hindu. Contohnya dapat dilihat dengan penghasilan kraf-kraf tempatan seperti tekstil. Motif kraf tempatan mula menekankan motif tumbuh-tumbuhan berbanding binatang

Masjid Kuno Champa, di Toly, Panduranga, Vietnam

ternakan seperti ayam dan burung. Kelantan terletak di lokasi strategik di antara Segenting Kra sehingga ia menjadi kawasan-kawasan persinggahan yang penting.

Selain itu, Kelantan juga terdedah dengan hubungan dunia luar seperti China, Arab dan India. Pertukaran barang dagangan seperti cengkih, rempah serta hasil hutan dari India, China dan Arab menyebabkan Kelantan menjadi lokasi pelabuhan yang sangat sibuk.

Kelantan juga subur kerana terdapat logam emas di perut buminya. Antara kawasan yang menjadi lokasi perlombongan bijih emas ialah Lembah Galas terutamanya di Kampung Pulai dan di Daerah Sokor, Tanah Merah. Kedua-dua penempatan tersebut melahirkan kebudayaan yang menjadi pemangkin perkembangan tamadun awal di Kelantan. Hal ini digambarkan dalam buku Geroraphy Ptolemy yang menyatakan Semenanjung Tanah Melayu digelar "Golden Chersonese" iaitu Semenanjung emas 160 30'E 4 15'N (Braddell & Douglas, 1980).

Islam merubah tamadun Kelantan

Perkembangan Islam di alam Melayu khasnya Kelantan telah membawa perubahan kepada adat resam masyarakat Melayu. Dipercayai Islam sampai di rantau ini semenjak abad ke-11 (Mat Rofa Ismail, 1994). Ahli sejarah berpendapat bahawa kedatangan Islam di alam Melayu telah wujud pada sekitar tahun 1000 Masihi. Agama tersebut dikembangkan oleh orang-orang Patani melalui Campa. Kedatangan Islam ke Kelantan dipercayai dibawa melalui Campa dari negara China iaitu merentasi Canton dan Pulau Hainan, di mana ketika itu terdapat pedagang bangsa Arab.

Semenanjung Tanah Melayu merupakan penempatan awal Islam di rantau ini. Buktinya berdasarkan penemuan sekeping wang emas di Kampung Kubang Labu yang terletak di tebing Sungai Kelantan lebih kurang 97 tahun lampau (1915). Duit emas itu tertulis perkataan "al-mutawakkal ala Allah" (berserah kepada Allah), manakala di sebelah lagi bertulis "Al-Julus Kelantan" (lambang Kerajaan Kelantan) bertarikh OVV, 577 tahun Hijrah.

Penemuan Batu Bersurat di Terengganu pada tahun 1922 yang tercatat tarikh 702 dan 786 Hijrah, sekitar tahun 1303 atau 1389 Masihi juga menjadi bukti Islam lebih awal tersebar di Pantai Timur Semenanjung.

Selain itu, pengembaraan Ibnu Batutah ke China yang dirakamkan dalam buku Ibn Battuta Travel to Asia and Africa singgah ke suatu tempat di Kepulauan Melayu yang ditafsirkan sebagai Kuala Krai, Kelantan pada tahun 1345. Catatan tersebut mencatatkan penduduk di Kuala Krai pada masa itu sudah mengamalkan ajaran Islam dan diperintah oleh seorang wanita yang beragama Islam bernama Urdurja.

Jelaslah kepada kita bahawa Pantai Timur Tanah Melayu telah menerima Islam lebih awal berbanding Melaka iaitu pada awal abad ke-12. Pertumbuhan pusat-pusat pengajian agama lebih banyak terdapat di Pantai Timur, khususnya di Kelantan berbanding tempat lain.

Kelantan terbukti menjadi lokasi pengembangan Islam yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu.

AnF Holidays

SDN. BHD (SSM:633509U)
KPL / LN. 3937

No. 5515D, Tingkat 1, Wakaf Siku, Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim, Malaysia
Tel: +609-748 8600 **Fax:** +609 748 9600
E-mail: anf@streamyx.com, anf.holidays@yahoo.com
Blog: anfkotabharu.blogspot.com,
pakejmelancong.com
facebook ANF HOLIDAYS SDN BHD

MITA MALAYSIAN INBOUND TOURISM ASSOCIATION
MATTA

HOTLINE:
019-919 4404
09-748 8600

Special Highlight
KELANTAN PACKAGES

GUNUNG STONG STATE PARK ADVENTURE
HARGA DARI **RM85.00**/PAX

NENGGIRI WHITE WATER RAFTING
HARGA DARI **RM215.00**/PAX

KOTA BHARU PACKAGE
HARGA DARI **RM75.00**/PAX

Special Promotion!
UMRAH & ZIARAH 2012

UMRAH PACKAGE
HARGA DARI **RM4,990.00**

Visit our website for more information:
www.anfholidays.com.my

GROUND

BEIJING: RATES FROM
RM155.00/PAX

TIANJIN BEIJING: RATES FROM
RM185.00/PAX

HO CHI MINH CITY: RATES FROM
RM501.00/PAX

PACKAGE

PHUKET: RATES FROM
RM690.00/PAX

BEIJING: RATES FROM
RM2,990.00/PAX

HO CHI MINH - CU CHI TUNNEL: RATES FROM
RM1,490.00/PAX

JAKARTA - BANDUNG: RATES FROM
RM1,009.00/PAX

GHUANGZHOU: RATES FROM
RM2,300.00/PAX

KUNMING - LIJIANG - DALI: RATES FROM
RM3,650.00/PAX

TICKETING

DOMESTIC
MALAYSIA AIRLINES
AIR ASIA
FIREFLYZ

INTERNATIONAL From KUALA LUMPUR
EUROPE rates from RM 1,580.00 (Kuwait Airways)
SAIGON rates from RM 107.00 (Vietnam Airlines)
CHINA rates from RM 450.00 (China Airlines)
JAKARTA rates from RM 219.00 (Malaysia Airlines)
MEDAN rates from RM 11.00 (Malaysia Airlines)
JAPAN rates from RM 375.00 (Malaysia Airlines)
KOREA rates from RM 455.00 (Malaysia Airlines)

malaysia AIRLINES AirAsia firefly

OTHER SERVICES
- MEETING & SEMINAR (MICE)
- VISA SERVICES
- TRANSPORTATION
- HOTEL RESERVATION


Dahulu

Kini

Sebelum 1990: *Suasana di Kelantan Agak Celaru*

Oleh Yaakub Dasan

Sebelum tahun 1990, suasana di Kelantan agak celaru dan kucar-kacir apabila pemerintah mencampur-adukkan antara maksiat dan kebaikan. "Kalau pun ada kebaikan, ia akan lenyap begitu sahaja akibat ditenggelami pelbagai maksiat dan perbuatan mungkar," kata ADUN Bukit Tuku, YB Haji Abdul Fatah Haron.

Baginya kerajaan UMNO dan Barisan Nasional (BN) tidak ada keberanian untuk bertindak menentang perbuatan mungkar. Itulah punca menyebabkan perbuatan maksiat berkembang dan merebak di sana-sini, terutamanya di bandar-bandar. Berbeza berbanding kerajaan sekarang. Kerajaan PAS Kelantan merangka dasar pemerintahan dengan mengambil kira garis panduan ditetapkan dalam al-Quran, Hadis dan ijmak ulama.

Asas pemerintahan itu disepakati parti-parti yang bernaung di bawah Angkatan Perpaduan Ummah iaitu PAS, Parti Melayu Semangat 46, Hamim dan Berjasa.

"Selepas menang Pilihan Raya 1990, langkah pertama yang diambil oleh kerajaan negeri adalah memindahkan wang simpanan tetap kerajaan dari bank-bank konvensional ke Bank Islam bagi mengelakkan unsur riba. Ini merupakan suatu tindakan tepat dan tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak. Hasil keberanian Menteri

Besar mengarahkan pemindahan wang ke Bank Islam, sekarang banyak bank-bank konvensional mewujudkan sistem kewangan Islam," kata Abdul Fatah.

Ditanya apakah kerajaan sekarang mampu mengekalkan dasar berpaksikan Islam? Katanya yang juga bekas anggota parlimen Rantau Panjang, "kerajaan perlu sentiasa melakukan semakan terhadap dasar yang dilaksanakan bagi memastikan tiada perlanggaran sehingga boleh mengundang kemudaratan".

Misalnya, kerajaan perlu sentiasa menyemak premis menjual arak sesuai dengan jumlah penduduk bukan Islam. Ia penting bagi mengelakkan penyalahgunaan lesen premis yang dibenarkan.

Selain itu perlu mengekalkan larangan kedai gunting lain jantina (unisex), kelab-kelab malam dan pusat-pusat perjudian kerana ia boleh menyuburkan kegiatan maksiat.

Polisi lain memastikan pekerja-pekerja wanita di mana-mana premis termasuk pasar raya memakai pakaian menutup aurat bagi beragama Islam dan pakaian sopan untuk bukan Islam. Begitu juga larangan memperagakan gambar-gambar wanita yang tidak menutup aurat di papan-papan iklan di tempat awam dan di premis perniagaan.

Abdul Fatah bukan orang baru dalam politik di Kelantan, penglibatannya bermula sejak awal lagi kerana pernah mendapat didikan asas ilmu politik ketika belajar di Maahad Al-Ehya Al-Shariff, Gunung Semanggul, Perak.

Beliau sebenarnya mewarisi perjuangan ayahnya, Haji Haron Sulong yang pernah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Lemal selama empat penggal berturut-turut dari tahun 1959 hingga 1974.

Haji Haron juga pernah mendapat anugerah pingat SMK (Seri Mahkota Kelantan) daripada Sultan Kelantan. Beliau merupakan guru agama

yang mengasas Pondok Kampung Cabang Tiga Repek, Rantau Panjang. Menimba ilmu agama di Mekah pada zaman mudanya.

Hari ini perjuangan Haji Harun diteruskan anaknya. Haji Abdul Fatah yang lebih mesra dengan panggilan Abe Tah. Beliau sentiasa kelihatan 'simple' dan sederhana. Lidahnya petah berbicara terutamanya berkaitan isu politik semasa. Kemesraan mudah terpancar biar pun kali pertama bersua muka.

Tangan mudah dihulur tanpa mengira sesiapa.

Sejak dari awal penglibatan dalam politik, beliau mengamalkan gaya hidup secara sederhana. Biar pun ayahnya dikenali ramai dan mempunyai kedudukan dalam masyarakat, namun kehidupan Abe Tah kekal dengan gaya lama.

Hari ini usianya melewati 64 tahun. Sejak 1982 sehingga sekarang, sudah enam kali beliau menyertai pertandingan dalam Pilihan Raya iaitu tiga kali bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan dua kali untuk kerusi Parlimen.

Kali pertama Abe Tah bertanding di DUN Lemal ialah pada tahun 1982. Dalam pertandingan itu Abe Tah ditentang Noor Mohamed Md Din daripada BN dan menang dengan majoriti 258 undi.

Kali kedua beliau bertanding di DUN sama yang ditukar kepada nama DUN Bukit Tuku. Pada pertandingan itu beliau ditentang oleh calon BN, Zakria Boto' tetapi Abe Tah tewas dengan majoriti 372 undi.

Pada Pilihan Raya kecil kawasan yang sama selepas kematian Zakria Boto' 1987, Abe Tah sekali lagi turun gelanggang dalam pertandingan tiga penjuru, di mana Mohd Zain Ismail mewakili BN dan Nor Mohamad (Bebas).

Bagaimanapun Abe Tah tewas dengan majoriti 100 undi.

Sekalipun dua kali menempuh kekalahan namun semangat Haji Fatah tidak pernah luntur. Beliau bertanding buat pertama kali di kerusi Parlimen Rantau Panjang pada tahun 1999 menentang calon BN, Wan Mohd Fuad Wan Abdullah. Dalam pertandingan itu Abe Tah menang dengan majoriti 8565 undi.

Kemudian pada Pilihan Raya Umum 2004, Abe Tah sekali lagi menewaskan calon BN, Abdullah Mohd Yasin (BN) bagi kerusi Parlimen yang sama dengan kemenangan majoriti 723 undi.

Pada Pilihan Raya Umum ke-12 (Mac 2008), Abe Tah menentang Dato' Mohd Zain Ismail di DUN Bukit Tuku dan menang dengan majoriti 456 undi.

"Saya mahukan PAS terus memerintah negeri ini untuk membolehkan dasar-dasar pemerintahan secara Islam dapat dilaksanakan dengan cemerlang bagi mengekalkan tamadun Islam di Kelantan," katanya pada temubual di Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Bukit Tuku di Lubok Jong, baru-baru ini.

Abe Tah pernah mendapat penganugerahan pingat SMK dan JP dari Sultan Kelantan. Beliau juga dilantik Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan pada tahun 2010 bagi memantapkan pentadbiran kerajaan negeri.

Selain itu beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) sejak tahun 2008.

Ditanya mengenai ciri-ciri Tamadun Kelantan, beliau menjelaskan pengertian perkataan tamadun bermakna kemajuan atau *civilization* atau perkembangan tatasusila mengikut kaca mata agama. Ia ada kaitan dengan kemajuan dari segi ke-Islaman dan akhlak.

"Ini bermakna tamadun awal dalam Islam berlaku sejak Nabi Muhammad SAW menerima wahyu pertama dari Allah SWT pada 17 Ramadhan bersamaan 6 Ogos 610 Masihi," ujarnya.

Dalam al-Quran Allah berfirman yang bermaksud: "Dan tidak diutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk memberi rahmat kepada sekalian alam."

Ternyata tamadun saling berkaitan dengan kedatangan Islam dan keperibadian Rasulullah SAW.

Dalam pembentukan masyarakat Islam pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat, telah ditetapkan syariah sebagai asas, diikuti oleh pembangunan akhlak, pembentukan peribadi Muslim dan pembinaan tempat ibadat serta persaudaraan Islam.

PAK YAZID PERNAH DIANCAM BUNUH

Oleh Nazri Abdullah

Di Lorong Kiri 10, Dato' Keramat Kuala Lumpur, tersergam sebuah bangunan empat tingkat dengan papan tanda besar berwarna hijau bertulis 'Al-Ikhwan'. Di sini duduknya seorang pendakwah bebas, berhati mulia, yang mahu berbudi kepada anak bangsa iaitu Ustaz Yazid Ja'afar atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Yazid.

Sesuai dengan maksud Al-Ikhwan iaitu persaudaraan, Pak Yazid mengasaskannya sebagai pusat pengajian agama Islam bagi penduduk sekitar dan sebagai tempat perlindungan bagi mereka yang memerlukan khususnya warga emas.

"20 tahun dahulu saya memang berniat untuk bina bangunan untuk dijadikan Maahad Tahfiz dan tempat menimba ilmu agama untuk orang ramai. Alhamdulillah saya buka kelas pengajian hujung minggu di Jalan Raja Alang, Kampung Baru, berdekatan Masjid Jamek dan ramai yang datang menderma. Ada yang bagi barang kemas, wang dan barang-barang lama yang kesemuanya bernilai lebih RM200 ribu." Ceritanya sambil menyarung baju Melayu putih yang sering dipakainya untuk menyampaikan kuliah.

"Dengan duit orang ramai itulah saya beli tanah dan bina bangunan ini," ceritanya memulakan perbualan dengan QIADAH.

Bertanding lawan Tun Razak

Nama Pak Yazid sebenarnya bukan asing di kalangan rakyat negara ini khususnya yang mengikuti sejarah awal politik negara. Namanya pernah mengisi dada-dada akhbar pada suatu ketika, sewaktu beliau bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1969 sebagai calon PAS menentang Perdana Menteri waktu itu Tun Abdul Razak di Parlimen Pekan, Pahang. Ketika itu beliau merupakan Pesuruhjaya PAS Negeri Selangor.

"Tak ada orang berani nak lawan Tun Razak. Saya waktu itu nekad lawan Tun Razak sementara saya juga disokong oleh kerabat DiRaja Pahang.

"Kenderaan mereka berkibar dengan bendera PAS apatah lagi adinda Sultan Pahang pernah menjadi Pesuruhjaya PAS Pahang. Biarpun tewas, tapi wang deposit tidak hilang," ujarnya sambil tersenyum. Pada tahun itu jugalah berlakunya tragedi hitam negara pada tanggal 13 Mei yang menyaksikan rusuhan kaum berlaku.

Kini usia Pak Yazid mencecah 84 tahun. Beliau dilahirkan pada 10 Mei 1925. Biarpun usianya lebih separuh abad, namun masih kuat dan mampu memandu kereta Proton Personanya sendirian memenuhi jemputan kuliah agama sekitar Kuala Lumpur.

Menyoroti sedikit biografi beliau, anak kelahiran Kampung Trong, Taiping ini pernah menjadi pemimpin Angkatan Pemuda Insaf (API) sekitar akhir tahun 40-an. Sebelum terlibat dengan PAS kemudiannya, beliau pernah berkhidmat sebagai tentera selama 7 tahun bermula tahun 1947 hingga 1954 dengan pangkat terakhirnya iaitu Sarjan.

Selepas keluar dari tentera, beliau kemudiannya melibatkan diri secara aktif dalam politik dan pernah berkerja di Pejabat Agung PAS di Kuala Lumpur. Selain diamanahkan sebagai Pesuruhjaya PAS Selangor, beliau juga pernah menjadi Pegawai Penerangan Luar PAS Pusat di zaman itu. Ketika itulah, kehebatan pidato Pak Yazid terserlah. Suaranya yang lantang mengritik dasar kerajaan menarik orang ramai mengerumuni ceramah-ceramahnya.

Apatah lagi ketika itu beliau sangat rapat dengan Yang DiPertua Agung PAS (kini Presiden) Tan Sri Dato' Mohd Asri Muda. Ke mana sahaja Dato' Asri pergi berceramah, Pak Yazid setia menemaninya. Sehinggakan gaya pidato Dato' Asri itu bagai turun kepadanya.

Pernah diacu senapang

Biarpun begitu, beliau juga tidak terlepas dari tentangan pihak yang tidak menyenangi kebolehannya mempengaruhi masyarakat melalui ceramahnya.

"Saya masih ingat ketika berceramah di Batak Rabit, Teluk Intan apabila seorang pemuda mengasah parang hingga berkilat di depan saya kononnya mahu takutkan saya. Tapi saya tidak berganjak," ujarnya bersungguh.

"Pernah sewaktu berceramah di Repek, Kelantan seorang penduduk mengacukan senapangnya untuk membunuh saya, tetapi mujur dihalang orang ramai."

"Ketika di Parit Buntar, sekumpulan penduduk mengerumuni saya. Ketika itu saya sedang menampal *poster*. Tiba-tiba mereka halau saya dengan berkata; "tak payah tampal *poster* di sini kerana kami di sini semuanya telah kafir", ceritanya lagi.

Itu baru sedikit insiden-insiden mencemaskan yang menimpa beliau dan ia masih segar dalam ingatannya. Pengalaman yang dilaluinya sepanjang dalam PAS cukup menjadikan beliau seorang yang kental menempuh perjuangan sehingga kini.

Digelar 'bulldozer PAS' dan 'anak emas' Dato' Asri

Ekoran hubungan yang sangat rapat dan lenggok ceramah yang hampir sama dengan Dato' Asri, Pak Yazid pernah digelar 'anak emas' kepada Yang DiPertua Agung PAS itu. Sehinggakan pada zaman kegemilangannya itu, masyarakat menganggap setiap patah perkataan yang keluar dari mulutnya adalah datangnya dari Dato' Asri. Begitu sekali gambaran keakraban mereka.

Bagaimanapun, hubungan mereka renggang selepas PAS menyertai kerajaan campuran bersama BN pada tahun 1973. Dato' Asri pada waktu itu antara mereka yang bertanggungjawab membawa PAS menyertai UMNO. Sedangkan, Pak Yazid ketika itu antara orang yang paling lantang menentang usaha PAS untuk bersama BN menubuhkan kerajaan campuran.

Dengan ketegasan prinsip, beliau meletak jawatan Pegawai Penerangan Luar PAS sebagai tanda protes terhadap tindakan PAS itu.

"Biarpun dahulu saya dianggap anak emas, tetapi saya tetap dengan

PAK YAZID

letak jawatan bantah PAS sertai BN

prinsip saya dan tidak ikut beliau (Dato' Asri) keluar parti pada tahun 1988. Saya tidak goncang dan goyah," tegasnya.

Gelaran 'bulldozer PAS' pula diterimanya ekoran komitmennya berjuang dengan PAS tanpa mengira penat lelah. Masanya dihabiskan semata-mata membangkitkan kesedaran rakyat waktu itu agar bersama dengan parti Islam. "Masa itu PAS susah, tak ramai yang tahan, ramai yang tinggal PAS, tapi saya pertahankan PAS," katanya.

Tolong beli songkok Tok Guru Nik Aziz

Pak Yazid, sebenarnya juga sangat rapat dengan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat sejak dahulu lagi. Ketika Tok Guru mula-mula menjadi ahli parlimen mewakili kawasan Pengkalan Chepa, Pak Yazid merupakan antara individu yang menguruskan keperluan Tok Guru ketika datang ke Kuala Lumpur untuk menyertai sesi persidangan Dewan Rakyat.

Pak Yazid biasanya menumpangkan Tok Guru di rumahnya yang terletak di Kampung Baru, iaitu di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur setiap kali sesi parlimen berlangsung. Bahkan, Pak Yazid menyediakan satu bilik khas buat Tok Guru di rumahnya untuk berehat dan menyelesaikan tugasan parlimen.

"Saya masih ingat waktu itu dia datang ke Kuala Lumpur untuk angkat sumpah sebagai Ahli Parlimen. Dia pakai serban, tapi angkat sumpah tak boleh pakai serban, kena pakai songkok. Lepastu saya la yang bawa dia pergi cari pakaian dan beli songkok," katanya lagi.

Begitulah keakraban mereka, saling tolong-menolong sehingga banyak perkara dikongsi bersama antara mereka. Menurut Pak Yazid lagi, apa yang sangat dikaguminya terhadap keperibadian Tok Guru Nik Aziz bukan hanya keilmuan yang ada padanya, malah juga kepatuhan beliau kepada kedua ibu bapa.

Sepanjang perkenalan mereka, Tok Guru Nik Aziz katanya seorang yang sangat menjaga adab dengan orang tua lebih-lebih lagi dalam bab membuat sesuatu keputusan untuk dirinya. "Dia ini semua tanya ayah. Bila orang mintak dia bertanding pun dia kata dia ok, tapi kena tanya ayah. Dia sangat taat, ikut kata ayah dia. Nak datang mesyuarat di KL pun dia tanya ayah dia dulu," sambung Pak Yazid lagi.

Pendakwah sepenuh masa

Selepas meletakkan jawatan dalam PAS ekoran penentangannya terhadap penyertaan dalam kerajaan campuran, Pak Yazid menumpukan sepenuh perhatiannya kepada tugas dakwah. Bermula dari mengajar kelas-kelas agama di rumah dan masjid, beliau kini berjaya membina pusat dakwah Al-Ikhwan dengan bantuan orang ramai.

Kini, tugas dakwahnya itu sedikit lebih mudah dengan tertubuhnya Al-Ikhwan yang dirasmikan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz pada tahun 2009 lalu. Pada setiap hari minggu, di sinilah tempat berkumpul orang ramai menadah kitab dan mengutip mutiara ilmu dari Pak Yazid. Tanpa mengira bangsa mahupun usia, semua yang beragama Islam dialu-alukan mengikuti pengajian di pusat dakwah ini.

"Anak murid kalau nak kira memang ramailah. Malah ada yang datang ini dahulunya wanita-wanita UMNO. Tapi sekarang bila mereka ikut pengajian agama, mereka sudah banyak berubah," kata Pak Yazid.

Selain mengajar di Al-Ikhwan, Pak Yazid juga menjadi pengkuliah jemputan di jabatan-jabatan kerajaan termasuk sering menerima undangan mengajar di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. **"Dalam perjuangan dakwah ini, tidak ada istilah pencen atau berhenti, ia terus sampai mati,"** tegasnya menjelaskan itulah prinsip yang dipegang dalam hidupnya.

SAIFUDDIN NASUTION

Hujahnya berfakta sukar disanggah

Oleh Rossem

Nasution, tidak mungkin sebuah nama yang sengaja diberikan ibu bapa kepada anak-anak tanpa ada kaitan dengan leluhur atau marga dari sebuah keluarga besar. Seperti juga gelaran Nik, Tengku, Tuan atau Wan bagi orang Kelantan.

Nasution menurut salasilahnya ialah sebuah marga dari kalangan suku Mandailing yang mendiami wilayah di Sumatera, Indonesia. Di antara mereka ada yang berhijrah ke Tanah Melayu sebelum Inggeris menjajah negara ini. Selangor dan Kedah adalah antara negeri pilihan mereka.

Begitu juga sebuah nama yang dikenali ramai di persada politik negara sekarang. Saifuddin Nasution sama ada bersalasilah daripada sebuah marga atau tidak itu tidak penting.

Apa yang mahu dibicarakan ialah Saifuddin Nasution Ismail seorang ahli politik Malaysia daripada Parti Keadilan Rakyat (KeADILan) yang disegani kawan dan digeruni lawan. Kehebatannya berhujah serta kemampuan mengutarakan pelbagai isu serta penyelewengan dengan diselitkan fakta menyebabkan pihak lawan tidak berani menyanggah.

Susuk politikus ini ternyata masih muda menurut hitungan usia. Beliau dilahirkan pada tanggal 7 Disember 1963 di Kedah. Selepas menamatkan pendidikan rendah dan menengah di Negeri Jelapang Padi beliau melanjutkan pelajaran ke universiti

di Tamagawa Gakuen, Tokushima, Jepun. Beliau juga memperolehi Sarjana Sains (Agronomi) daripada Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sebelum bergiat aktif dalam politik, Saifuddin merupakan seorang tokoh pimpinan mahasiswa yang lantang menyuarakan pelbagai isu di menara gading dan rakyat di desa. Rakyat marhaen yang sering ditindas dan ditinggalkan dalam arus pembangunan diperjuangkan anak muda itu. Beliau amarah apabila pemerintah hanya mementingkan segelintir kelompok yang dekat dengan pemimpin atasan sahaja.

Beliau pernah menduduki kerusi Presiden Persatuan Mahasiswa UPM. Selepas meninggalkan kampus, beliau aktif dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan sosial. Beliau menggerakkan pelbagai program yang melibatkan penyertaan masyarakat sebelum bergiat aktif dan mencurahkan khidmat di bawah payung UMNO.

Karier politiknya bermula di gubuk UMNO. Pernah menjadi Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, di mana beliau bertindak sebagai Setiausaha Pemuda UMNO dan Setiausaha Pemuda Barisan Nasional. Dalam masa yang sama beliau bertugas sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Luar Malaysia, Dato' Seri Syed Hamid Albar.

Selain itu, beliau menjawat kedudukan Setiausaha Politik Menteri Undang-undang dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Politik Menteri Pertahanan dan Pengurus BMR Estet, Kulim.

Semasa masih lagi bersama UMNO, Saifuddin pernah mengambil bahagian dalam satu protes menentang "Second Asia Pacific Conference on East Timor" di sebuah hotel di Kuala Lumpur pada tahun 1996. Beliau mengetuai sekumpulan penunjuk perasaan seramai 400 orang berdemonstrasi sebagai menyahut cabaran Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob. Dalam dialek Perak, Megat Junid mencabar "kalau tidak, saya anggap Pemuda UMNO tiada telur".

Penglibatannya dalam UMNO tidak lama, walaupun waktu itu sering disebut-sebut sebagai salah seorang tokoh pemimpin pelapis yang berwibawa memimpin UMNO di hari mendatang, namun beliau telah membuat keputusan sebaliknya meninggalkan parti berteras bangsa itu.

Tindakan beliau meninggalkan UMNO setelah isu kezaliman, fitnah dan konspirasi politik ke atas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Menurutnya segala dakwaan ke atas bekas Presiden ABIM tersebut sangat keterlaluan dan di luar batas-batas peradaban bangsa.

Beliau akhirnya bersama Anwar memimpin gerakan rakyat menuntut reformasi dan keadilan. Akibat tindakan itu beliau dilabel sebagai penderhaka kepada Tun Dr Mahathir Mohamad. Kemudian dipecat daripada kedudukan dalam kerajaan dan UMNO pada tanggal 2 September 1998.

Bergelar YB

Pertama kali menyertai Pilihan Raya apabila bertanding pada Pilihan Raya Kecil Lunas, Kedah pada tahun 2000, atas tiket KeADILan ekoran kematian Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional (BN), dan Saifuddin menang dengan majoriti 531 undi.

Pada Pilihan Raya Umum ke-11 tahun 2004, beliau bertanding buat kali kedua iaitu di Parlimen Padang Serai, Kedah tetapi tewas di tangan calon BN, Lim Bee Kau. Selepas itu beliau berhijrah ke negeri asal isterinya, Datin Norhayati Musa di Machang, Kelantan.

Di Kelantan, bakat kepimpinannya bersinar semula. Beliau dilantik mengetuai Tabung Amanah Tok Kenali, sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Kelantan.

Peranannya ialah mendaftar warga emas yang berusia 60 tahun ke atas bagi menyertai Skim Takaful Kifaalah. Pelan takaful tersebut memberi manfaat kepada warga emas yang meninggal dunia di mana wasi akan dibayar pampasan sebanyak RM1,500.

Pada Pilihan Raya Umum ke-12, Saifuddin Nasution bertanding di Parlimen Machang dan berjaya mengalahkan calon BN, Dato' Sazmi Miah, Setiausaha Parlimen Kementerian Alam Sekitar.

Saifuddin antara tokoh politik KeADILan yang sangat rapat dengan pimpinan PAS di Kelantan. Beliau dikenali ramai selepas kejayaan Tabung Amanah Tok Kenali merintis program Takaful Kifaalah. Program berkenaan kini turut diperkenalkan di Kedah dan Selangor.

Kebolehan dan bakat yang ada padanya menyebabkan beliau dilantik sebagai Pengerusi KeADILan Kelantan. Tidak lama kemudian, beliau dilantik pula sebagai Pengarah Strategik KeADILan Pusat. Bakat kepimpinan dan peranan penting dimainkan di parlimen menyebabkan KeADILan memberi kepercayaan kepadanya sebagai Setiausaha Agung parti tersebut sehingga sekarang.

Jasa dan pengorbanannya bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh rakyat dan Pakatan Rakyat, sebaliknya turut menarik perhatian Sultan Kedah. Sempena ulangtahun keputeraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada 15 Januari 2011, baginda berkenan menganugerahkan Darjah Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Dato' kepada Saifuddin Nasution.

Penganugerahan itu melengkapkan tamadun yang dicipta anak muda kelahiran Pokok Sena, Kedah tersebut bagi melebarkan pengaruh politik baru di negara ini. Kejayaannya turut dikongsi isteri tercinta, Norhayati dan empat orang anak mereka.

KELANTAN JEJAKI ARUS PEMBANGUNAN

Oleh **M FAQIH**
Gambar **AHMAD NA'IME HJ MUHAMMAD**

Di timur lautnya wilayah Narathiwat, Thailand; di sebelah barat pula Grik, Perak; di selatan bersempadan dengan daerah Kuala Lipis, Pahang dan di tenggaranya Besut, Terengganu. Pantainya mengadap Laut China Selatan.

Kawasan tanah pamah dan landai memanjang dari Machang ke Pengkalan Chepa dan melebar dari Bachok ke Tumpat. Di situ terbentang tanah pamah yang dipisahkan delta Sungai Kelantan. Sayup mata memandang bendang menghijau dengan tanaman padi.

Menghala ke selatan, laluan mulai "berombak" apabila bukit, banjaran, lembah dan lurah kelihatan di merata tempat. Jajahan Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang menjadi pasak menstabilkan bumi Kelantan. Tunjangnya berakar sehingga ke perut bumi. Di dadanya menimbun batu-batu granit dan batu kapur sehingga memuncak setinggi bangunan. Di situlah subur pelbagai tumbuh-tumbuhan dan fauna yang subur menghijau.

Keluasan bumi Kelantan ialah kira-kira 1.5 juta hektar atau 14,922 kilometer persegi. Keluasan tersebut meliputi 4.4 peratus saiz negara kita. Buminya mencakupi 10 jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang.

Inilah pengenalan bumi Kelantan yang dikenali ramai sebagai sebuah negeri unik. Keunikannya diperkata ramai apabila rakyat Kelantan mempunyai keberanian membuat perubahan politik. Sebelum merdeka rakyat Kelantan memilih Perikatan mentadbir negeri itu. Namun pada 1959 parti Islam pula menjadi pilihan.

PAS menjadi kerajaan sehingga 1978. Kemudian dekad 1978 sehingga 1990 Barisan Nasional kembali menjadi tuan di negeri Cik Siti Wan Kembang. Uniknya pemikiran politik rakyat Kelantan apabila bertaut semula dengan PAS dan Angkatan Perpaduan Ummah pada Oktober 1990. Sejak tempoh itu Islam terus subur di bumi Kelantan.

Sudah lebih 22 tahun rakyat Kelantan berketuakan seorang ulama. Berserban dan berbaju Melayu, kadang-kadang berjubah gaya seorang Menteri Besar menambah lagi koleksi keunikan yang ada di Serambi Mekah. Di bawah dasar Membangun Bersama Islam (MBI) Kelantan mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negeri-negeri lain yang ditadbir BN.

Pembangunan Kota Bharu kian pesat berkembang sejajar dengan konsep 'Membangun Bersama Islam'

Malah, rakyat Kelantan mampu berbangga biar pun dalam banyak keadaan menjadi mangsa diskriminasi kerajaan Pusat, namun ekonominya terus berkembang. Kepimpinan ulama bukan sahaja mengutamakan penghayatan rohani di kalangan rakyat, sebaliknya pembangunan fizikal juga diutamakan.

Lihatlah apa yang berlaku di sekeliling kita sekarang. Tiada tempat yang tersisih dan terasing dengan ledakan perubahan yang menggempur Kelantan sejak tahun 1990. Tanpa lebuh raya sekali pun bumi Serambi Mekah mampu berubah. Tamadunnya tidak pernah berhenti ketika pentadbirannya didera dalam bentuk agihan pembangunan di segenap penjuru.

Bumi **Gua Musang** yang sebahagian besar berdiri bukit bukau meliputi 54.3 peratus geografi Serambi Mekah, manakala Kuala Krai pula

seluas 14.9 peratus dan Jeli (8.9 peratus). Di kawasan selatan inilah terpacak banjaran Gunung Tahan dan Banjaran Titiwangsa.

Di Gua Musang pembangunannya seumpama arus Sungai Galas. Majlis Daerah Gua Musang, Kesedar dan syarikat-syarikat swasta berpadu tenaga membentuk wajah baru bandar paling hulu di Kelantan. Sekarang lihatlah bangunan perniagaan, pejabat, rangkaian jalan raya dan pelbagai lagi sudah benar-benar merubah landskap lama Gua Musang. Deretan kedai yang memanjang dari bandar lama di stesen kereta api sehingga menghala ke sempadan di Merapoh.

Begitu juga di **Kuala Krai**, panorama baru mulai kelihatan sekarang. Tidak ramai yang menjangka pertumbuhan begitu pesat sekali. Bermula di Kampung Rahmat Jalan Kuala Krai-Gua Musang memanjang sehingga ke Bukit Sireh, bangunan perniagaan tumbuh seumpama cendawan. Malah di Sungai Durian menjadi lokasi perternakan burung walit terbesar di Kelantan. Burung yang menghasilkan produk kesihatan bagi pasaran luar negara itu mendiami "apartment" mewah di situ.

Restoran KFC & Pizza Hut di Kok Lanas



Hotel Renaissance, Kota Bharu

Hotel Tune, Kota Bharu

Kelantan Trade Centre



Menara Tinjau Tambatan D'Raja

Hotel Ridel

Di **Machang** bandar baru yang berkembar dengan bandar lama merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi setempat. Deretan kedai di pusat bandar menyediakan pelbagai keperluan kepada penduduk. Di Bukit Ilmu pula berkembang pesat pertumbuhan baru berhampiran kampus UiTM Machang.

Jeli juga sudah lama keluar daripada tempat "jin bertendang" dengan perubahan yang semakin deras. Pekan Jeli ada institusi kewangan dan gudang yang menjual pelbagai keperluan penduduk. Taman perumahan yang dibangunkan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) memperlihatkan Jeli sudah jauh melangkah ke hadapan. Begitu juga kampus Universiti Malaysia Kelantan dan Maktab Rendah Sains Mara mempercepatkan lagi perubahan fizikalnya.

Pasaraya Pantai Timur, Kuala Krai

Kompleks Islam Jajahan Machang

Tidak kurang juga wajah-wajah kosmo mulai kelihatan di jajahan **Pasir Puteh** dengan kawasan pertumbuhan baru di Tok Bali dan Pantai Semerak. Di **Bachok** pekan lama sudah bertukar menjadi bandar baru. Di sepanjang pantai menghala ke Tok Bali muncul tempat-tempat peranginan yang menjadi tarikan pelancong. Begitu juga di Tangok, Beris Kubor Besar, Jelawat dan Gunong sudah diwarnai alaf baru.

Tanah Merah, Pasir Mas, Rantau Panjang dan Tumpat juga tidak kurang hebatnya. Laluan bertingkat melintasi landasan kereta api di bandar **Pasir Mas** dan bandar baru di Apam yang dibangunkan kerajaan negeri menjadi dalil kemampuan ulama mentadbir. Pekan **Rantau Panjang** juga sudah mampu menyaingi pembangunan di Bandar Sungai Golok.

Deretan kedai bertingkat di bandar **Tanah Merah** sudah lama menanggalkan imej lama. Gemblengan tenaga antara Majlis Daerah Tanah Merah, PKINK dan syarikat swasta merancakkan lagi pembangunan Tanah Merah. Wakaf Bharu, Pengkalan Kubor dan pekan **Tumpat** juga tidak ketinggalan. Perubahan fizikal memperlihatkan tamadun Kelantan sudah bertapak kukuh.

Paling ketara **Kota Bharu Bandar Raya Islam** menjadi saksi kemampuan tadbir urus di bawah dasar MBI. Ramai terpukau dengan panorama baru Kota Bharu sekarang. Di segenap jalan dan lorong "tumbuh" bangunan komersial yang mencorak identiti baru Kota Bharu sekarang.

Masjid Al-Sultan Ismail Petra

Queen Park Boulevard

Bangunan Jabatan Kebudayaan & Kesenian Kelantan

KompleksBazar Abdul Rahman

KPTM Kampung Sireh

Kolej Masterskill

Bazar Tok Guru

Masjid Beijing, Rantau Panjang

Lot-lot Perniagaan Pasir Pekan

Pembangunan Bandar Baru Pasir Mas

Taman Kota Harmoni Tanah Merah

Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali

Tok Aman Bali Beach Resort

Hospital Pakar Perdana

Buktinya ada di hadapan kita sekarang. Mereka yang waras berfikir tidak mudah keliru. Tamadun Kelantan tambah subur dengan siraman agama dan pasak ekonomi yang semakin mantap. Inilah yang dinamakan sebagai peradaban baru.

KELANTAN Madinah Kecil DI MALAYSIA

Oleh A. Ubaidillah Alias

Tamadun awal dunia kini tercatat kukuh di lebaran sejarah. Barat tidak mampu menafikan tamadun awal bermula di Rom, Parsi dan China. Selain itu tamadun awal bertapak di Mesir, India, Yunani dan wilayah Islam. Banyak penemuan artifak sejarah menjelaskan situasi tersebut.

Setiap tamadun ada pencapaiannya. Misalnya tamadun Yunani terkenal dengan falsafah dan keseniannya. Manakala tamadun Islam masyhur dengan perspektif kehidupan yang lebih menyeluruh.

Faktor geografi disepakati antara punca kewujudan sesebuah tamadun. Misalnya tamadun China, bermula di Lembah Huang-he dan Yong Tse. Manakala tamadun India berpangkal di Lembah Ganges dan Brahmaputra. Tamadun Mesopotamia di Lembah Tigris dan Eupharates. Begitu juga tamadun Mesir di Lembah Nil dan tamadun Melaka di pinggiran Selat Melaka.

Kemunculan tamadun dikait dengan rangsangan keagamaan dan kerohanian. Ajaran agama mendorong manusia menghayati nilai-nilai kehidupan yang tulus dan suci. Masyarakat yang menghayati kehidupan beragama melengkapi kesempurnaan tamadun manusia. Ia melahirkan ketinggian budaya dan akhirnya terpancar nilai-nilai murni sebuah penghidupan.

Apabila setiap insan diselimuti dengan cahaya keimanan, pembangunan negara pasti bergerak ke arah lebih sempurna. Kelantan juga tidak ketinggalan bergerak ke arah legasi itu. Meneruskan 'watikah' Allah SWT yang diwakilkan kepada Nabi Muhammad SAW demi kelangsungan sebuah daulah Islamiah.

Islam tersebar ke Nusantara

Usaha dakwah kemudian diwariskan kepada khalifah ar-Rasyidin, disambung pula para tabi'in dan disebarluaskan kurun demi kurun menerusi lidah-lidah ulama. Perjuangan membina peradaban kemudiannya menular sehingga ke Tanah Melayu. Peranannya dipikul pedagang-pedagang Islam dari Arab dan China.

Mereka singgah di pelabuhan-pelabuhan tempatan. Di kepulauan Nusantara pula mereka mendapatkan rempah-ratus. Laksamana Cheng Ho antara pedagang dari Tanah Besar China yang sampai ke Tanah Melayu ketika itu. Beliau merupakan seorang muslim yang warak sehingga akhirnya berjaya membina hubungan akrab dengan Raja Melaka.

Bermula dari situlah Islam bertapak dan berkembang di rantau ini. Tamadun Islam mekar dan berkembang luas di Nusantara. Inilah yang berlaku di mana-mana negara kota, tidak terkecuali juga di Kelantan. Berbeza berbanding negeri-negeri lain apabila tamadun di negeri Cik Siti Wan Kembang sudah lama sinonim dengan nilai-nilai kerohanian.

Kebetulan pula sikap rakyat Tanah Serendah Sekebun Bunga suka merantau. Ramai yang mengambil inisiatif belajar sehingga ke Timur Tengah. Biar pun kemudahan perhubungan hanya menggunakan kapal laut, namun ia tidak mudah mematahkan semangat. Mereka sanggup meredah gelora demi memenuhi dada dengan ilmu agama.

Diantara ulama yang gigih menimba ilmu di Mekah termasuklah Tok Kenali. Beliau berkelana mencari ilmu hanya berbekal semangat dan ketekunan. Di bawah bumbung Kota Mekah beliau mewarisi legasi Muhammadiyyah. Selepas agak lama berdagang ilmu di rantau orang, akhirnya beliau pulang ke tanah tumpah darahnya bagi menyuburkan lagi ilmu Islam. Ketika itu institusi pengajian agama tradisional mulai berkembang di Kelantan.

Kewujudan banyak pondok pengajian agama di pelusuk bumi Kelantan berjaya meletakkan Islam dimercunya. Malah ia menjadi tumpuan anak-anak muda dari kepulauan Nusantara. Kelantan benar-benar menjadi seperti Serambi Mekah. Peradaban ummah berakar kukuh sehingga dikenali juga sebagai negeri Tadahan Wahyu.

Hasil konsistensi dan istiqamah ulama-ulama rabbani terdahulu, ternyata berjaya mendekatkan masyarakat dengan Islam. Islam menjadi pegangan masyarakat pelbagai bangsa dan keturunan. Di mana sahaja ada penempatan di situlah ada masjid atau madrasah dibina.

Pembangunan Islam di Kelantan

Sebaik sahaja Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat memegang teraju Kelantan, perkara paling awal dilakukan ialah menyemarakkan lagi pembangunan pendidikan Islam. Beliau merintis usaha membuka sekolah tahfiz al-Quran yang bersepadu dengan pengajian akademik.

Pada tahun 1991, muncul Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat yang pertama di Malaysia. Pembelajarannya menggunakan sukatan pengajian yang selari dengan Maahad al-Azhar di Mesir.

Semenjak itu muncul pelajar tahfiz mengimamkan solat tarawih di masjid-masjid pada bulan Ramadhan. Tazkirah ringkas juga diperkenalkan. Suara murattal kalamullah kedengaran di corong pembesar suara masjid di seluruh Kelantan.

Ternyata paradigma masyarakat Kelantan mulai berubah. Ramai berminat solat tarawih berimamkan pelajar hafiz. Kemudian pada tahun 2002, Maahad Tahfiz Sains pula diwujudkan di Kampung Berangan Tumpat. Sekolah tersebut menjadi perintis aliran baru pembelajaran di Malaysia.

Hari ini, selepas 20 tahun berlalu, lepasan Maahad Tahfiz al-Quran berada dalam hierarki tinggi dalam masyarakat. Ramai yang menjadi pendidik, jurutera kapal terbang, majistret, peguam, doktor, pentadbir dan memegang pelbagai jawatan penting dalam agensi kerajaan.

Namun usaha mendidik rakyat tidak terhenti setakat pendedahan agama kepada pelajar di sekolah. Bagi memastikan rukun Islam menjadi amalan masyarakat, program Bulan Sembahyang pula diperkenalkan pada setiap bulan Rejab. Program berkenaan dilaksanakan di masjid-masjid terpilih di setiap jajahan.

Program tersebut berpaksikan firman Allah "Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perkara keji dan mungkar". Demi melahirkan generasi yang berakhlak, solat perlu diajar dan diberi pendidikan secara lebih jelas.

Begitu juga majlis kebesaran Islam sentiasa disambut dengan kemeriahan sama ada di kampung, daerah, jajahan dan negeri. Kehadiran bulan Hijratur Rasul, Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj, Ramadhan serta Zulhijjah diraikan. Pada bulan Ramadhan al-Mubarak wajah Kota Bharu berubah menjadi seumpama Madinah. Dihiasi khemah ibadah, suara murattal bacaan kalamullah, program ilmu dan maraton ibadah diadakan dari awal malam sampai ke subuh.

Syiar Islam tambah mekar apabila guru-guru Halaqat setiap malam menyampaikan kuliah dan tazkirah. Masjid dan madrasah sendat dengan aktiviti agama. Solat berjemaah bertambah ramai. Selain itu bagi mengajar anak-anak mahir membaca al-Quran, dilantik pula guru-guru al-Quran. Kelas pengajian al-Quran secara percuma disediakan kepada rakyat.

Unit Dakwah Halaqat yang diwujudkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) memikul tanggungjawab tersebut. Hari ini ribuan da'ie tersebar ke seluruh Kelantan. Malah, mereka juga menjejaki penempatan Orang Asli di pedalaman negeri.

Usaha mengekalkan tamadun Kelantan tambah meluas dengan peranan yang digemblengkan oleh Pusat Pembangunan Pondok Bhd (PPPB). Pusat pengajian pondok tradisional yang sebelum ini banyak mati selepas pengasasnya meninggal dunia, kini diberi nafas baru. Bantuan modal awal diberi oleh kerajaan negeri digunakan bagi membina semula pondok tersebut.

Melalui usaha secara berterusan itu tamadun Kelantan mampu dipertahankan. Malah, berakar umbi dari situlah ketuanan politik Islam terus mekar di bumi Serambi Mekah. Apabila rakyat hidup beragama, kerajaan Islamlah yang menjadi pilihan.

Dua permata bersinar

Hari ini, Kelantan cukup bertuah kerana memiliki dua permata yang amat bernilai mentadbir bumi Serambi Mekah. Menteri Besar yang memahami isi kandungan al-Quran dan Hadis serta mempratik ilmu agama dalam kehidupan seharian. Landskap seperti itu sukar ditemui di tempat lain.

Tok Guru Nik Abdul Aziz seorang ulama yang tidak lekang dengan jubah dan berbaju Melayu, menjadi ketua kerajaan yang disegani kawan atau lawan. Ramai berhujah kemunculan tokoh seperti itu hanya seorang bagi setiap satu abad. Benarkah begitu. Buktinya ada di hadapan kita sekarang.

Kepimpinannya tambah menyerlah lagi dengan kehadiran seorang Sultan yang berjiwa rakyat. Baginda juga meletakkan agama di kedudukan tertinggi. Tuanku Muhammad Faris Petra ibni Sultan Ismail Petra, satu-satunya Raja Melayu yang ada di negara kita sekarang tidak kekok berjubah dan berkopiah.

Maka sepadanlah usaha baginda menggelarkan diri sebagai Sultan Muhammad V. Inilah nikmat terbesar bagi rakyat Kelantan di bumi bergelar Serambi Mekah.

Rasulullah SAW bersabda "Dua golongan daripada umatku, apabila mereka baik maka baiklah manusia, dan apabila mereka rosak maka rosaklah manusia, iaitu umarak dan ulama." (Riwayat Ibnu Abdul Barri dan Abu Nuaim).

Nabi Muhammad SAW menjelaskan bahawa masyarakat memerlukan dua peneraju yang saling melengkapi. Iaitu ulama yang berilmu dan menyampaikan serta umarak yang mampu menerima nasihat ulama dan mentadbir dengan adil saksama.

Sesungguhnya tidak ramai ulama di zaman mutakhir ini yang berpeluang memerintah. Begitu juga tidak ramai raja yang mentadbir seiring dengan pendapat ulama. Ini kerana kebanyakan pemimpin hari ini lebih berpaksi kepada barat dan 'beriman' dengan ideologi sekular.

Sebaliknya Menteri Besar Kelantan biar pun sebagai ketua kerajaan, namun tugas dakwah tidak pernah diabaikan. Di mana sahaja beliau berada risalah agama pasti disampaikan. Kuliah mingguannya pada setiap pagi Jumaat di Medan ilmu dan kuliah Maghrib di Masjid Pulau Melaka pada setiap malam Khamis dan Jumaat sudah sebati dengan kehidupannya.

Kelebihan tersebut jarang ada pada pemimpin lain. Selain itu setiap ucapannya di majlis rasmi tidak pernah ditinggalkan peringatan demi peringatan tentang agama. Mulutnya sentiasa basah dengan ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis.

Begitu juga Sultan Muhammad V, sejak bergelar Tengku Mahkota Kelantan lagi baginda gemar menunaikan solat berjemaah di masjid. Kelibat itu sering dilihat rakyat Kelantan. Rakyat tambah beruntung lagi apabila baginda menjadi imam solat.

Baginda pernah menjadi imam solat hajat di padang Stadium Sultan Muhammad Ke IV bermakmunkan pembesar negeri dan pegawai kerajaan. Malah baginda berkebolehan menjadi tukang sembelih lembu pada sambutan Hari Raya Korban.

Baginda juga tidak kekok bersama rakyat menyapu atau mengutip sampah ketika acara gotong royong diadakan. Paling istimewa, Sultan Muhammad V suka berkopiah dan berjubah biar pun hadir pada majlis rasmi.

Rakyat sudah lama mengimpikan seorang raja yang berjiwa rakyat. Merendah diri, berbudi bahasa, adil dan saksama. Kisah seperti inilah yang sering didengari dalam cerita dongeng mahu pun penglipurlara, di mana seakan-akan tidak wujud lagi di zaman moden sekarang. Namun, di Kelantan ia bukan lagi sebuah mitos sebaliknya sesuatu yang realiti.

Paling menjadi sebutan rakyat apabila baginda melarang menyebut perkataan 'Daulat Tuanku'. Baginda mahu kalimah itu ditukar kepada kalimah 'Allahu Akbar'. Inilah yang benar-benar menyentuh hati nurani rakyat.

Benarlah sabda Nabi Muhammad SAW "Iman itu sesuatu yang utuh di dalam hati dan dibenarkan melalui amalan". Suatu yang tersimpan di dalam hati, akan terzahir pada perbuatan. Sekalipun seseorang itu berlakon, lambat laun isi hati akan terdedah jua. Namun, jika sesuatu dilakukan dengan ketulusan dan kebenaran, ia akan kekal dan menjadi budaya seseorang.

Baginda sangat menghormati ulama. Maka tidak hairanlah baginda mengurniakan darjah kebesaran membawa gelaran Dato' kepada ulama-ulama yang banyak berjasa antaranya Allahyarham Tok Guru Haji Hashim Abu Bakar, Allahyarham Ustaz Yahya Othman dan Ustaz Nik Abdul Kadir Nik Muhamad. Sudah terang lagi bersuluh, Kelantan mempunyai dua permata yang sedang bergemerlapan.

Inilah imej yang diwarnai di Kelantan sekarang. Sultan dan ketua kerajaan membawa imej rabbani. Kita mendoakan kehidupan madani di Serambi Mekah berkekalan selamanya. Kita mengharapkan kemakmurannya seumpama Madinah kecil di sebuah wilayah bernama Malaysia.

Ustaz Hussin Ibrahim

Tinggalkan Sebuah Legasi

Oleh Nik Azman Nik Mustafa

Menjengah rumahnya di Lubuk Tapah, Pasir Mas agak mendamaikan. Sebelum tiba di Pondok Lubuk Tapah, laluan di atas tali air terbentang panorama agak menarik. Air yang mengalir kadang-kadang dikocak anak-anak ikan yang rancak menari.

Di sekelilingnya ada bendang padi. Tanahnya sudah gersang dan ditumbuhi semak-samun. Disitulah suatu ketika dahulu petani membanting tulang berbakti kepada tanah. Buah padi yang matang dituai dan disimpan dalam baloh. Padi usang kemudian dimesin menjadi beras untuk bekalan makanan keluarga.

Di sebalik kedamaian itu ada perkampungan yang menempatkan pondok pengajian agama tersohor di Kelantan. Pondok Ar-Rahmaniah atau lebih dikenali juga sebagai Pondok Lubuk Tapah menjadi tempat orang ramai menyendat ilmu agama di dada.

Di situlah lahir seorang ulama yang mendamba diri begitu lama merantau mencari ilmu di rantau orang. Selama 21 tahun tinggal di negara Arab memenuhi ilmu agama di dada, ia sesuatu yang tidak mudah tanpa ada sebuah pengorbanan.

Sebagai seorang yang mencintai agama, beliau mendalami ilmu di Universiti Al-Azhar, Mesir dalam kuliah Syariah sehingga lulus peringkat Sarjana Muda (BA). Sebelum itu Ustaz Hussin Ibrahim Masri menimba ilmu agama di Mekah.

Selepas menamatkan pengajian Peringkat Ijazah Pertama, beliau mendaftar sebagai pelajar ijazah sarjana di universiti sama, tetapi mengubah haluan dengan meneruskan pengajian di Universiti Ain Syam di Kaherah sehingga memperolehi Diploma bidang pendidikan.

Ketika menuntut di Mesir, boleh dikatakan hampir setiap tahun beliau pergi ke Mekah untuk mengerjakan ibadat haji. Di samping itu mengurus perniagaan menjual batu permata. Ustaz Hussin dikenali sebagai seorang yang suka berdikari. Perniagaan secara kecil-kecilan dilakukan sebagai menampung perbelanjaan pengajiannya sepanjang berada di luar negara.

Menurut sahabat karibnya ketika di Kaherah, Ustaz Abdullah Abdul Razak, Ustaz Hussin sangat berminat dalam perniagaan batu permata. "Beliau cukup mahir mengenal mutu batu-batu permata," ujarnya yang juga Ketua Pengelola Unit Dakwah Halaqat, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

Beliau juga menceritakan semasa berada di Mekah, Ustaz Hussin mengamanah Ustaz Abdullah menjaga rumah beliau. Beliau merupakan kepala telaah (pembimbing) kepada pelajar Kelantan di Mesir. Rumahnya dijadikan tempat kuliah tersebut.

Ustaz Hussin dilahirkan pada 9 Disember 1940 di Kampung Lubuk Tapah, Pasir Mas. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Agama Rakyat pada tahun 1952. Pada tahun 1962 beliau mendalami ilmu agama di Pondok Rahmaniah, Lubuk Tapah.

Di situ beliau mendapat bimbingan daripada bapa saudara sebelah ibunya, Tuan Guru Haji Abdul Rahman Che Wan, yang juga merupakan pengasas Pondok Rahmaniah, Lubuk Tapah.

Bagi bekas anggota Exco kerajaan negeri, Dato' Ustaz Muhammad Daud Iraqi, Ustaz Hussin merupakan seorang yang berpandangan jauh. Beliau seorang yang memiliki ilmu agama yang cukup tinggi serta warak.

"Dengan keilmuan yang tinggi beliau memang layak sekali untuk dilantik sebagai mufti kerajaan Kelantan," kata Ustaz Mat Iraq.

Bagaimanapun semua itu bukan impian dalam kehidupannya. Setelah pulang dari Mesir, Ustaz Hussin mengajar di Pondok Rahmaniah Lubuk Tapah bagi membantu sepupunya, Tuan Guru Haji Abdullah Abdul Rahman. Selain itu beliau

terlibat aktif dalam politik setelah menyertai PAS.

Berdasar kewibawaan yang ada pada dirinya menyebabkan beliau dicalonkan bertanding pada Pilihan Raya Umum 1990 dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Bukit Tuku. Pada Pilihan Raya tersebut beliau menewaskan calon Barisan Nasional, Mohd Zain Ismail dengan majoriti 2,093 undi.

Bagaimanapun kali kedua beliau dicalonkan pada Pilihan Raya Umum 2004, beliau tewas kepada calon kepada Mohd Zain Ismail dengan majoriti 868 undi.

Selain itu beliau juga dipilih sebagai Yang DiPertua PAS Rantau Panjang bagi penggal 2003-2005. Beliau juga terlibat aktif dalam Dewan Ulamak PAS Negeri Kelantan dan jawatan terakhir beliau ialah bendahari. Pada tahun 1995 beliau dilantik sebagai Pengelola Dakwah Halaqat Rantau Panjang. Beliau juga sering menyampaikan kuliah agama secara mingguan di Pejabat Kadi Pasir Mas.

Ustaz Hussin merupakan seorang pemimpin yang berpegang teguh kepada prinsip perjuangan dan sentiasa istiqomah. Beliau merupakan pakar rujuk dalam ilmu Feqah dan Tauhid. Setelah sepupunya Tuan Guru Haji Abdullah Abdul Rahman meninggal dunia, beliau mengambil tanggungjawab membantu anak sepupunya Dr Luqman Abdullah mengendalikan Pondok Lubuk Tapah.

Ustaz Hussin juga berkebolehan dalam bidang spiritual. Beliau seorang pengamal rawatan alternatif secara Islam. Kebolehan tersebut menyebabkan rumahnya sering didatangi orang ramai bagi mendapat khidmatnya. Ada juga penduduk datang mendapatkan air tawar untuk mengubat sesuatu penyakit.

Biar pun sibuk sebagai seorang pemimpin, namun beliau juga terlibat dengan aktiviti kebajikan. Beliau berusaha mencari dana bagi mengisi dana pembangunan di Pondok Lubuk Tapah dan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI). Beliau juga banyak menyumbang tenaga dan idea bagi membangun Pusat Tarbiyah PAS Rantau Panjang.

Ketokohan yang ada pada dirinya menyebabkan beliau rapat dengan pemimpin gerakan Islam termasuk Presiden PAS, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang, ADUN Tawang, Ustaz Hassan Mohamood, ADUN Chetok, Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman dan bekas Mudir Maahad Muhamadi Lelaki, Ustaz Nik Radzi Nik Mat.

Hasil perkongsian hidupnya dengan Siti Marjam Salleh, mereka dikurniakan tujuh orang anak iaitu empat lelaki dan tiga perempuan.

Hari ini Ustaz Hussin yang dikenali ramai itu sudah tidak lagi bersama kita. Beliau telah pergi buat selama-lamanya pada petang Sabtu tanggal 28 Januari 2012, ketika usianya melewati 72 tahun akibat serangan jantung.

Sehari sebelum beliau meninggal dunia, Allahyarham menghubungi Ustaz Abdullah bagi memberitahu sesuatu. "Apabila menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 nanti, kita akan melawat ke setiap kawasan untuk melakukan solat hajat dan kemuncaknya akan diadakan di Stadium Sultan Mohamad Ke IV menjelang Pilihan Raya…" ujar Ustaz Abdullah mengimbau kenangan bersama Ustaz Hussin.

"Kata-kata itu benar-benar menyentuh perasaan saya dan masih terngiang-ngiang sehingga ke hari ini," tambah Ustaz Abdullah lagi.

Biar pun beliau sudah pergi, Allahyarham Ustaz Hussin sentiasa diingati sebagai seorang ulama yang sering menjaga penampilan dan keterampilan diri tidak kira masa dan di mana sahaja berada. Hobinya berjubah dan berserban. Malah ada rakan-rakan Allahyarham yang mengatakan, kalau pakai serban, ikutlah 'stail' serban Ustaz Hussin. Beliau juga tidak lupa memakai minyak wangi ketika menghadiri sesuatu majlis.

Ternyata Ustaz Hussin seorang ulama yang berjaya membina legasinya sendiri. Beliau melebarkan tamadun Islam yang ditinggalkan Nabi Muhammad SAW. Tamadun itu terus bertapak kukuh biar pun Allahyarham pergi dan tidak kembali lagi. Legasi itu ditinggalkan dan kitalah pewarisnya.

Ustaz Hussin merupakan seorang pemimpin yang berpegang teguh kepada prinsip perjuangan dan sentiasa istiqomah. Beliau merupakan pakar rujuk dalam ilmu Feqah dan Tauhid. Setelah sepupunya Tuan Guru Haji Abdullah Abdul Rahman meninggal dunia, beliau mengambil tanggungjawab membantu anak sepupunya Dr Luqman Abdullah mengendalikan Pondok Lubuk Tapah

Ishak Lotfi
Menteri Besar Pertama
KERAJAAN PAS

Oleh Nik Azman Nik Mustafa

Dato' Haji Ishak Lotfi Omar dilahirkan di Kampung Masjid, Kota Bharu pada tahun 1917. Semasa remaja, beliau belajar di Sekolah Majlis Agama Islam yang dikenali sebagai Madrasah Muhammadi, Jalan Sultan Kota Bharu.

Pada tahun 1928, beliau dihantar ke Mekah bagi mendalami bidang agama dan pulang ke Kelantan pada tahun 1937. Pada tahun 1938-1948, beliau menganggotai Persetiaan Melayu Kelantan dan dilantik sebagai setiausaha pertubuhan itu.

Pada tahun 1949, beliau bertugas di Majlis Agama Islam Kelantan sebagai Pegawai Zakat. Beliau juga pernah mengajar di Maahad Jamie' Merbau bersama isteri Dato' Mohd Asri Muda, Ustazah Sakinah bagi memajukan pendidikan di sekolah berkenaan.

Bagaimanapun Ishak Lotfi meletakkan jawatan kerana bertanding pada Pilihan Raya Umum 1959. Beliau memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Ketereh mewakili PAS dan dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan.

Sewaktu Dato' Asri dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS yang pertama bagi Kelantan dan Terengganu, beliau dan keluarga berpindah ke Kota Bharu. Beliau mencapai kemenangan di luar jangkaan pada Pilihan Raya Umum 1959. PAS berjaya menubuh sebuah kerajaan yang diketuai Menteri Besar dengan dibantu Timbalan Menteri Besar dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco). Satu mesyuarat khas diadakan di kediamannya beliau telah memutuskan beberapa perkara, iaitu:

- Jawatan Speaker DUN - Dato' Asri Haji Muda (ADUN Kota Bharu Tengah)
- Jawatan Menteri Besar - Dato' Haji Ishak Lotfi Omar (ADUN Kota Bharu Selatan)
- Jawatan Timbalan Menteri Besar
- Dato' Haji Muhammad Nasir (ADUN Machang Utara)

Setelah Ishak Lotfi menjadi Menteri Besar, pejabat PAS Kota Bharu berpindah ke rumah Ishak Lotfi di Jalan Atas Banggol setelah beliau mendiami rumah rasmi Menteri Besar di JKR 10, Kampung Sireh.

Setelah kerajaan baru dibentuk, PAS telah mewujudkan biasiswa pelajaran berdasarkan cadangan Prof Zulkifli Muhammad bagi membantu anak-anak ahli PAS yang miskin menyambung pelajaran di dalam dan di luar negara.

Punca kewangannya daripada sumbangan tetap sebahagian gaji Menteri Besar sebanyak RM500 dan Timbalan Menteri Besar, Dato' Haji Muhammad Nasir sebanyak RM250 setiap bulan. Tradisi tersebut diteruskan semasa Asri menjadi

Menteri Besar dan Dato' Nik Man Nik Mohamad menjadi Timbalan Menteri Besar selepas Pilihan Raya Umum 1964.

Tabung biasiswa tersebut membantu ramai pelajar melanjutkan pelajaran ke Mesir termasuk Dato' Abdul Halim Abdul Rahman (anggota Parlimen Pengkalan Chepa) dan Dato' Daud Muhammad (Ketua Hakim Syarie Kelantan). Beberapa orang lagi anak ahli-ahli PAS mendapat bantuan daripada biasiswa tersebut.

Selepas Pilihan Raya Umum 1969, Perhubungan PAS Negeri memutuskan Ishak Lotfi dilantik sebagai Speaker DUN Kelantan menggantikan Abdullah Yusoff, mantan Speaker tahun 1964-1969. Beliau menyertai Perikatan selepas peristiwa 'Turn About About Turn' pada tahun 1968.

Manakala jawatan Menteri Besar disandang Asri, dan jawatan Timbalan Menteri Besar, Muhammad Nasir. Selepas perletakan jawatan Asri selaku Menteri Besar dan ADUN Kota Bharu Tengah, berlaku kekosongan kedua-dua jawatan itu yang perlu diisi segera. Perhubungan PAS Kelantan mengadakan mesyuarat khas dan memutus melantik Ishak Lotfi sebagai Menteri Besar mulai 1 Januari 1973.

Perhubungan PAS Negeri juga menggugurkan tiga anggota Exco dan digantikan dengan dua orang ADUN Perikatan, serta menetapkan calon PAS akan bertanding bagi pihak kerajaan campuran di kawasan Kota Bharu Tengah.

Pada tahun 1974, perkembangan semasa yang berlaku memberi harapan lebih baik kepada masa hadapan Kelantan dan peranan PAS serta Barisan Nasional (BN). Ishak Lotfi yang menang di kerusi DUN Ketereh telah membuat pakatan dengan timbalannya, Muhammad Nasir yang juga ADUN Tendong. Mereka tidak mahu terbabit dalam pertandingan sebagai calon Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Exco dan Speaker bagi memberi laluan kepada muka-muka baru untuk menerajui pentadbiran Kelantan.

Ishak Lotfi memegang jawatan Menteri Besar selama lima tahun, kemudian dilantik pula Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan. Pada tahun 1973, beliau dilantik menjadi Menteri Besar kali kedua tetapi beliau meletak jawatan pada tahun 1975. Selepas itu beliau tidak lagi bergiat cergas dalam politik sehingga akhir hayatnya pada tahun 1992.

Fitnah Utusan Melayu

Pada tahun 1984, beberapa ADUN dan anggota Dewan Rakyat PAS disebut-sebut akan menyertai UMNO oleh akhbar Utusan Melayu dan Mingguan Malaysia. Pemimpin tersebut menyerahkan kepada peguam untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar tersebut.

Wakil-wakil rakyat berkenaan iaitu Ishak Lotfi, Abdul Rahman Sulong, Tuan Guru Daud Yusoff, Ustaz Wan Hassan Wan Daud, Haji Wan Yusoff Wan Yaakob, Ustaz Abdul Kadir Mat Sa'ad dan Tengku Zaid Tengku Ahmad kecuali Ustaz Abu Bakar Hamzah ketika itu berada di Timur Tengah.

Dalam pertemuan dengan wartawan di rumah Menteri Besar di Kota Bharu, wakil-wakil rakyat berkenaan telah menyatakan perbuatan akhbar berkenaan telah menjatuhkan maruah dan mencemarkan nama baik mereka.

Akhbar terbabit memainkan peranan besar bagi menumbangkan kerajaan PAS Kelantan sejak dahulu lagi.

Ketika berlaku darurat di Kelantan pada Oktober 1977, Badan Perhubungan PAS telah menubuh jawatankuasa khas yang dianggotai Ishak Lotfi, Nik Abdul Rahman Nik Mohammad, Wan Ismail Ibrahim, Mohd Zain Abdullah dan Salahuddin Abdullah bagi meneruskan perundingan penubuhan kerajaan baru dengan pihak Pusat.

Cadangan itu dikemukakan untuk mendapat kelulusan kerajaan negeri. Mereka telah menemui Ishak Lotfi selaku Menteri Besar ketika itu.

Ishak Lotfi juga mencetus idea membangunkan masjid baru di Telipot, harga tanah kawasan seluas kira-kira satu ekar setengah adalah sebanyak RM400,000.

Hasil daripada sumbangan dan derma orang ramai, masjid dua tingkat dengan kubah kuning keemasan berjaya disiapkan.

Beliau juga memain peranan bagi menubuhkan Jabatan Sekolah-Sekolah Agama (JASA) pada tahun 1974. Dalam ucapannya ketika itu, Ishak Lotfi menyatakan penubuhan JASA merupakan cita-cita pemimpin PAS sejak parti itu mula memegang tampuk pemerintahan Kelantan.

Pada tahun 1959, kerajaan Kelantan membuat keputusan menyalurkan bantuan tetap setiap tahun kepada Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) untuk mengurus serta memajukan aktiviti sekolah-sekolah agama di bawah kendaliannya.

Pada era kepimpinan Ishak Lotfi dan Asri, Perhubungan PAS Negeri dan Pejabat Agung menjadi nadi utama yang menggerakkan perjalanan kerajaan PAS di Kelantan.

Bagaimanapun di akhir perjuangan, Ishak Lotfi menyertai Hamim bersama Asri serta rakan-rakan lain antaranya Dato' Nik Man Nik Mohamad, Haji Wan Ismail Ibrahim dan Haji Mohamad Zain Abdullah.

DIKIR SRI HALAQAT

By Mohammad Yakub Deraman and Yaakub Dasan

Islam has given a clear guidance for daawah (the call for Islam). It is to be implemented with wisdom and good judgement. Its clarification is based on naqliyyah (sources from divine revelations and consensus) and aqliyyah (sources from intellectual) evidences to abolish every misconception.

This is in conjunction with what Allah SWT says in Al-Quran: "And when they hear ill speech, they turn away from it." (Surah Al-Qasas, verse 55).

Some scholars interpreted the above verse as singing. Indeed, Allah SWT had confounded (cursed) any words (including singing) that would mislead human being from His (God) religion.

Ummul Mukminin 'Aishah r.a narrated: Abu Bakr came to my house while two small Ansari girls were singing beside me the stories of the Ansar concerning the Day of Buath. And they were not singers. Abu Bakr said protestingly, "Musical instruments of Satan in the house of Allah's Apostle!" It happened on the 'Id day and Allah's Apostle said, "O Abu Bakr! There is an 'Id for every nation and this is our 'Id." (Sahih Bukhari and Muslim)

It is considered a sunnah to have entertainment at a marriage ceremony such as striking of kompang (a kind of tambourine) and the sound of singing. The Prophet s.a.w. had not forbidden songs with sad or sorrowful lyrics sung by them, except if the lyrics deviate from the truth.

Taking consideration of the openness in Islam, the state government has

allowed entertainment to be held as long as it is in line with Islamic guidelines. The state government had formulated special regulations for the control of entertainment activities through Entertainment Control Enactment 1998.

Dikir Sri Halaqat

Dato' Bentara Setia Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat had even proposed for the formation of a dikir barat (a musical form that involves singing in groups) group and named it as Dikir Sri Halaqat. The proposal of Menteri Besar caught the attention of the Kelantan Islamic Affair Department (JAHEAIK).

The state Dakwah Halaqat division headed by Ustaz Abdullah Abdul Razak formed the group of Dikir Sri Halaqat on 7th December 2008, in tandem with the formation of the Seni Budaya Islam (Islamic Cultural Arts) group.

A group of Dikir Sri Halaqat comprised of 25 members, consisting of awok-awok (chorus singers), tukang syair (a person who sings poetry), tukang pantun (a person who sings pantun), and musical instruments players. Committee members comprises of group manager, that is Ismail Muhammad (Imam Pa), and assistant group manager, Rosdi Awang (Imam Di), and committee members; Mohd Nor Abdullah (Pak Su Nor), Mohd Harun (Pak Su Mat), Abang Soh (Bomba), Che Mustapha Isa (Penghulu Seribong), and Wan Ismail Awang (Bilal Nilam Baru).

The honorary secretary of the main committee members are Imam Pa, treasurer Kubang Kerian Halaqat officer, Rafie Hussein and committee members are lined up with Dakwah Halaqat supervisors.

What makes it interesting is the fact that the chanters consist of religious people such as ustaz (religious teachers), imam (a man who leads a prayer), bilal (a man who performs the call for prayers) and penghulu (headman). They are able to voice the songs rhythmically with messages containing words of advice or good examples. During rehearsals, the members wear kain pelikat (sarong), baju Melayu (a Malay garment usually used during religious ceremony) with a kopiah (head gear). During performances, they would wear a standard dress uniform which is green in colour.

The tune or tempo of the song they performed is influenced with Malay constituent, nasyid (religious songs) and songs with Hindustani touch. The lyrics of the songs are full of advices or examples. The renowned tukang syair for the Sri Halaqat is Imam Pa, Rosdi and Die Internet.

Among the popular songs (poems) are 'Seruan Sembahyang' and 'Ibarat Kapal Hilang Kemudi' sung by Imam Pa and 'Negeri Kelantan Bumi Indah' by Die internet. Other popular songs includes 'Bertani Satu Ibadah', 'Mari Bermuafakat', 'Kenang Jasa Ibu Bapa, 'Jangan Lupa Diri' and 'Keselamatan Jalan Raya.'

The highlight of the performance mesmerizing the audiences is the performance of Dikir Sri Halaqat which starts with tune of zikir (remembrance) before continuing with the song 'Ku Mulai Dengan Nama Allah' and ended with salawat (the prayer for the Prophet Mohammad).

The existence of Dikir Sri Halaqat could be considered as a new group of Islamic missionaries that sparked out a new evolution in Kelantan. They are completely dressed in robes as well as turbans, and are able to perform the chants just like the other groups of dikir barat.

During the launch of the said Dikir Sri Halaqat at the Balai Islam, Lundang about four years ago the Menteri Besar expressed the thanks to Allah S.W.T. as his aspiration to broaden the medium of daawah had successfully been realized.

"Why don't we use Dikir Barat performance to channel the call for Islam? Today we launch the group of Dikir Barat Sri Halaqat," he said.

To show his appreciation, the Menteri Besar contributed his personal donation of RM10,000 to fill up the fund of Dikir Sri Halaqat.

Speaking at the ceremony, Tuan Guru Abdul Aziz also said that Kelantanese interests towards Dikir Barat performance could not be denied. They continuously welcome the performances especially the young generation.

According to him, Kelantanese has been popular since the generation of ancestors with 'suara molek' (melodious voice) including the ability to recite the Quran melodiously.

"We also have marhaban (the praises to Prophet Mohamad SAW.), while bilals use their voice to call for prayers, and imams recite the Quran in prayers. Therefore, I hope to adopt dikir barat as the medium of daawah, rather than its previous purpose as pure entertainment," he stressed.

The Menteri Besar said that Kelantan has various medium of daawah. While previously daawah is spread via religious teaching and learning in pondoks, religious schools, masjids and suraus, dikir barat group is now included in the list.

Meanwhile, the instruments that are used during performances are rebana ibu (big drum), rebana anak (small drum), gong, buah lumba, tambourine and canang (small gong).

Dikir Sri Halaqat performance begins when Imam Pa as the tukang syair sings the poem 'Ku Mulai Dengan Nama Allah'. The performance is alternates with tarannum qit'ah (quotes) of Quran verses.

Ustaz Abdullah, the head of State Dakwah Halaqat said that the formation of Dikir Sri Halaqat sparks from the idea of an ulama who is also the Chief Minister.

"Several changes were made, such as 'tok juara dikir' (enchanter) was changed to tukang pantun, while 'tukang karut' is called tukang syair," Abdullah said.

Since 13th century, the development of cultural and art civilization in Kelantan had been influenced by the elements of Islam. Such effort was to create a human being who is faithful to Allah.

Among the popular poems is 'Ku Mulai Dengan Nama Allah' as the introduction to the performances:

I begin with the name of Allah
Of great generosity and affections
Good deed and loyalty I give in
To Allah the creator of the universe
Allahuu.....Allahuu.....

Say the name of Allah repeatedly
While sitting, while standing
Think of the universe
It is then we come to know ourselves

Oh our God does not create
Each thing that to be wasted
We politely ask to The Glorified Allah
Protect us from the suffering of hell
When our soul reached the Adam's apples

The place we are to go is shown
The good deeds are rewarding
The bad deeds are of great loss
Remember that we are the servant
Do not be careless, proud and boastful
Let us all do good deeds
Before we lay still in grave

After we die, then we realize
That we have no good deeds
That we have no time to repent
There is no use for thousands of regrets

Remember we are the faithful person
The Prophet's advice to the followers
Quran and Hadith should be the compass

With Islam we are safe.

كلية السلطان إسماعيل الإسلامية الدولية

KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)

Sultan Ismail Petra International Islamic College

[IPTS07010 (JPS) 5195/IPTS/1007]

ilmu • taqwa • progresif

Tel : 09-7129 386 / 09-7129 387
Faks : 09-7129 444
Laman Web : www.kias.edu.my
E-mel : admin@kias.edu.my

Dapatkan Borang Di Pejabat:
KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)
Peti Surat 68, Nilam Puri,
15730 Kota Bharu, Kelantan

untuk lepasan SPM, STAM dan STPM
KE ARAH KOLEJ UNIVERSITI

PROGRAM PENGAJIAN

IJAZAH (4+0)
- IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN KEPUJIAN (PA 10596)
- IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH DENGAN KEPUJIAN (PA 10609)

SIJIL
- SIJIL PENGAJIAN ISLAM

DIPLOMA
- USULUDDIN (A 9178)
- AL-SYARIAH (A 9179)
- AL-DAKWAH WAL QIADAH (A 9180)
- BAHASA ARAB (A 6798)
- KEWANGAN ISLAM (PA 10175)
- QIRAAT & TARANUM (PA 9599)
- TAHFIZ AL-QURAN (PA 10090)
- PENGAJIAN ISLAM (PA 0931)
- PERBANKAN ISLAM (PA 0906)

TEMPOH PENGAJIAN
- IJAZAH - 8 Semester
- DIPLOMA - 6 Semester
- SIJIL - Diakui setaraf dengan STPM oleh JPA untuk tujuan lantikan

MENGAPA MESTI KIAS
- Kurikulum berteraskan sumber wahyu
- Semua program diluluskan oleh MQA dan diiktiraf JPA
- Tenaga pengurusan yang profesional
- Tenaga akademik yang berwibawa
- Kadar yuran pengajian terendah
- Pinjaman PTPTN & YAKIN diuruskan
- Hubungan akademik dengan tempatan & luar negara
- Lokasi strategik "Zon Ilmu Serambi Mekah"
- Medium Bahasa Arab
- Lepasan KIAS berjaya menjawat jawatan di institusi kerajaan dan swasta

Pinjaman PTPTN & YAKIN Di Uruskan!

YAKIN

SYARAT KEMASUKAN

IJAZAH
- Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); atau
- Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM); atau
- Kelulusan yang selaraf dan diperakui oleh KUIN

DIPLOMA
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat 3 kepujian; dan
- Lulus Bahasa Arab Komunikasi atau Bahasa Arab Tinggi (kecuali bagi Diploma Qiraat & Taranum dan Tahfiz Al-Quran tidak disyaratkan); atau
- Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau yang setara
- Diploma Pengajian Islam dan Perbankan Islam tidak memerlukan Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi untuk memohon.

SIJIL
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV) dengan mendapat 1 kepujian; atau
- Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia

PELUANG MENYAMBUNG PENGAJIAN

DALAM NEGERI
- Layak menyambung pengajian ke mana-mana IPTA dalam negeri di bidang berkaitan

LUAR NEGARA
- Universiti-universiti Di Jordan (Al-Baith, Al-Yarmouk, Al-Hasyimiah, Al-Urduniah)
- Universiti Cairo
- Universiti-universiti di Morocco.
- Institusi Agama Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin, Jambi, Indonesia
- Institusi Agama Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia.
- Institusi Agama Islam Negeri Imam, Bonjol, Padang, Indonesia.
- Institusi Agama Islam Negeri Raden, Intan, Lampung, Indonesia.

permohonan secara *online* : www.kias.edu.my

Diiktiraf oleh: MQA JPA

KELANTAN GOLDEN TRADE SDN BHD

دينار دان ديرهم ماتاوڠ شريعة

DINAR DAN DIRHAM MATAWANG SYARIAH

GUNAKANLAH DINAR DIRHAM DALAM MUAMALAT HARIAN

KEGUNAAN DINAR DIRHAM

- ✓ Urusan Jual Beli
- ✓ Urusan Pembayaran
- ✓ Simpanan Pendidikan Masa Depan
- ✓ Pembayaran Zakat Fitrah dan Harta
- ✓ Menunaikan Umrah, Haji dan Melancong Ke Luar Negara

TEMPAHAN ONLINE & MAKLUMAT LANJUT:

www.dinarkel.com

facebook.com/kelantangoldentrade

LANGGAN SISTEM SMS KGT UNTUK HARGA HARIAN DINAR DAN DIRHAM
SERTA PELBAGAI INFO BERKAITAN MATAWANG SYARIAH DINAR DIRHAM

DAPATKAN DI RANGKAIAN WAKALAH KGT

PERMODALAN KELANTAN BERHAD 09-7414343 KELANTAN | MUSK TRADE 019-9889770 KELANTAN | WAKALAH AL-FITRAH 019-2183317 KUALA LUMPUR | SAHABAT EMAS SDN. BHD 019-9122152 KELANTAN | SAUDAGAR EMAS SDN. BHD 017-3249009 KUALA LUMPUR | BAYU MELAWI SDN. BHD 012-9011422 KELANTAN | KOPERASI WANITA ISLAM 013-9284133 KELANTAN | NUBEX VENTURE SDN. BHD 03-77299640 KUALA LUMPUR | MENARA SAUJANA SDN. BHD 019-2632478 KUALA LUMPUR | KOPERASI PASAR SITI KHATIJAH 09-7419568 KELANTAN | MAL BARAKAH 013-9286437 KELANTAN | JARINGAN EMAS NUSANTARA 019-5158910 KELANTAN | EMPAYAR JUTAWAN EMAS 012-3823831 PAHANG | WAKALA MUNAWWARAH TRADING 019-4365763 KEDAH | AMBIZ GOLD 019-9841881 KUALA LUMPUR | Wakalah Suria 03-33746060 KUALA LUMPUR | NNM GOLD RESOURCES - 0199898965 - KUALA LUMPUR

WAKALAH & AGEN DIPERLUKAN:
MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI: 09-744 1901

ANAK SYARIKAT KUMPULAN PMBK
KELANTAN GOLDEN TRADE SDN BHD
LOT 3-14, TINGKAT 3 KB BAZAR, JALAN HAMZAH
15050 KOTA BHARU, KELANTAN
Tel: +609 744 1901 Faks: +609 744 1902
E-mel: info@kgt.gov.my Web: www.dinarkel.com

BACHOK
The Islamic Tourism Town

By Attif Zayyad Idris



The geographical landscape of Bachok has flat terrain with exception to a small town named Gunong. which has series of rocks' mountains. The rest are flatlands that ends with the landscape view of the blue ocean which added to the charm of the town.

The white beautiful beaches begins its coastlines from Tumpat, till Pengkalan Chepa and ends in Semerak, Pasir Putih.

There are many villages and settlements alongshore the vast beach inclusive of fishing villages beginning from Pantai Kemayang in Tawang all the way to Kandis, located before Tok Bali in Pasir Puteh.

The villages are fenced with coconut, rhu and nipah trees, adding a lustre to its panoramic landscape by the beach. The South China Sea separates the land of Peninsular Malaysia with the rest of the continents. The astounding blue ocean landscape is refreshing to the eyes and exudes peace and serenity.

This is just a short introduction to the territory of Bachok. The territory is one of ten territories in Kelantan. Bachok is also one of the four territories situated inshore; apart from Kota Bharu, Tumpat and Pasir Puteh.

The total area of the territory of Bachok is approximately 264.64 square kilometres and its population totalled to 150,000 residents. The majority of the population relies on agriculture, which adds up to 63.1 percent of the local economy.

Fishing is the main source of income for residents who live by the sea. Meanwhile, residents who live near to mainland grow plants such as tobacco, watermelon, rock melon, corn and sweet potato as their main source of income.

The town of Bachok, which is is situated on the coastline of Pantai Irama, offers convenience to its residents has goverment offices and facilities inclusive of District and Land Office of Bachok, Public Works Department, Syariah and Civil Court, Fire and Rescue Station, District Police Station, National Registration Department, Health Clinic and Post Office, among others.

Financial institutions such as Agro Bank and Maybank are situated near the to the bus station. Tabung Haji, business complexes owned by MARA and District Council of Bachok (MDB) The Islamic Tourism Town are also conveniently located.

The Bachok's terrirtory is divided into eight districts: Gunong, Tawang, Perupok, Melawi, Telong, Bekelam, Mahligai and Tanjong Pauh.

Pantai Irama (Irama Beach)

The main attraction in Bachok is the beach, Pantai Irama which is situated at the east of the trerritory. Bachok is the only town in Kelantan which is by the beach. Hence, Pantai Irama is the perfect outing place for families. Usually, the place is flocked with visitors on weekends and

during school holidays. The picnic areas are equipped with all sorts of amneties and there are many stalls selling delicious food to visitors.

Besides its exuding charm, the coastline that faces the South China Sea used to be one of the landing points in Malaya for the Japanese army during World War II.

Apart from Pak Amat Beach in Pengkalan Chepa, Pantai Irama also bore witness to the invasion of Malaysia by the Japanese Red Army. The historic momentum can be seen till this day with the abandoned forts left by the English army alongside the coast of Irama Beach, serves as a reminder of man's ravenous greed for power.

In order to maintain Pantai Irama as the destination of choice, the local authority has provided facilities for visitors' convenience such aschildren's playground, a giant coconut replica, Department of Civil Defence observation tower, madrasah (school), small wakafs and a resort equipped with a restaurant and chalets, among others.

Islamic Tourism Town

Pantai Irama is moulded according to the state government's policies of 'Developing With Islam'.

The District Council of Bachok (MDB) Islamic Tourism Town introduces the 5K concept: Keilmuan (Knowledge), Kepatuhan (Obedience), Kebersihan (Cleanliness), Kebajikan (Welfare) and Kesejahteraan (Well-being) which are applied in its current administration.

The first town to be declared as Islamic City is the Municipal Council of Kota Bharu (MPKB) in year 2005

followed by District Council of Ketereh which is declared as an Islamic Municipality.

Following the footsteps of Kota Bharu and Ketereh, MDB had elevated its own height modeling into its Islamic mould. On 7 June 2011, Bachok was declared as an Islamic Tourism Town by the Chief Minister, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat.

recommended for jawi writings to be implemented in other departments as well.

It's common to see billboards using Quranic verses with its translations all over the town. Religious sermons are also conducted in farmer's markets around Bachok.

A campaign to cover the 'awrah (modesty) is actively carried out

it acts as a catalyst to materialize Bachok as an Islamic Tourism Town.

On Fridays, business activities are temporarily halted during lunch hour to make way for the people to perform their Friday prayers. The business activities then resumed after the Friday prayers and syop before dusk to make ways for the Maghrib prayers to allow both



The Developing With Islam policy which was outlined in blueprint and practiced had never hindered the development of the tourism industry. The policy offers windows of opportunities for the tourism industry to lead to the economic growth. The tourism industry was able to generate the economy to the locals.

The Islamic Tourism Town fixed some characteristics that needs to be adhered to in maintaining its status. Among others, buildings that are built must fulfill Islamic characteristics, and enhancing the usage of jawi writings on signboards and all correspondence. In line with this, the state government highly

all over Bachok with concentration at Pantai Irama as major place of attraction.

Goverment agencies such as District and Land Office of Bachok and MDB Islamic Tourism Town carries out religious classes on regular basis to increase the understanding on Islam among members of the staff.

Wearing the robe (jubah) every Thursday

The council had implemented new measures among others that female staffs are required wear the jubah every Thursday as part of realisation of Bachok as Islamic Tourism Town, The faith factor is the main focus as

traders and visitors perform the Maghrib prayers together.

The state government established Jawatankuasa Pemandu Bachok Bandar Pelancongan Islam (Bachok Islamic Tourism Town Guide Committee) in ensuring that the Islamic Tourist Town image is maintained. Members of the committee are elected representatives (wakil rakyat) and professionals who will prepare and review guidelines on frequent basis that fit the characteristics of Bachok the Islamic Tourism Town.

Islamic Tourism Town focuses on three main aspects in a Muslim's life: maintaining relationship with the Creator, maintaining relationship

among people and maintaining relationship with nature, in order to increase Islamic awareness among visitors

The target is to get tourists and visitors to be able to see all three aspects in a clearer way.

A new product that will be introduced in Islamic Tourism Town is religious tourism. For that reason, the state government is planning to develop Islamic Tourism Hut (Pondok Pelancongan Islam) in Pondok Kandis (Modern Hut).

As per blueprint, life in the pondok (hut) will emphasize on caring service concept and syar'ie time sharing. The move is targeted to government pensioners who come to board while seeking religious knowledge. This effort is expected to attract more visitors from other states (outside of Kelantan). In line with this, MDB will develop more facilities to provide accommodation and comfort for visitors.

While officiating Bachok as the Islamic Tourism Town, the Chief Minister emphasised that developing the tourism industry is part of Islamic teachings.

"Allah has ordered Muslims to walk and travel His Earth to see Allah's great creations all over the world.

Islam obligates Muslims to perform the Hajj which requires traveling to Makkah al-Mukarramah. Traveling to Makkah is not just another travel, instead it is a dictated tourism, traveling to answer Allah SWT's call."

"The obligatory nature of the Hajj shows that tourism is not something new in Islam, even Allah SWT has told stories on how few of our Prophets were destined to travel beyond their own villages in order to increase their knowledge and spread Islamic teachings," he said during the launch.

Chairman of Local Goverment, Tourism and Culture Committee, Dato' Takiyuddin Hassan explained that the implementation of Development With Islam (Membangun Bersama Islam) policies that were implemented in Kelantan since 1990 has eased the state government's effort to create an Islamic City.

"The state government is very committed with the Religious Tourism agenda as addressed by Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V when officiating the Official Opening Ceremony of Kelantan Legislative Assembly before this," he said.

Yang Dipertua for Bachok Islamic Tourism Town District Council, Zulkiflie Abdul Rahman said there are four sectors which will be in focus upon realising Bachok Islamic Tourism Town's vision; which are the hospitality sector, tourism knowledge sector, tourism sector, and sports and beach tourism sector.

The Chief Minister hoped that Bachok Islamic Tourism Town will fulfill the standards that have been addressed by the policy. Thus, it is important for cooperation from all especially the locals to show that an Islamic Tourism Town does really exist and distinguished Kelantan from all the other states.

SOLOK LADA: MENEGUR BIAR ELOK

Oleh Zanazanzaly

SENI menegur bagi tujuan memperbaiki kesilapan manusia amatlah dititik-beratkan dalam Islam supaya yang menegur dijauhi riak dan takabur lantaran berasa dirinya lebih bagus serta serba kena dan ditegur pula berasa insaf setelah bermuhasabah dengan lapang dada tanpa luka di jiwa.

Perhatikan teguran Allah dalam surah 'Abasa ayat 1-2 kepada Nabi Muhammad SAW, yang tanpa sengaja telah tidak melayani orang buta yang datang meminta untuk belajar pada saat Rasulullah SAW sedang melakukan perbicaraan dengan tokoh-tokoh kaum musyrik di Mekah.

"Dia (Muhammad) bermasam muka dan berpaling, kerana telah datang seorang buta kepadanya..." Teguran ini dikemukakan dengan rangkaian sepuluh ayat, dan diakhiri dengan "Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! Sebenarnya ayat-ayat Al-Quran adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi)" ('Abasa [80]: 11).

Demikian halnya resam orang Melayu berbumbu sopan, santun dan segan serta silu. Meski pun mahu menegur sesuatu perbuatan yang kurang berhemah mestilah dengan cara berhikmah. Atur tutur bicara beralas dengan tusukan jarum bahasa dan benang intonasi biar molek berjelujur. Begitu orang tua-tua Melayu-Islam mendidik anak bangsanya agar sentiasa bersahsiah mulia supaya pandai membawa diri, apabila ke mana pun pergi, orang senangi.

Menyedari peri pentingnya seni menegur dengan hemah dan hikmah, nenek moyang kita pun mencipta resepi Solok lada dengan dominasi lada yang diasosiasikan dengan pedas dan panas sebagai amaran telah berlakunya satu kesilapan namun dialas teguran lunak dengan citra isi ikan yang enak, kelapa parut dan kerisik goreng yang lemak, rempah-ratus yang sempurna dimasak dan dibauri garam gula secukup rasa.

Resepi bermula dengan simbolik membasuh bersih sepuluh biji lada hijau yang dibelah tengah secara memanjang. Awas, torehan pada lada jangan sampai putus dua!

Kemudian direndam di dalam air pada suhu bilik buat seketika. Pada waktu itulah molek kiranya para bonda atau nenda yang menyediakan Solok ini bercerita kepada anak cucu mereka yang sedar lagi tegar mahu belajar menyediakan menu masakan tradisional Pantai Timur akan betapa pentingnya kita mengetahui selok-belok seni menegur yang diadun rapi melalui resepi Solok lada.

Ramuan yang menjadi bumbuan menu tradisi masyarakat bumi Cik Siti Wan Kembang ini mendidik generasi muda tentang seni menegur yang berhemah dan berhikmah. Cerita bermula dari keresahan orang-orang Yahudi dengan dakwah Rasulullah SAW. An-Nadhr Ibn Harist dan Uqbah bin Abi Mu'aith diutus oleh orang Quraisy untuk pergi ke Yahtrib. Mereka ditugaskan untuk berkonsultasi dengan pendeta Yahudi dalam menghadapi Rasulullah SAW dengan pertanyaan berikut: Pertama, kisah beberapa orang pemuda di awal abad ini yang memiliki kisah menarik. Kedua, ceritera tentang seorang raja yang mengembara dari barat ke timur. Ketiga, tentang persoalan roh.

Ketika ditanya, Rasulullah SAW mengatakan akan menjawabnya esok pagi dengan yakin. Lalu esok ditanyakan lagi kepada Rasulullah SAW, dan baginda kembali mengatakan akan menjawabnya esok sehingga beberapa hari berikutnya

Rasulullah SAW masih mengatakan esok hari jawapan akan dberikan.

Saat itu, kaum Quraisy sudah mulai tidak percaya dengan Nabi SAW. Baginda dianggap sebagai pendusta justeru tidak menepati janji untuk menjawab pertanyaan daripada pendeta Yahudi tersebut. Rasulullah SAW bingung dan resah kerana Jibril A.S belum datang untuk membawakan wahyu bagi menjawab ketiga-tiga pertanyaan yang menggugat baginda. Tagihan ketiga-tiga pertanyaan dijawab berulang-ulang kali oleh baginda Nabi SAW 'esok pagi saya akan jawab'.

Meski pun baginda seorang Nabi, Rasulullah SAW pernah mengalami kegalauan yang luar biasa. Syiar Islam hampir kandas hanya gara-gara tidak menepati janji. Rasulullah SAW mendapat cacian kaum Quraisy dengan gelaran pendusta sehingga mempengaruhi kredibilitinya sebagai penyeru tauhid. Ujian itu hanya kerana Baginda SAW lupa mengucapkan kata "Insya-Allah" (jika Allah mengkehendaki) atas janjinya kepada orang lain.

Nah, itulah simbolik lada hijau dengan kepedasan yang menggigit lidah jika tidak berwaspada ketika mengunyahnya. Meskipun demikian, Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang sedia memaafkan Kekasih-Nya atas kekhilafan yang bukan disengajakan. Maka, akhirnya pada hari ke 15, Jibril A.S datang dan turunlah Surah Al-Kahfi memberi jawapan akan pertanyaan tentang cerita 7 orang pemuda ashabul kahfi, Zulkarnaen, dan roh yang menjadi urusan mutlak Rabbul 'Alam. Melalui ayat 23 dan 24, Allah SWT berfirman yang mafhumnya:

23. Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang hendak dikerjakan): "Bahawa aku akan lakukan yang demikian itu, kemudian nanti".
24. Melainkan (hendaklah disertakan dengan berkata): "Insya Allah". Dan ingatlah serta sebutlah akan Tuhanmu jika engkau lupa; dan katakanlah: "Mudah-mudahan Tuhanku memimpinku ke jalan petunjuk yang lebih dekat dan lebih terang dari ini".

Ekstraksi jawapan daripada surah al-Kahfi inilah lambang inti Solok dengan tumbukan seinci halia, lima ulas bawang merah, kelapa parut atau kerisik yang sudah pun digoreng separuh garing dan isi ikan bakar setengah masak hingga lumat kemudian gaul sebati dengan garam dan gula secukup rasa di dalam bekas.

Sumbat kesemua bahan inti yang telah pun digaul sebati ke dalam belahan lada hijau tadi padat-padat. Perlu diingat, bahawa penggunaan kerisik adalah alternatif tambahan kepada kelapa parut dan ia akan menyebabkan warna inti Solok sedikit keperangan dengan aroma yang lebih menusuk bahkan ia memberi nilai tambah yang ketara kepada keenakan rasa Solok. Susun lada hijau tadi yang sudah pun ketat berinti ke dalam loyang dan masukkan sedikit santan supaya lebih lazat bersari. Kukus sehingga mendidih selama lima belas minit dan matikan api.

Sewaktu menghidang Solok, rumuskan cerita tentang seorang utusan Allah SWT juga pernah mengalami masa sulit yang menghilangkan seronok. Masa di mana Allah SWT menegur lantaran kesalahannya. Kelewatan wahyu tersebut membikin Rasulullah SAW tersiksa akibat cercaan dan makian kaumnya. Kredibiliti Muhammad sebagai Rasul SAW dipertaruhkan di situ. Allah SWT sengaja melambatkan wahyu tersebut untuk memberikan pelajaran kepada Nabi tentang satu kalimat ringkas tapi amat penting iaitu lafaz Insya-Allah.

Rasulullah SAW tidak terhindar daripada teguran jika melakukan kesalahan, apalagi kita yang serba kekurangan. Namun teguran itu wajiblah berseni dengan beralaskan kalimah toyyibah nan berhemah.

AN-NISA'

PUSAT PERUBATAN AN-NISA'

Kini Bukan Untuk Wanita Sahaja

Pusat Perubatan An-Nisa' yang berpengalaman melebihi 15 tahun mengorak langkah lebih jauh dengan memperkenal perkhidmatan baru. Kini Pusat Perubatan An-Nisa' bukan sahaja dikhususkan kepada wanita dan kanak-kanak sahaja, malah seisi keluarga boleh mendapatkan rawatan di sini.

KLINIK PAKAR NEFROLOGI
PUSAT HEMODIALISIS
KLINIK PAKAR MATA
KLINIK PAKAR ENT (TELINGA, HIDUNG, TEKAK)
KLINIK PAKAR PEMBEDAHAN AM
KLINIK KESIHATAN KELUARGA DAN REPRODUKTIF
KLINIK SAKIT TUAN
KLINIK PAKAR SAKIT PUAN
KLINIK PAKAR KANAK-KANAK

"Hospital Mesra Ibadah"

Simpanan Tabung Mesra

Simpanan sebelum rawatan serendah RM 50

"Simpan dahulu, Senang Kemudian"

PUSAT PERUBATAN AN-NISA'
JALAN SULTAN IBRAHIM
15050 KOTA BHARU
KELANTAN
TEL: 09 741 4444 FAKS : 09 741 4443
EMAIL : info@annisa.com.my
laman sesawang : www.annisa.com.my

AR-RAHN
Miliki 26 Cawangan di seluruh Negara

Oleh Salma Husain

Bagi pelancong yang pertama kali datang ke Kelantan tentunya hairan melihat ramai peniaga di Pasar Siti Khadijah memakai gelang emas penuh di lengan. Bukan seutas dua, sebaliknya di kiri kanan juga ada gelang emas. Di jari pula ada cincin yang pelbagai bentuk. Sedangkan media sering kali melaporkan rakyat Kelantan miskin.

Sebenarnya inilah kelebihan yang ada pada rakyat Kelantan, biar pun ditohmah miskin namun seurat dua rantai atau gelang pasti ada di badan mereka (wanita). Barang kemas inilah yang menjadi "bank segera" bagi mereka apabila keperluan tunai mendesak.

Mereka tidak perlu lagi bimbang untuk menggadaikan barang kemas kerana pusat gadaian Islam sedia membantu. Sedangkan sebelum ini mereka terpaksa bersesak-sesak di kedai pajak gadai konvensional dimiliki tauke Cina. Kadar bunga usah cerita lagi. Jika lewat menebus barang kemas ianya akan hilang.

Namun sejak 20 tahun lalu masalah itu telah diatasi oleh kerajaan negeri. Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak mahu lagi rakyat terpalit dengan sistem riba yang dilarang keras dalam Islam.

Bermula dari situlah sistem pajak gadai Islam ditubuhkan atas dasar Fardhu Kifayah dan bukan berorientasi keuntungan semata-mata. Antara tujuannya ialah menghapuskan riba atau hasil bunga (faedah) dan gharar yang dikenakan kedai pajak gadai secara konvensional. Walaupun menurut Akta Pajak Gadai 1972, had maksimum caj faedah bulanan sebanyak 2.5 peratus, namun kebiasaannya kadar yang dikenakan pajak gadai konvensional sekitar tiga hingga empat peratus sebulan.

Sistem gadaian Islam atau Ar-Rahn merupakan alternatif muamalat kepada masyarakat untuk memenuhi keperluan kewangan segera secara memberi hutang bercagar tanpa riba.

Skim ini beroperasi dengan memberi pinjaman ihsan sementara dengan cagaran atau barang sandaran yang dinamakan 'marhun'. Dalam konsep ini, sesuatu barang yang berharga dijadikan sebagai cagaran yang terikat dengan hutang. Dan sekiranya hutang tersebut tidak dapat dijelaskan, maka 'marhun' tadi boleh digunakan untuk menjelaskan baki hutang tersebut.

Tujuan 'marhun' adalah untuk meyakinkan pemiutang bahawa risiko pembayaran semula hutang dapat dikurangkan. Manakala pihak penghutang tidak perlu menanggung beban pembayaran semula yang tinggi.

Skim ini melaksanakan prinsip Al-Qardhul Hasan (bantuan ihsan) iaitu pinjaman tanpa faedah yang lebih bersifat tolong-menolong dan bantu-membantu sesama Islam. Prinsip Al-Wadiah pula ialah akad di antara tuan punya barang dengan pihak yang menyimpan gadaian.

Atas dasar Al-Wadi'ah inilah skim Ar-Rahn mengenakan bayaran upah simpan selamat (safe custody fee) ke atas barangan gadaian. Skim ini tidak mengenakan faedah kepada pinjaman tetapi sekadar mengambil upah untuk menyimpan dengan selamat.

Ar-Rahn dikendalikan oleh Permodalan Kelantan Berhad (PKB) merupakan sebuah anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). PKB diperbadankan pada 30 April 1981 dan memiliki sepenuhnya Ar-Rahn yang menawarkan perkhidmatan sistem mikro kredit syariah atau pajak gadai Islam.

Penubuhannya selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam. Kerajaan negeri mahu rakyat bebas daripada cengkaman riba. Kini Ar-Rahn mempunyai 26 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah secara francais.

Al-Rahn ialah istilah kata terbitan bahasa Arab. Al-Rahn berasal daripada kata perbuatan rahana yang bermakna menggadaikan. Perkataan ini membawa maksud kena gadai (atau digadaikan), sebagaimana kata terbitan al-khalq membawa makna kena jadi atau dijadikan (al-Faruz, Abadi 1997, 2: 1570).

Definisi al-rahn menurut istilah undang-undang Islam seperti disebut ulama Maliki ialah pemberian seseorang yang diizinkan berkontrak, sesuatu yang boleh dijual atau sesuatu yang mempunyai gharar (yang sedikit) sebagai sandaran (jaminan) ke atas sesuatu hak.

Visi utama penubuhan Ar-Rahn ialah bertindak sebagai pelopor dan pemacu utama pembiayaan mikro kredit berlandaskan syariah di Malaysia dan di rantau ini. Manakala misinya menjadikan Ar-Rahn sebuah entiti perniagaan yang berdaya maju dan memimpin pasaran dalam sektor kewangan.

Antara objektif penubuhan Ar-Rahn:

- Membebaskan ummah daripada amalan riba
- Menyediakan alternatif sistem kewangan Islam
- Memberi kemudahan mikro kredit secara adil, telus dan mudah
- Memberi pulangan optima kepada pemegang berkepentingan
- Mencipta imej dan reputasi yang dipercayai, diyakini dan dikenali
- Pembesaran perniagaan melalui penambahan cawangan

Manfaat dan kelebihan Ar-Rahn:

- Margin pembiayaan sehingga 70 peratus berdasar nilai semasa barangan
- Proses transaksi adil, telus, mudah dan cepat
- Kadar upah simpanan bulan yang kompetitif
- Penggadai dimaklumkan sebelum gadaian dilelong
- Lebihan baki lelongan akan dikembalikan kepada penggadai

Di Kelantan, hampir setiap jajahan mempunyai cawangan Ar-Rahn. Di Kota Bharu ada tiga cawangan iaitu di Jalan Temenggung, Jalan Parit Dalam dan Wakaf Che Yeh. Ar-Rahn juga akan memperkenalkan produk baru iaitu Ar-Rahn Extra melibatkan barangan selain marhum emas, seperti jam tangan, telefon berjenama dan lain-lain iaitu mengikut nilaian barangan yang digadai.

Pengurus Besar PKB, Mohd Ezanee Mohd Noor berkata, produk baru itu akan diperkenalkan di cawangan Bayam Baru dan Alor Setar, memandangkan kaedahnya lebih mudah, namun tempoh gadaian agak singkat berbanding barangan emas.

"Di Kuantan dan Kelantan, kecenderungan masyarakat menggadai barangan berharga mereka begitu tinggi terutamanya kalangan pelajar

yang memerlukan duit," katanya ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Menurutnya juga setelah 20 tahun penubuhan, ihtifal Ar-Rahn akan diadakan tahun ini bagi mengenang kembali saat penubuhan dan sambutan masyarakat terhadap penubuhan Ar-Rahn. Program berkenaan akan diadakan pada 16 Jun 2012.

Ihtifal itu akan diisi dengan seminar, pelancaran buku khas 20 tahun penubuhan Ar-Rahn dan jamuan untuk orang ramai. Ar-Rahn sebenarnya telah memulakan program kebajikan di cawangan Ar-Rahn Tanah Merah bermula pertengahan April lalu, sebagai acara pra sambutan 20 tahun.

"Setiap minggu di setiap cawangan Ar-Rahn akan diadakan program jelajah sehingga 14 Jun 2012. Program itu akan dirasmikan oleh Menteri Besar," ujarnya.

Ar-Rahn juga sedang dalam usaha mengadakan perundingan dengan syarikat swasta untuk membuka cawangan di negeri-negeri lain. Sehubungan dengan itu, beberapa unit ditubuhkan iaitu ibu pejabat melibatkan (dasar, polisi), bahagian operasi (kawalan cawangan) dan bahagian latihan (akademi permodalan).

Gadaian lebih selamat

Ezanee berkata, biarpun kegiatan haram melalui 'ah long' masih wujud di negara ini, namun permintaan gadaian di Ar-Rahn tetap tinggi memandangkan ia lebih terjamin dan selamat serta menepati kehendak agama.

Ar-Rahn juga pernah melalui sejarah hitamnya apabila sebuah premis gadaiannya diceroboh masuk perompak pada tahun 2008 sehingga membabitkan kerugian dalam jumlah yang agak besar.

Ekoran kejadian tersebut, Ar-Rahn meningkatkan aspek keselamatan termasuk memasang televisyen litar tertutup (cctv) dan rondaan dari semasa ke semasa dalam tempoh 24 jam, di samping aspek keselamatan lain. Kejayaan Ar-Rahn juga dapat dilihat apabila hanya 0.1 peratus sahaja penggadai yang tidak menebus balik gadaian.

"Sebelum ini kita ada Hotel Ansar, Pusat Rawatan Islam An-Nisa', namun sekarang kita menumpukan perhatian kepada Ar-Rahn kerana sebahagian besar masyarakat memerlukan sumber kewangan ketika keadaan mendesak," tambahnya.

Maka tidak hairanlah sekarang empayar Ar-Rahn boleh dikatakan ada di seluruh negara termasuk Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Pahang dan secara francais di Kota Kinabalu.

Usaha mewujudkan lebih banyak cawangan Ar-Rahn secara tidak langsung menjadi serampang dua mata iaitu memperluaskan perniagaan sambil berdakwah kepada masyarakat terhadap pentingnya berurusan secara gadaian Islam.

Mengenai francais Ar-Rahn di Kota Kinabalu, Ezanee melahirkan rasa syukur terhadap sambutan masyarakat begitu tinggi biar pun masih agak baru diwujudkan.

Bagaimanapun sudah menjadi lumrah dalam dunia perniagaan, Ar-Rahn turut berdepan dengan pelbagai dugaan dan cabaran terutama persaingan daripada institusi kewangan lain. Namun Ar-Rahn berjaya mencipta tamadun perniagaan gadaian Islam pertama di negara ini.

كوليج تيكنولوكي دار النعيم

KOLEJ TEKNOLOGI DARULNAIM

Profesional, Berketerampilan, Beretika

PROGRAM KERJASAMA

UTM : KUIS : TEESSIDE UNIVERSITY : THE UNIVERSITY OF WINCHESTER : GRIFFITH COLLEGE DUBLIN

".....Allah akan mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berilmu di kalangan kamu dengan beberapa darjat....." (Ayat 11 surah al-Mujadalah)

Anda ingin:

Ngaji Biar Pandai, Prangai Biar Elok
Hidup Biar Boleh tumpang

- Diploma Kejuruteraan Elektronik
- Diploma Pengurusan Teknologi
- Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan)
- Diploma Sains Komputer (Multimedia)
- Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)
- Diploma Pengajian Islam (Al-Quran & As-Sunnah)
- Diploma Perbankan Islam
- Diploma Komunikasi
- Diploma Multimedia
- Diploma Pengurusan Perniagaan

DAFTAR SEKARANG

KAMI HANYA MENYEMAI BENIH
ANDA YANG AKAN MENUAI HASILNYA

Sila hubungi kami:
Jalan Padang Golf, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.
09-7747200, 09-7749200

www.ktd.edu.my

AR-RAHN
Sistem Gadaian Syariah

PERMODALAN KELANTAN BERHAD

Kerjasama dengan

KOPERASI PERMODALAN KELANTAN BERHAD (D-5-0228)
(Program Francais)

KOPERASI RAKYAT KELANTAN BERHAD (D-4-0527)
(Program Usahasama)

"Dari Rakyat Kepada Rakyat"

KEANGGOTAAN DAN PELABURAN KINI DIBUKA

www.krk.com.my Koperasi Rakyat Kelantan Krkb
09-741 4332 / 743 2281 09-743 2280

LOT PT 448, TINGKAT 2, JALAN KUALA KRAI
BATU 3, WAKAF CHE YEH
15150 KOTA BHARU KELANTAN

A Solitude in Paradise

SUDARA BEACH RESORT & SPA

Managed by PK Ecoresort Sdn Bhd (1034604-K)

Lot 128, Mukim Telong,
Jalan Tok Bali 16300, Kelantan
Tel: +6012 3190009, +609 7430320
Faks: +609 7478243

Resort Facilities:
- Air Conditioning Room
- Swimming Pool
- Ample Parking
- Well Preserved Beach
- Open Air Coffee House
- Indoor & Outdoor Activities
- Banquet & Meeting Room to cater from up to 1000 pax persons
- Sudara Mosque
- B' Dara, Hydrotherapy Wellness Spa

Room Type:

Sea View	RM 170.00
Pool View	RM 150.00
Garden View	RM 125.00
Riverside	RM 150.00
Dorm	RM 230.00

*All room rates are inclusive of 6 % Government Tax.
*All room rates are inclusive of Breakfast for 2 persons except Dorm for 6 persons.
*Extra Bed @ RM 35.00 per bed (with breakfast)
*Surcharge @ RM 25.00 during Eve Of/School Holiday and Public Holiday

KPKB

كومفولن ڤرتانين كلنتن برحد

KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (No. 342122-U)

Lot 1809, Bangunan KPKB, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
Tel : 09-7474353 / 09-7444351 Faks : 09-7485787 Email : kpkb@streamyx.com Web : www.kpkb.com.my / www.kpkb.biz

"Bertani Satu Ibadah"

Anak Syarikat :-

KPKB
LIVESTOCK SDN BHD

- Menyediakan pusat jualan lembu untuk tujuan akikah, korban dan kenduri.
- Menjual makanan ternakan berkualiti dan murah.

Hubungi: 017-9079459 (En. Iskandar)

MMSB
MURNI MARKETING SDN. BHD.

DAMAI
DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD.

- Meneruskan pembangunan ladang rakyat dengan konsep baru - Ladang Gaharu.
- Bergiat dalam pembangunan pertanian bersepadu.
- Meneroka bidang perusahaan ternakan walit.
- Menjalankan bisnes lanskap dan yang berkaitan nurseri.

Hubungi : 012-9082181 (En. Hasnan)

Hubungi : 019-9614716 (En. Rosmadi)

Pembangunan Pondok Tradisional

Bertapak di Kelantan Sejak 1820

Oleh Mohd Nor Yahya

Pondok Lepan Bola, Batu Gajah

Haji Abdul Samad atau lebih dikenali sebagai Tok Pulai Chondong mendirikan pondok pengajian agama di Kampung Surau, Pulai Chondong pada tahun 1820. Sejarah mencatat itulah pondok pertama dibina di Kelantan. Beliau mengajar kitab yang ditulis dengan tangan.

Usaha serupa tidak lama kemudian dilakukan oleh Haji Ya'qub apabila mengajar di surau yang dibina di tepi Sungai Kelantan di Jalan Pasar Lama, Kota Bharu. Selepas generasi pertama tersebut, muncul lebih ramai ulama yang membuka kelas pengajian agama di Kelantan pada dekad pertama abad ke-20.

Ketika itu muncul ulama-ulama tersohor yang mendirikan pusat pengajian agama secara berpondok di pelbagai tempat di Kelantan, antaranya Tuan Tabal, Tok Wan Ali Kutan, Haji Wan Daud (Kubang Pasu) dan Haji Ismail Qadhi (Kubang Pasu).

Selain itu Haji Awang Alim (Atas Banggol), Haji Abbas (Sungai Budur), Haji Muhammad To' (Kampung Tok Semian Tua), Tok Konok, Tuan Padang, Haji Kecik Kampung Sireh, Haji Wan Abdul Mubin Pulau Beluru, Haji Che Samat Kampung Laut, Tok Langgar, Tok Mesir, Tuan Faqih Kota dan banyak lagi.

Pengkaji sejarah menyifatkan perkembangan pondok di Kelantan antara tahun 1900 sehingga Perang Dunia Kedua melahirkan semangat ke arah gerakan menuntut kemerdekaan. Malah pada 1900 sehingga 1957, institusi pengajian pondok tradisional tumbuh umpama cendawan selepas hujan di Kelantan.

Antara pondok yang dikenali ramai ialah Pondok Tok Kenali di Kubang Kerian, Pondok Selehor (Tumpat), Pondok Padang Jelapang (Pasir Mas), Pondok Ahmadiyyah Bunut Payong, Pondok Lubuk Tapah (Pasir Mas), Pondok Pulau Pisang (Badang, Kota Bharu), Pondok Pasir Tumboh

dan Pondok Sungai Durian (Kuala Krai). Beberapa dekad selepas kemerdekaan, institusi pengajian pondok semakin mengecil ekoran lahirnya sistem pengajian agama dalam bentuk persekolahan. Ratusan pondok agama yang ada sebelum merdeka banyak yang mati apabila pengasasnya meninggal dunia.

Pusat Pembangunan Pondok Berhad

Pusat pengajian pondok tradisional yang kekal sehingga sekarang ialah Pondok Pasir Tumboh, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Sungai Durian, Pondok Gelang Mas, Pondok Dewan Beta dan beberapa lagi. Pondok tersebut bernaung di bawah Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB).

PPPB ditubuhkan pada 22 April 1995 di atas inisiatif tok guru-tok guru pondok dan golongan profesional serta mendapat kerjasama sepenuhnya daripada kerajaan negeri. Usaha itu diambil bagi mengelakkan pondok yang ada terus berkubur selepas pengasasnya meninggal dunia.

Pada peringkat awal kerajaan negeri meluluskan kawasan pembalakan seluas 1,000 ekar kepada PPPB sebagai bantuan modal awal bagi menyusun semula institusi pondok yang ada. Bermula dari situlah institusi pengajian pondok di Kelantan mulai diberi nafas baru.

Objektif utama penubuhan adalah PPPB untuk membantu pentadbiran pondok, pelajar, membangunkan pondok secara sistematik, meningkatkan sumber ekonomi serta prasarana yang lebih sempurna di sesebuah pondok. Di samping itu bertanggungjawab menubuhkan Jabhah Pondok, Kuliyyah Pondok Darul Naim serta mencari sumber kewangan bagi meningkatkan sistem pengajian pondok.

Visi PPPB ialah mempertahankan dan memajukan institusi pondok sebagai salah satu pusat pengajian alternatif yang berjaya di peringkat nusantara. PPPB juga berusaha menjadikan pusat pengajian pondok sebagai satu produk pelancongan utama di negara ini.

Institusi pondok juga dijadikan sebagai tempat yang mampu menjana ekonomi melalui program industri kecil, di samping itu juga menjadikan institusi pondok sebagai pusat untuk menangani gejala sosial melalui pendidikan agama.

Di antara pondok yang bernaung di bawah PPPB ialah Madrasah Diniyah Bakriah Pasir Tumboh, Madrasah Rahmaniah Lubok Tapah, Pasir Mas, Madrasah Muhammadiah Sungai Durian, Kuala Krai, Madrasah Yusufiah Gelang Mas, Pasir Mas, Madrasah Tarbiah Atfal Kampung Talak, Tumpat.

Selain itu Madrasah Dakwah Islamiah Kampung Sungkai Pasir Puteh, Madrasah Fununiah Tunjung Kota Bharu, Pondok Berangan Tumpat, Madrasah Muhammadiah Kampung Beta Hilir, Kota Bharu, Pondok Darul Muttaqin Batu Gajah, Tanah Merah, Madrasah Darul Ilmi, Bukit Gading Tanah Merah, Madrasah Darul Ansar Kampung Laloh, Kuala Krai dan Pondok An-Najmiah Pengkalan Kubor, Tumpat.

Pusat Pembangunan Pondok Berhad

Pondok Neting

Pondok Lubok Tapah

Pondok Bukit Gading

Pondok Pasir Tumboh

Kebanyakan pusat pengajian pondok mempunyai dua sistem pengajian iaitu nizami dan umumi. Kelas nizami pelajar akan melalui peperiksaan kelayakan dan kokurikulumnya jarang berubah. Manakala peringkat umumi pula pelajar akan memilih pengajian mengikut kemampuan masing-masing dan ada kitab yang diajar secara halaqah dengan guru.

Di antara kitab utama yang diajar di institusi pondok ialah Tafsir iaitu

kitab Nasafi, Fiqh, dan Iqna. Ilmu Nahu ialah kitab Ibn 'Aqil. Pengajian Aqidah ialah kitab Syarah Jauharah At-Tauhid. Bidang pengajianTasawuf meliputi kitab Minhajul 'Abidin dan ilmu Hadis kitab Muktasar Sohih Al-Bukhari dan Bulughul Maram.

Selain daripada kitab Arab, terdapat juga kitab menggunakan bahasa Melayu Jawi digunakan di peringkat asas dan pengajian rendah. Sebahagian kitab tersebut dikarang oleh ulama tersohor di Patani, Thailand. Namun kebanyakan kitab pengajian peringkat tinggi adalah dalam bahasa Arab.

Hampir kesemua pusat pengajian pondok yang terdapat di Kelantan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Bagaimanapun bahasa Arab diwajibkan bagi memudahkan pelajar memahami kitab-kitab pengajian ilmu lebih tinggi di mana sebahagian besar ditulis dalam bahasa Arab.

Pembelajaran di institusi pengajian pondok tidak hanya terhenti di pondok tersebut, malah ramai pelajar lepasan pondok berjaya melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negeri.

Sehingga kini ramai lepasan pondok di Kelantan melanjutkan pengajian di pondok di selatan Thailand terutamanya Patani, pasentren di Indonesia dan pelbagai kolej atau universiti di India, Pakistan, Bangladesh, Mesir, Arab Saudi, Syiria, Sudan serta Yaman.

Bagaimanapun, pelajar lepasan pondok terlebih dahulu digalakkan melanjutkan pelajaran lanjutan di Kuliyyah Pondok Darul Naim sebagai persediaan sebelum belajar ke peringkat lebih tinggi di dalam atau luar negara. Kuliyah Pondok terletak berhampiran Madrasah Dinniah Bakriah di Pasir Tumboh.

Keseluruhan sistem pengajian pondok di Kelantan berfahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ia berbeza dengan Indonesia yang mempunyai pelbagai fahaman seperti Pasentran milik Nahdatul Ulama berfahaman Sunni, Hidaya-tullah (Sunni) dan Muhammadiyah (Wahabi).

Melalui usaha yang dilakukan PPPB, institusi pengajian pondok di Kelantan dijangka akan kembali ke era kegemilangan seperti zaman sebelum kemerdekaan. Usaha itu menjadi lebih mudah dengan peranan yang dimainkan oleh kerajaan negeri. Malah ia merupakan sebahagian daripada agenda kerajaan negeri di bawah paksi Membangun Bersama Islam.

Kerajaan Kelantan yang diterajui kepimpinan ulama sejak 1990 terus memperkasa institusi pengajian pondok. Kalau sebelum itu institusi pengajian pondok dibiarkan tanpa sebarang pembelaan, kini pusat pendidikan tradisional itu terus berkembang. Malah PPPB dengan kerjasama kerajaan negeri pernah mengadakan persidangan ulama nusantara yang menghimpunkan ramai ulama tersohor dari rantau ini di Kota Bharu.

Kini, boleh diperhatikan bahawa terdapat pondok-pondok pengajian Islam di hampir setiap daerah di Kelantan.

BIL	ALAMAT MADRASAH
1.	**Madrasah Diniah Bakriah** Pondok Pasir Tumboh, 16150 Kota Bharu www.al-bakriah.com.my
2.	**Madrasah Rahmaniah** Pondok Lubuk Tapah, 17200 Lemal, Pasir Mas
3.	**Madrasah Muhammadiah** Pondok Sungai Durian, 18000 Kuala Krai http://www.pondoksgdurian.com/
4.	**Madrasah Yusufiah** Pondok Banggol Naim, Gelang Mas 17010 Pasir Mas
5.	**Madrasah Ar-Rahmaniah** Pondok Neting, Kg Neting, Tumpat
6.	**Madrasah Dakwah Islamiah** Pondok Seri Permai Seligi, Kg Permatang Sungkai, 16800 Pasir Puteh
7.	**Madrasah Fununiah Tunjuniah** KM 7 Jln Kuala Krai, 16010 Mulong, Kota Bharu
8.	**Pondok Berangan** Kampung Berangan, 16200 Tumpat
9.	**Madrasah Muhammadiah** Pondok Beta Hilir, Kg Beta Hilir, 15150 Kota Bharu
10.	**Madrasah Darul Muttaqin** Pondok Lepan Bola, Lawang Batu Gajah, 17510 Tanah Merah
11.	**Madrasah Darul Ilmi** Pondok Bukit Gading, 17500 Tanah Merah
12.	**Madrasah al-Diniah al-Falahiah** Kg Dalam Huma, Bukit Awang, Pasir Puteh
13.	**Madrasah An-Najmiah** Pondok Geting, Kg Geting, 16200 Tumpat
14.	**Madrasah Diauddin** Pondok Gual Dalam, D/A Petis Surat No 7 Banggol Kulim Lubok Setol, 17200 Rantau Panjang

ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD
21 – B, Tingkat 1, Bangunan Iktisad Jalan Dato' Pati
15000 Kota Bharu, Kelantan
E-mel: ashar_travel@yahoo.com
23-1, Jalan 3 / 76D, Desa Pandan,
55100 Kuala Lumpur
E-mel: ashhartravel@gmail.com

أشهر
ASH-HAR
KKKP: 2952

Untuk Pertanyaan Lanjut, Sila Hubungi:
Tel (Pejabat KB): 09-743 7050 013-746 7050
Tel (Pejabat KL): 03-9200 7050

PENERBANGAN TERUS @ TRANSIT

CENDERAHATI PERCUMA DISEDIAKAN!!

UMRAH 30 MEI - 11 JUN
dari RM6150

HOTEL MAKKAH
HOTEL HAJEEJ @ SETARAF (350M)

HOTEL MADINAH
Jarak 50 – 100M

UMRAH JUN / JULAI
dari RM5690

UMRAH RAMADHAN
dari RM6890

PAKEJ HAJI 1433H/2012M
dari RM13,450
Harga tidak termasuk wang naik haji yang ditetapkan oleh Tabung Haji

*Harga dan tarikh penerbangan tertakluk pada sebarang perubahan

TOURISM 1 MALAYSIA

yaskin
KPL/LN2259(169926-W)

TAWARAN ISTIMEWA!!!
Sempena Tahun Melawat Kelantan 2012

BAS: 24 tempat duduk
VAN: 10 tempat duduk

APPOINTED AGENT
MAS / KTM

BILIK TAMU
RM75/MALAM

LAWATAN ROUND TRIP (DALAM NEGERI)
- Kota Bharu - Pantai Sri Tujoh - Pengkalan Kubor - Rantau Panjang - Kota Bharu
- Kota Bharu - Pantai Irama - Tok Bali - Kuala Besut - Kota Bharu

UNTUK MAKLUMAT LANJUT :
NO. TEL: 09-744 3136, 09-741 2650 / 51 / 52, 013-333 3615
EMAIL: yaskintravel@gmail.com

FARIS
Ilham Niaga

• PRINTING • BANNER • BANTING

BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

- 020400 Kelengkapan Dapur
- 020600 Bahan - Bahan Pembungkusan/Bekas
- 080200 Makanan Mentah Basah
- 080300 Makanan Mentah Kering
- 080501 Makanan Bermasak Islam
- 090100 Peralatan/Kelengkapan Perubatan
- 090300 Perkakas Perubatan Pakai Buang
- 220105 Alat Kelengkapan Hospital/Makmal
- 220301 Kawalan Serangga Perosak/Anti Termite Bangunan
- 220402 Membersih Kawasan
- 010201 Alatulis (Tidak Termasuk Borang/Kertas Komputer)
- 040200 Alat Bantuan Mengajar
- 229401 Mencuci Bangunan
- 070200 Cenderamata dan Hadiah
- 221503 Billboard

5358-L, Jalan Telipot,
15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : +6017-9603151

Ombak Inn
Penghawa Dingin • Pemancur Mandian • TV Warna 21" • Kemudahan Air Minum (Kopi/Teh) Internet - Wi-Fi • Astro • Katil tambahan (RM20.00 Sahaja) • 24 jam Penyambut Tetamu Berdekatan Pasar Borong Wakaf Che Yeh • Dewan

Ombak Boutique Hotel
Internet - Wi-Fi • 24 Jam Penyambut Tetamu • Perkhidmatan Bilik / Bilik Keluarga Surat Khabar • Penghawa Dingin • Butik Batik



Untuk Tempahan Hubungi:
Lot 26 & 27, Blok C, Pasar Awam Bersepadu Wakaf Che Yeh, 15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7413060/66 **Faks:** 09-7413061
E-mel: ombak.inn@gmail.com

facebook http://www.facebook.com/ombakinn.hotel

OMBAK BOUTIQUE HOTEL

Untuk Tempahan Hubungi:
Lot 2891 & 2892, Jalan Kuala Krai, Mukim Padang Enggang, Wakaf Che Yeh, 15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7473025

Tengku Zainal Adlin
Anak Kelantan
Mengukir nama di SABAH

Ketokohan Tengku Zainal Adlin Tengku Mahamood mungkin boleh ditafsir melalui gambar-gambar puncak Gunung Kinabalu yang memenuhi ruang pejabatnya di 51, Jalan Gaya Kota Kinabalu. Panorama ketinggian dan keindahan puncak gunung, antara yang tertinggi di Asia Tenggara itu dirakamnya sendiri. Tokoh yang lebih dikenali sebagai Tengku Adlin ini mempunyai minat yang sangat mendalam dalam seni fotografi.

Selain mendaki gunung, Tengku Adlin juga mempunyai hobi sebagai penyelam skuba, terjun payung, paragliding dan aerobatik. Kesemuanya itu memerlukan keberanian, ketahanan, kesabaran dan tidak takut berhadapan risiko.

Tengku Adlin juga merupakan seorang juruterbang terlatih pada tahun 1959-1960 sebelum menyertai perkhidmatan awam. Pelbagai jawatan di peringkat daerah dan negeri dalam perkhidmatan awam Kelantan dan Persekutuan dipegangnya. Beliau pernah dilantik sebagai Penolong Pegawai Daerah, Pegawai Daerah dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan 1962-1967. Kini beliau merupakan Pengerusi Lembaga Pelancongan Sabah (Sabah Tourism Board) sejak tahun 2000.

Tokoh yang dilahirkan di Kota Bharu pada tahun 1940 ini, telah memberikan sumbangan besar dalam pembangunan di Sabah. Tidak ada siapa yang dapat menafikan peranan yang dimainkan oleh Tengku Adlin, antaranya adalah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perumahan Negeri Sabah yang pertama (1968-1973) dan memperkenalkan Skim Perumahan Kos Rendah di daerah-daerah utama di Sabah.

Tengku Adlin juga Timbalan Pengarah Yayasan Sabah yang pertama (1974-1996) dan Penasihat Korporat (1997). Beliau bertanggungjawab

merumus falsafah, visi, misi, perancangan korporat, program pembangunan dan projek pembangunan di Sabah. Antaranya pembinaan bangunan Yayasan Sabah (Menara Tun Mustapha), Kompleks Sukan Likas, Pembinaan Jalan Teluk Likas, Perkhidmatan Doktor Udara, Asrama Desa untuk pelajar luar bandar, Kampus YS-ITM dan UKM Kampus Sabah (1974), Kampus Sementara UMS/YSCC (1995) dan Sabah Nature Clubs.

Beliau mendapat pendidikan di Universiti Birmingham, England dalam bidang Pentadbiran Awam. Selain itu beliau mendalami ilmu di Sekolah Pengajian Kerajaan Tempatan, Universiti Sigtuna, Sweden. Beliau pernah mengikuti pengajian Top Management Program di Asian Institute of Management (AIM). Beliau pernah dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan menerima Anugerah Langkawi daripada Yang DiPertuan Agong pada tahun 1999. Menerima Pingat Emas Konservasi WWF Duke of Edinburgh di Istana Buckingham pada tahun 1999 sebagai pengiktirafan terhadap sumbangannya di atas usaha-usaha pemuliharaan alam semulajdi. Tengku Adlin juga dikurniakan darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato' daripada Yang DiPertua Negeri Sabah pada tahun 1975 dan Sultan Kelantan pada tahun 1985, serta Pingat Seri Paduka Mahkota Perak oleh Sultan Perak pada tahun 2006.

Dek kerana kecintaannya kepada alam sekitar, salah satu spesis Rafflesia, bunga terbesar di dunia yang ditemui di Banjaran Trus Madi pada tahun 1988 diberi nama Rafflesia Tengku-Adlinii. Tengku Adlin juga aktif dalam bidang sukan dan kegiatan sukarelawan. Beliau pernah muncul juara kejohanan badminton Sabah, Presiden Persatuan Badminton Kota Kinabalu, Ahli Jawatankuasa Persatuan Badminton Malaysia pada tahun 1960 ketika Malaysia menjuarai Piala Thomas.

Beliau juga merupakan tenaga utama dalam penganjuran International Aventure Camel Trophy 1993, Eco Challenge 2000, Outdoor Quest 2003, 2004, 2005, Mount Kinabalu Climbathon 1987-2008, Skydive Borneo Boggie 2001, 2002, TMKL/ Tun Mustapha Tower International Base Jump 2006, 2007, 2008, Sabah F2000 World Cup Powerboat Race 2007.

Beliau juga aktif dalam kegiatan sukarela, antaranya Pengerusi WWF Malaysia, Pengerusi Outward Bound School, Presiden Sabah Wetland Conservation Society, Presiden Sabah Society, Presiden Borneo Orchid Society, Presiden Kinabalu Paragliding Club, mantan Presiden Kelab Rotary Kota Kinabalu, Naib Presiden Kehormat Raliegh International UK dan Ahli Kehormat Scientific Exploration Soceity UK.

Oleh itu bagi menjejaki pengalaman Dato' Tengku Adlin, ikuti wawancara wakil QIADAH di pejabatnya di Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini.



QIADAH: **Boleh Dato' ceritakan bagaimana Dato' tertarik untuk datang ke Sabah?**

Tengku Adlin: Terima Kasih kerana sudi mewawancara saya. Sebenarnya saya ke Sabah bagi memenuhi permintaan Allahyarham Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun, Ketua Menteri Sabah pada masa itu. Pada masa itu, saya berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan kemudian dipinjamkan untuk berkhidmat di Sabah.

QIADAH: **Bagaimana Dato' mula berkenalan dengan Allahyarham Tun Mustapha?**

Tengku Adlin: Beliau mula mengenali saya ketika memberikan taklimat sewaktu lawatannya ke Kelantan. Barangkali kerana tertarik dengan taklimat yang saya berikan, melalui Menteri Besar, Dato' Asri Haji Muda, beliau meminta saya untuk berkhidmat di Sabah. Walaupun pada mulanya saya menolak, tetapi beliau terus meminta saya ke Sabah. Saya kemudian mengajukan beberapa syarat dan beliau sanggup memenuhinya asalkan saya bersedia datang ke Sabah. Pada tahun 1968 saya pun datang ke Sabah.

QIADAH: **Apa jawatan awal yang Dato' terajui di Sabah?**

Tengku Adlin: Saya dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perumahan Sabah yang pertama pada tahun 1968-1973. Saya memperkenalkan Skim Perumahan Kos Rendah di daerah-daerah utama di seluruh Sabah. Tujuannya bagi menyediakan rumah-rumah untuk golongan berpendapatan rendah. Kini Suruhanjaya itu diubah nama kepada Lembaga Perumahan dan Pembangunan Bandar Sabah (LPPB). Saya diminta pula berkhidmat dengan Yayasan Sabah sejak 1974 sehingga saya bersara pada 1996 dengan jawatan terakhir sebagai Timbalan Pengarah Yayasan Sabah. Pada mulanya saya dilantik sebagai Pengurus Pembangunan Projek Yayasan Sabah dan ditugas menyelia pembinaan bangunan Yayasan Sabah sehingga muncul bangunan tertinggi di Sabah, malah ia bangunan pertama seumpamanya di Asia Tenggara dan keempat di dunia. Apa yang menjadi kebanggaan, saya pernah berkhidmat di bawah 13 Ketua Menteri.

QIADAH: **Sebenarnya apa yang menarik minat Dato' ketika itu?**

Tengku Adlin: Ketika mula berkhidmat di Sabah, saya tertarik dengan keindahan alam semulajadi. Antara yang sangat menarik minat saya ketika itu ialah Gunung Kinabalu. Melihat pergunungan dan lautan, saya merasa mungkin boleh tinggal untuk beberapa waktu.

QIADAH: **Apakah daya tarikan utama yang menarik pelancong ke Sabah?**

Tengku Adlin: Antara keistimewaan Sabah ialah masyarakatnya yang ramah-tamah. Penduduknya berbilang kaum di mana lebih 30 etnik tinggal dalam suasana harmoni. Kita mempunyai khazanah alam semulajadi yang kaya dan menjadi produk pelancongan bertaraf antarabangsa. Selain itu kita menawarkan pelbagai produk pelancongan yang tidak terdapat di tempat lain.

Contohnya Sabah memiliki kepelbagaian marin yang luar biasa, (the richest marine biodiversity in the world); terdapat 850 jenis ikan karang, 200 jenis karang berbatu, malahan ada yang mengatakan kepulauan Carribean pun tidak memiliki 30 peratus apa yang Sabah ada. Selain itu, penyelam-penyelam profesional memilih Sipadan sebagai syurga penyelaman yang terbaik di dunia. Sabah juga mempunyai hutan hujan tertua di dunia, 130 juta tahun jika dibandingkan dengan Amazon. Sabah menjadi destinasi pelancongan eko yang boleh diterokai dan menjadi daya tarikan utama.

QIADAH: **Selain eko-pelancongan, apa lagi produk pelancongan di Sabah?**

Tengku Adlin: Antara yang berpotensi dikembangkan ialah industri inap desa (homestay) kerana program ini sesuatu yang unik, memberikan peluang kepada pelancong menikmati budaya dan kehidupan seharian masyarakat Sabah.

QIADAH: **Apa pandangan Dato' selepas lebih empat dekad berada di Sabah?**

Tengku Adlin: Saya merasa gembira kerana di sebalik pembangunan yang dinikmati di Sabah, kebudayaan dan nilai-nilai kehidupan masih dikekalkan dan alam semulajadi dipertahankan. Bagaimanapun masih banyak potensi dan produk pelancongan yang boleh dimajukan.

QIADAH: **Sebagai seorang berpengalaman dalam bidang pelancongan, tentu Dato' mempunyai pandangan bagi menarik lebih ramai pelancong ke Kelantan?**

Tengku Adlin: Kelantan sebuah negeri yang menarik dan istimewa. Malah sejak dahulu menjadi tumpuan pelancong kerana memiliki keunikan budaya, peninggalan warisan dan alam semula jadi. Ini merupakan aset penting yang harus dijaga dan dipelihara. Misalnya Kelantan boleh mempromosi bidang kulinari. Di Kelantan terdapat lebih 100 masakan nasi. Ini boleh dipromosi. Di mana di dunia ada 10 jenis masakan nasi kecuali di Kelantan. Ini adalah aset yang bernilai. Ia merupakan satu kelebihan yang tidak ada di negeri lain. Kelantan juga mempunyai banyak tarikan yang boleh menjadi tumpuan pelancong. Antaranya kraftangan, seni warisan, tempat-tempat bersejarah dan sebagainya, malah industri inap desa juga boleh dibangunkan.

QIADAH: **Apa yang perlu dilakukan untuk menarik lebih ramai pelancong?**

Tengku Adlin: Kerajaan dan sektor swasta khususnya pengusaha pelancongan perlu berganding bahu mempromosi produk pelancongan di seluruh dunia dengan menyertai pameran dan ekspo antarabangsa. Setiap tahun jika ada ekspo, kerajaan dan pengusaha pelancongan perlu menyertainya. Jangan menunggu sahaja. Semua pihak harus bersama mempromosi produk dan destinasi pelancongan dengan menyertai pameran-pameran di peringkat antarabangsa. Lakukan promosi ke negara-negara seperti Eropah, Timur Tengah, China, Korea, Jepun dan sebagainya.

Memang banyak yang boleh dibangunkan di Kelantan, bahkan memperkenalkan imej negeri Islam. Dengan menonjolkan imej sebagai negeri Islam, Kelantan boleh menarik ramai pelancong dari negara-negara Islam. Malah boleh menarik pelancong dari negara China yang mempunyai ramai penduduk beragama Islam. Imej negeri Islam yang mereka mahu lihat. Di samping itu mesti kekalkan keunikan dan keistimewaan bangunan-bangunan yang ada. Bangunan kena ada karakter dan identiti kemelayuan kerana ia mampu membina ekpresi. Buat produk yang tak ada di negeri lain. Dari sudut sejarah, Kelantan mempunyai sejarah yang panjang. Ini boleh dipromosi. Begitu juga pengajian pondok mempunyai kesan sejarah. Ini semua boleh menjadi daya tarikan utama.

QIADAH: **Bagaimana potensi program pelancongan inap desa di Kelantan?**

Tengku Adlin: Kelantan juga boleh mempromosi pelancongan inap desa dan memperkenalkan masakan kampung. Ramai pelancong suka melihat orang menanam padi, memotong getah, menangkap ikan dan sebagainya. Ini boleh diterokai. Mesti ada strategi. Sertai pameran antarabangsa, bercakap mengenai kelebihan Kelantan sebagai pusat Islam. Sebagai contoh, apa yang

kami lakukan untuk memajukan inap desa di Sabah ialah membantu melatih pengusaha dan kakitangan inap desa serta membimbing mereka. Ini penting supaya program inap desa berjaya meningkatkan taraf hidup masyarakat. Mereka dapat mengambil bahagian memajukan sektor pelancongan. Mereka tidak perlu mengeluarkan banyak biaya. Apa yang penting kita mesti pastikan tandas dan bilik tidur adalah bersih. Melalui program inap desa, kami menarik kira-kira 70 peratus pelancong domestik dan mencipta kira-kira 3,000 peluang pekerjaan. Dan melalui 31 inap desa juga, ia memberikan pendapatan sebanyak RM5 juta setahun.

QIADAH: **Pada pandangan Dato', apa kelebihan dan keistimewaan negeri Kelantan?**

Tengku Adlin: Saya melihat Kelantan yang mendapat gelaran Serambi Mekah dan Tanah Serendah Sekebun Bunga memiliki keunikan seni budaya, peninggalan warisan dan alam semula jadi. Ia perlu sentiasa dijaga dan dipelihara. Ini semuanya menjadi aset penting untuk memajukan Kelantan daripada aspek pembangunan. Saya yakin Kelantan memiliki banyak keistimewaan yang tidak dimiliki negeri-negeri lain. Kelantan mempunyai banyak produk dan destinasi pelancongan menarik yang boleh dipromosi dengan lebih giat lagi, bukan sahaja di peringkat domestik malahan peringkat antarabangsa. Kirim salam kepada Tok Guru Nik Aziz, beliau Tok Guru ambo.

Majlis Pengumuman
PEMBANGUNAN KOTA BHARU
SENTRAL @ TUNJONG

Oleh Salmah Hussain Foto Kamarul Azam Mat Rani

Tunjong yang dipilih sebagai sebuah bandar baru bagi mengimbangi kepesatan bandar Kota Bharu bakal berubah wajah dalam tempoh lima hingga tujuh tahun akan datang setelah beberapa projek pengisiannya siap dilaksanakan bermula awal Januari ini.

Projek pembangunan itu bakal dilaksanakan secara usahasama antara Sara-Timur Sdn Bhd, Perbandanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Tunjong Development Corporation (TDC), yang akan menelan belanja sekitar RM600 juta.

Majlis pelancaran Bandar Baru Tunjong itu telah dirasmikan oleh Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat. Hadir sama pada majlis itu, anggota-anggota exco kerajaan negeri, Dato' Husam Musa, Dato' Takiyuddin Hassan, Mejar (B) Dato' Md Anizam Abdul Rahman dan lain-lain jemputan.

Projek yang dicadangkan namanya sebagai Kota Bharu Sentral itu akan melalui tiga fasa yang bakal menempatkan beberapa komponen antaranya kompleks kerajaan, perumahan dan pusat membeli-belah.

Tuan Guru ketika berucap pada majlis itu memberitahu, konsep hijau perlu dikekalkan dalam pembinaan projek tersebut.

"Ini bermaksud ia akan menggunakan teknologi hijau seperti penjimatan tenaga, penggunaan sumber alam sekitar, mengelakkan kerosakan alam dan menjadikan bandar ini dipenuhi dengan pokok-pokok landskap yang hijau dan menarik"

"Saya mengambil contoh cadangan pembinaan Masjid Sultan Muhammad V yang mengaplikasikan konsep Bandar Hijau ini dengan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik melalui pencahayaan dan pengudaraan semulajadi, penghawa dingin semulajadi dengan tiupan angin dari alam. Malah, rekabentuknya diolah supaya pembaziran penggunaan tenaga eletrik dapat dikurangkan," ujarnya lagi.

Tambahnya lagi, semoga Bandar Baru Tunjong yang dibangunkan dengan berkonsepkan Bandar Hijau, akan mengurangkan pelbagai masalah yang melanda bandar-bandar besar di seluruh negara.

Tambahnya, sebagai contoh banjir kilat walaupun Kelantan dikaitkan dengan kemunduran dan banjir akibat kelemahan sistem pengairan, hakikatnya banjir-banjir kilat melanda hampir seluruh bandar besar di Malaysia sekiranya berlaku hujan lebat berterusan.

Tambahnya, dengan kesesakan lalulintas akibat ketiadaan perancangan yang baik semasa membina aliran trafik juga dapat diatasi dengan pembangunan Bandar Hijau yang mesra trafik.

"Saya dimaklumkan bahawa pembangunan Kota Bharu Sentral Tunjong ini akan melibatkan tapak seluas 41.13 ekar yang melibatkan antara lain 26.49 ekar untuk bangunan perniagaan dan 6.34 ekar untuk pangsapuri dan kondominium. Dengan kawasan seluas ini, saya yakin insya-Allah ia akan menjadi mercu kejayaan kerajaan negeri Kelantan apabila ia siap dengan sempurna kelak," ujarnya lagi.

SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI

Sumbangan Diteruskan Bagi Meringankan Beban

Oleh Muhammad Yusri Amin

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah membelanjakan RM5,000 sebulan bagi membantu pelajar cemerlang dalam bidang akademik melalui Skim Bantuan Imam Al-Ghazali.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Ir Mustafa Salleh berkata, "sumbangan kewangan itu diberikan selama dua tahun pengajian dan pemilihan pelajar dilakukan oleh pihak YIK berdasarkan kecemerlangan akademik pelajar tersebut". Jumlah pelajar yang menerima sumbangan ini pada setiap tahun adalah seramai 100 orang melibatkan sesi 2011/2012 dan sesi 2012/2013."

"Pada hari ini seramai 50 orang pelajar baru bagi sesi 2012/2013 (Tingkatan Empat) telah dipilih bagi menggantikan 50 orang pelajar terdahulu yang tamat pengajian." Beliau berucap pada Majlis Penyampaian Skim Bantuan Imam Al-Ghazali (siri ke-4) Sesi 2012/2013 di Nilam Puri pada 09 Mei 2012 bersamaan 17 Jamadil Akhir 1433H.

Skim bantuan tersebut merupakan program 'tanggungjawab sosial' (corporate sosial responsibility) PMBK, membantu pelajar miskin yang cemerlang di sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK). Mereka dipilih dari keluarga yang kurang berkemampuan, namun cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

"Program ini merupakan cetusan idea Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan yang dilancarkan pada 27 Mei 2009.

Mengulas lanjut, Ir Mustafa berkata, "nama program tersebut diambil sempena nama tokoh pejuang Islam, Imam Al-Ghazali yang terkenal dan diiktiraf sebagai intelektual Islam dan cendekiawan Barat. Imam Al-Ghazali dinobatkan sebagai 'ensiklopedia ummah' lantaran penguasaannya dalam pelbagai ilmu di samping ketokohan dan ketinggian akhlaknya."

Beliau berharap kehebatan peribadi dan ketinggian ilmu Imam Al-Ghazali dapat dijadikan motivasi kepada masyarakat, seterusnya menjadi 'ikon' kepada pelajar dalam mencapai kecemerlangan ilmu.

Imam Al-Ghazali berpendapat bahawa untuk mendapat kebahagian hidup di dunia dan akhirat, seseorang itu hendaklah mempunyai ilmu dan diamalkan dengan baik dan ikhlas hanya kerana Allah SWT.

Selain itu, Ir Mustafa menyifatkan sistem pendidikan berteraskan Islam yang diperkenalkan oleh YIK berjaya membuka minda masyarakat luar Kelantan khususnya tentang keberkesanan dan kejayaan sistem pendidikan yang berpaksikan Al-Quran dan As-Sunnah.

"Ini sekaligus membuktikan Al-Quran dan iman merupakan sumber kekuatan ummah mesti dihayati dalam kehidupan seharian sebagai hamba Allah SWT," ujarnya.

Majlis penyampaian sumbangan ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Negeri, Dato' Mohd Amar Nik Abdullah. Turut hadir Pengarah YIK Tengku Azmi Tengku Jaafar, Ketua Pegawai Operasi PMBK, Sanusi Othman dan Pengurus Bank Islam Cawangan Kubang Kerian Meor Abdul Rahman Md Yusop, pengetua dan guru-guru YIK.

Majlis Penyampaian SIJIL PENGIKTIRAFAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (MS ISO 9001:2008) KEPADA MAJAARI SERVICES SDN BHD

Majaari Services Sdn. Bhd. (Majaari) merupakan syarikat milik Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd (KUMH) yang merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang ditubuhkan pada 14 Disember 2007.

Majaari ditubuhkan bagi menguruskan pembetungan di seluruh negeri Kelantan dengan mengambil alih peranan tersebut daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengurusan pembetungan termasuklah operasi dan penyelenggaraan loji rawatan kumbahan awam, pengosongan tangki septik (desludging) dan sebagai agensi perakuan pembetungan bagi pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Sistem pembetungan di Negeri Kelantan sudah ketinggalan jauh ke belakang berbanding negeri-negeri lain yang diuruskan oleh Indah Water Konsortium (IWK). Namun begitu, sistem tersebut di Kelantan diuruskan oleh PBT dengan peruntukan yang terhad, operasi dan penyelenggaraan loji rawatan kumbahan berpusat yang terbatas. Pengambilalihan tanggungjawab tersebut merupakan cabaran utama dalam memastikan Majaari mencapai matlamat penubuhannya.

Setelah pengambilalihan dibuat, Majaari telah mengenalpasti keadaan loji rawatan kumbahan awam yang terdapat di sekitar Kota Bharu dalam keadaan yang tidak memuaskan. Majaari melalui Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk memohon peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan kelulusan peruntukan telah diberikan sebanyak RM30 juta dalam bentuk pinjaman.

Kini, projek membaikpulih dan menaiktaraf telah siap sepenuhnya yang melibatkan sembilan lokasi di mana, 14

loji rawatan kumbahan, 10 stesen pam dan hampir 29km rangkaian paip pembetungan di sekitar Kota Bharu dalam tempoh pembinaan yang amat memuaskan. Loji–loji tersebut telah memberikan kemudahan dan manfaat kepada lebih 50,000 pengguna sistem pembetungan yang bersambung.

Alhamdulillah, dalam tempoh yang singkat daripada penubuhan Majaari, kejayaan demi kejayaan telah diperolehi, di antaranya ialah berjaya menyiapkan projek membaikpulih dan menaiktaraf loji-loji rawatan kumbahan dalam tempoh yang singkat dan terkini Majaari telah mendapat pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 oleh pihak SIRIM.

Perancangan untuk mendapatkan Pengiktirafan sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 ini telah bermula sejak tertubuhnya Majaari lagi, di mana sistem dan prosedur pengurusan berpandukan standard ISO diaplikasikan sejak di awal Majaari beroperasi. Dengan langkah-langkah penambahbaikan yang diambil, akhirnya Majaari berjaya dalam mendapatkan Pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti, ISO 9001-2008 oleh pihak SIRIM pada 12 Disember 2010.

Ini adalah merupakan titik permulaan untuk Majaari mengorak langkah lebih jauh untuk terus meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui pengiktirafan lain seperti ISO 14001:2004 'Enviromental System', ISO 18001:2007 'OHSAS System' serta 'Total Quality Management (TQM) dan sebagainya sehingga standing dengan syarikat-syarikat lain yang telah melaksanakan serta mengamalkannya.

Dengan pengiktirafan ini diharapkan Majaari akan dapat meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan pembetungan dengan lebih efisyen dan dapat merealisasikan hasrat kerajaan negeri Kelantan untuk menyediakan perkhidmatan pembetungan terbaik kepada seluruh rakyat Kelantan.

Majaari juga menyediakan perkhidmatan pengosongan tangki septik bagi domestik, komersil dan juga premis milik kerajaan. Malah Majaari sentiasa berusaha dalam menjalankan kempen kesedaran agar rakyat terdidik dalam menjaga hak dan kebajikan alam sekitar serta berusaha dengan gigih untuk memastikan perkhidmatan yang ditawarkan adalah yang terbaik.

Majaari telah membaikpulih dan menaiktaraf, menyediakan perkhidmatan pengosongan tangki septik yang efisen dengan tempat pelupusan enapcemar yang berteknologi dan mesra alam serta kemudahan yang lebih moden. Justeru itu, pengguna yang ingin menikmati perkhidmatan pembetungan yang lebh baik berbanding sebelum ini juga perlulah bersama-sama membuat sedikit pengorbanan dalam menyumbang bagi membiayai kos penyelenggaraan sistem pembetungan yang akan diuruskan oleh Majaari.

Sistem Telaga Jejari Di Tepi Sungai

Inovasi Dan Pencapaian Air Kelantan Sdn Bhd

Oleh Jabatan Pembangunan Teknikal, Air Kelantan Sdn Bhd

Sejarah pengunaan air bawah tanah di Kelantan bermula seawal tahun 1940-an. Dibuktikan dengan adanya telaga pertama (open well) di loji Kampung Puteh dan beberapa telaga lama di Loji Rawatan Air (LRA) Kampung Puteh telah menjangkau usia melebihi 40 tahun dan masih beroperasi sehingga kini. Pembangunan telaga tiub untuk penggunaan air bawah tanah bermula secara sistematik sejak 1970an lagi. Kajian besar-besaran telah dibuat di bawah BAKU (Bekalan air Kelantan Utara) sekitar 1980an oleh Jabatan Kajibumi (ketika itu).

Telaga Jejari atau juga dikenali sebagai telaga mendatar, yang dipelopori oleh para jurutera Air Kelantan Sdn Bhd di Malaysia adalah satu inovasi dalam kaedah pembinaan struktur abstraksi air mentah bagi loji rawatan air yang dibina di Jeli, Kelantan.

Pembaikan kualiti air dari telaga jejari di tepi sungai (Riverbank Filtration-RBF) telah menjadikan sistem ini sebagai alternatif kepada kegunaan tradisional air sungai untuk bekalan air. Banyak syarikat utiliti akan beralih ke sistem telaga jejari kerana penjimatan kos rawatan berbanding dengan pemprosesan air sungai.

Sistem Telaga Jejari dapat digambarkan sebagai sumber 'hybrid' atau campuran antara air permukaan dan air tanah. Sebuah sistem Telaga Jejari terdiri daripada satu atau beberapa siri telaga besar berdekatan dengan sebuah sungai di suatu akuifer aluvial yang hidrolik yang disambungkan ke sungai, seperti digambarkan dalam Rajah 4.



Gambar-Sistem Telaga Jejari di tepi sungai

Air dipam adalah dari campuran air tanah dan air sungai, yang mengalir ke dalam Telaga Jejari dari sungai melalui tebing sungai menuju telaga jejari.

Pelaksanaan projek telaga jejari telah membawa pelbagai kesan positif dan memberi faedah kepada organisasi, pengguna dan alam sekitar, selaras dengan objektif yang dipacukan oleh Kementerian Tenaga, Tenaga Hijau dan Air (KeTTHA). Pelbagai aspek penilaian kesan pelaksanaan projek telaga jejari ini dapat dirumuskan seperti berikut:-

1) Bertaraf Perintis

Rekabentuk dan teknologi telaga jejari ini adalah satu evolusi rekabentuk kejuruteraan dalam teknologi abstraksi air tanah dan merupakan projek sulung di Kelantan, juga di Malaysia dan rantau ASEAN, yang belum dilakukan oleh mana-mana organisasi sebelum ini dan tidak mendapat tunjuk ajar dari mana-mana pihak dari kalangan akademik atau badan pembuat kajian.

2) Berimpak Tinggi

a) Pengurangan kos yang ketara di mana kos pembinaan (CAPEX) adalah rendah dan menjimatkan kerana kaedah pembinaan telaga jejari yang ringkas dan tidak melibatkan penggunaan mesin jentera berat.

b) Jaminan kualiti air minum yang konsisten dan sentiasa melebihi piawaian, malah hampir sama dengan kualiti air minum yang terawat.

c) Teknologi yang `reliable' dan berisiko rendah di mana bahan alam semulajadi seperti pasir dan aliran asal air sungai yang terdapat di lokasi pembinaan telaga jejari menjaminkan penggunaan bahan yang tahan lama dan tidak akan berkurangan.

3) Berteknologi Hijau dan Mesra Alam

a) Penjimatan tenaga dan karbon yang ketara serta tiada penggunaan bahan api lain seperti minyak diesel untuk kerja penyelenggaraan.

Projek Perintis Naiktaraf Loji Rawatan Air (Lra) Jeli



Kaedah tapisan pasir semulajadi di tepi sungai



Proses pembinaan telaga jejari



b) Tanpa kerosakan alam sekitar malah struktur tebing sungai dapat diperkukuhkan dan hakisan air dapat diminimakan.

c) Beroperasi dengan penggunaan bahan alam yang ada disekelilingnya tanpa memerlukan penambahan bahan luar.

d) Tiada penggunaan bahan kimia dan tidak menghasilkan bahan buangan toksik

4) Berinovasi Cemerlang dan Berteknologi Terkini

a) Kaedah penyelesaian masalah secara holistik dan menyeluruh.

b) Pengorekan mendatar mengunapakai teknologi terkini bertaraf antarabangsa yang diadaptasikan daripada teknologi Eropah.



Gambar-Sistem Telaga Jejari boleh menghasilkan air 10 hingga 30 kali ganda berbanding telaga tiub.

No.	Deskripsi	Telaga Jejari	Telaga Tiub	Muka Sauk Sungai
1	Kuantiti Air	Kualiti Tinggi	Kualiti Rendah	Kualiti Sangat Rendah
2	Kuantiti	Banyak	Sedikit	Banyak
3	Kos Modal	Rendah	Tinggi	Sangat Tinggi
4	Kos Operasi	Rendah	Tinggi	Sangat Tinggi
5	Masa Pembinaan	Kurang Masa	Lebih Masa	Lebih Masa
6	Kawasan Bina	Tapak Kecil	Tapak Luas	Tapak Kecil
7	Impak Alam Sekitar	Impak Sedikit	Impak Besar	Impak Besar

Ringkasan kelebihan telaga jejari berbanding telaga tiub dan muka sauk

5) Berskala dan Dinamik

Rekabentuk telaga jejari boleh diskalakan (scalable) kepada sebarang keperluan kuantiti kerana ianya mudah diskalakan dengan menambahkan kapasiti paip mendatar, tanpa perlu membina sebuah telaga jejari yang lain. Ciri dinamik ini adalah penting bagi telaga jejari boleh digunapakai diserata dunia dan dalam apa bentuk keperluan air.

6) Kualiti

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kualiti air sungai direkodkan melebihi 1,000 NTU, tahap maksima kekeruhan air sebelum dirawat di loji-loji air. Kerapkali mutu air bersih dari loji akan melanggar piawaian atas sebab ketidak upayaan loji merawat air mentah yang berkelodak melebihi 1,000 NTU. ***(Nephelometric Turbidity Units (NTU) – Unit untuk parameter kekeruhan air.)***

Berbeza dengan mutu air telaga jejari ini, dari aspek kekeruhan, air jernih yang dihasilkan dari sistem Telaga Jejari telah terbukti mempunyai 50 kali lebih baik daripada air sungai itu sendiri. Air ini tidak mempunyai besi dan mangan dalam kandungan air mentah.

7) Kuantiti

Kuantiti air yang banyak boleh diabstraksikan dan cara ini boleh menggantikan pembinaan muka sauk sungai yang lama. Jumlah air yang lebih banyak boleh ditarik dalam satu sistem Telaga Jejari berbanding dengan telaga tiub atau struktur muka sauk air sungai.

LAWATAN DELEGASI DARI KABUPATEN DOMPU

PULAU SUMBAWA, INDONESIA

Oleh Shariah Derahman

Kabupaten Dompu merupakan sebuah Kabupaten di Provinsi Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Ibu kotanya adalah Dompu dan berada di bahagian tengah Pulau Sumbawa. Wilayahnya seluas 232,155 km² dan jumlah penduduknya sekitar 250,000 orang. Kabupaten Dompu bersempadan dengan Kabupaten Sumbawa dan Teluk Saleh di barat, Kabupaten Bima di utara dan timur serta Samudera Hindi di selatan. Dompu terkenal sebagai penghasil susu kuda liar dan madu.

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) merasa amat bertuah menerima kunjungan balas dari Bupati Kabupaten Dompu dan rombongan selama 4 hari bermula dari 10 Mac sehingga 14 Mac 2012. Kunjungan balas ini adalah susulan dari kunjungan yang telah dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan, YB Dato' Husam Musa, dan PMBK Az-Zahab Sdn Bhd ke Kabupaten Dompu pada 30 Disember 2011 hingga 04 Januari 2012 iaitu sebagai tinjauan awal ke daerah berkenaan. Kemudian pada 09 Februari 2012 hingga 14 Februari 2012, satu lagi lawatan diadakan ke Kabupaten Dompu sebagai batu loncatan kepada kerjasama yang bakal dijalankan dan hasil daripada lawatan kedua ini, beberapa jenis mineral yang berpotensi telah ditawarkan untuk dibangunkan oleh agensi Kerajaan Negeri Kelantan.

Lawatan balas ini telah diketuai oleh Drs H.Bambang M.Yasin selaku Bupati Kabupaten Dompu beserta 9 orang Ahli Pemesyuaratan Rakyat (DPR), dan pelbagai acara telah diatur. Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk mendatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara PMBK Az-Zahab

dan Perusahaan Daerah Kapoda Rawi mewakili Kabupaten Dompu. Memorandum Persefahaman ini adalah untuk menjalin kerjasama ekonomi antara PMBK Az-Zahab dan Kabupaten Dompu, Pulau Sumbawa dengan jalinan kerjasama penerokaan sumber alam yang kaya di Kabupaten Dompu dan kepakaran yang pelbagai di dalam Kumpulan PMBK terutamanya PMBK Az-Zahab Sdn Bhd. PMBK Az-Zahab Sdn Bhd adalah anak syarikat 100% milik subsidiari PMBK iaitu PMBK Sawit Sdn Bhd.

Pada hari pertama lawatan ini, acara tayangan video dan pembentangan korporat oleh PMBK dan anak-anak syarikat yang terdiri daripada PMBK Az-Zahab Sdn Bhd, Tunjong Development Corporation Sdn Bhd, Kifaalah Sdn Bhd dan Kelantan Golden Trade Sdn Bhd diadakan. Di antara agensi lain yang turut serta dalam pembentangan korporat ini ialah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Rombongan ini turut disertai oleh Ibu Eri Aryani Abu Bakar dan satu perjumpaan telah diatur dengan Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan yang telah dihadiri oleh Timbalan Exco Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan, YB Puan Rohani Ibrahim dan Penolong Pengarah, Puan Ilvira Mohd Dasuki.

Acara kemuncak ialah Majlis Makan Malam dan Menandatangani Memorandum Persehaman (MoU) yang telah diadakan pada 10 Mac 2012 di Hotel Grand Riverview. Ianya telah dihadiri oleh Jawatankuasa Penasihat PMBK, Dato' Hj Husam Musa, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Ketua Pegawai Operasi PMBK, Pengurus-pengurus PMBK dan anak syarikat, Yayasan Islam Kelantan dan Yayasan Kelantan Darulnaim serta kakitangan PMBK dan PMBK Az-Zahab selaku urusetia untuk program ini.

Manakala pada hari kedua pula, lawatan ke industri-industri seperti pemprosesan keropok lekor, industri pembuatan kain songket serta batik Kelantan diadakan. Yang pasti ahli rombongan ini sangat teruja melihat proses pembuatan keropok lekor yang diadakan di kampung Dalam Rhu, Semerak. Kain dan baju batik Kelantan dibeli sebagai buah tangan untuk dibawa pulang.

Ahli rombongan ini sangat bertuah kerana berkesempatan membuat kunjungan hormat ke kediaman Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan di Pulau Melaka pada hari terakhir lawatan.

بازرتوءڠورو

BAZAR TOK GURU

Mercu Tanda Bandar Kota Bharu

Para peniaga adalah nadi Kelantan. Golongan inilah yang telah menjadikan rakyat Kelantan mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu kegemaran untuk berniaga. Golongan inilah juga yang menjadikan Kelantan istimewa selama ini. Melalui kekuatan merekalah Kelantan kekal pesat membangun walaupun kerajaan Negeri Kelantan tidak mempunyai wang yang banyak untuk membangunkan negeri kerana diskriminasi dari kerajaan Pusat.

Rentetan dari ketidakselesaan serta keadaan yang terlalu padat di Pasar Lama MPKB, maka tercetuslah idea serta hasrat kerajaan negeri untuk membina sebuah bazar baru yang selesa dan selamat bagi menempatkan para peniaga. Menjadi aspirasi kerajaan Negeri Kelantan untuk menjadikan bazar ini sebagai pusat perniagaan Kelantan. Justeru, pelbagai insentif akan diberikan untuk menjayakan misi ini.

Setelah melalui pelbagai kemelut dan beberapa jalinan perundingan di antara peniaga dan Jawatankuasa Bazar Tok Guru, akhirnya kekusutan telah dileraikan dengan aman. Maka terbinalah Bazar Tok Guru (BTG) yang merupakan mercu tanda

terkini di Kota Bharu dan Negeri Kelantan. Bangunan ini dimiliki oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) sebuah perbadanan di bawah kerajaan Negeri Kelantan.

Pembangunan Bazar ini ditempatkan di atas tanah seluas 5.9 ekar iaitu tapak asal Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu, di Jalan Sultan Ibrahim. Namun begitu tapak bagi Bazar Tok Guru merangkumi keluasan 1.5 ekar sahaja. Tanah selebihnya diperuntukkan bagi pembangunan bercampur Madinatur Raudhah yang merangkumi hotel, apartmen dan premis perniagaan. Konsep rekabentuk BTG bercirikan senibina moden Islam yang diambil daripada elemen rekabentuk masjid di Mekah dan Madinah di antaranya ialah rekabentuk kubah dan gerbang masuk yang diambil daripada Masjid Nabawi.

Bazar Tok Guru dibangunkan dengan impian untuk dimartabatkan sebagai satu lagi mercu tanda negeri Kelantan. Malah Bazar Tok Guru ini merupakan bazar yang paling besar dan luas di Kelantan serta menampilkan konsep grand bazar yang berada di lokasi yang cukup strategik.

Bagi memastikan bazar ini dikategorikan sebagai premis perniagaan yang mesra pengunjung, pelbagai kemudahan disediakan seperti, surau, lot parkir, lif, medan makan, kaunter ATM, perhentian pengangkutan awam seperti bas, teksi dan beca serta pelbagai lagi kemudahan untuk pengunjung dan pelancong.

Pembangunan ini dibina di atas Lot PT 373 Jalan Sultan Ibrahim, Kota Bharu, Kelantan seluas 1.5 ekar dan telah mula beroperasi pada Jun 2011. Bazar Tok Guru diilhamkan agar menjadi pusat membeli-belah moden yang menjanjikan keselesaan dan keharmonian kepada peniaga dan pembeli.

Peluang perniagaan ini adalah amat berpotensi memandangkan Madinatur Raudhah iaitu pembangunan komersial bercampur beserta hotel bertaraf 5 bintang akan dibangunkan bersebelahan Bazar Tok Guru dalam jangka masa terdekat.

Perbadanan Menteri Besar Kelantan juga sangat komited bagi memastikan Bazar Tok Guru menjadi satu mercu tanda baru negeri Kelantan mahu pun menjadi satu destinasi pelancongan tumpuan para pelancong dari dalam negeri dan luar negeri.

Walaupun belum dibuka secara rasmi namun Bazar Tok Guru telah mula beroperasi pada Jun 2011 dengan menempatkan seramai 357 peniaga di tingkat bawah. Apa yang pasti Bazar Tok Guru menampilkan persekitaran yang selesa kepada peniaga dan pengunjung.

"Bagi kerajaan negeri, Bazar Tok Guru kita akan majukan dan kembangkan untuk menjadi pusat perniagaan utama di Kelantan. Ia akan menjadi pusat pemasaran dan aktiviti peniaga kecil utama. Selain perniagaan tradisi Kelantan seperti makanan, emas, batik dan pakaian, kita juga akan jadikan bazar ini pusat pemasaran bahan IT, telekomunikasi dan lain-lain. Kerajaan negeri pula akan membantu di mana yang perlu bagi menjayakan visi ini, jelas Pengerusi Jawatankuasa Bazar Tok Guru, Dato' Ahmad Yaakub.

DINAR DIRHAM KELANTAN SEMAKIN POPULAR DI MALAYSIA

Oleh Asrol Affandi

Kelantan Golden Trade Sdn Bhd (KGT), iaitu anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan mendapat perhatian khas dari Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Lim Guan Eng di Penang International Halal Expo & Conference 2012 (PIHEC 2012) anjuran agensi kerajaan negeri Pulau Pinang.

YB Lim Guan Eng juga turut menyokong sistem kewangan Islam berlandaskan matawang syariah dinar emas dan dirham perak. Ekspo perdagangan dan produk halal anjuran kerajaan negeri Pulau Pinang ini adalah bertaraf antarabangsa dan disertai oleh ratusan syarikat dari seluruh Malaysia dan antarabangsa.

Di antara tetamu kehormat yang berkunjung ke ruang pameran Dinar Dirham Kelantan adalah Sahibus Samahah Dato' Haji Hasan bin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beliau menunjukkan reaksi positif terhadap dinar dan dirham. Beliau memuji usaha mulia KGT untuk mengaktifkan kembali penggunaan matawang Syariah Dinar Dirham di dalam urusan muamalat umat Islam di Malaysia.

Tuan Haji Mahadi Mokhtar, selaku Pengurus Besar Kelantan Golden Trade Sdn Bhd berkata bahawa syarikat tersebut amat berminat dan sedang berusaha untuk mewujudkan kerjasama dua hala yang erat di antara peniaga-peniaga di seluruh Malaysia.

Kerajaan negeri-negeri Pakatan Rakyat juga disyorkan untuk meningkatkan penggunaan Dinar dan Dirham sebagai matawang syariah di dalam urusan muamalat di negeri masing-masing. Para peniaga Islam disyorkan menerima dan menggunapakai dinar dan dirham di dalam urusniaga harian mereka bagi mendapat keberkatan di dalam urusniaga.

Kelantan Golden Trade (KGT) kini sedang membuka pendaftaran wakalah di seluruh Malaysia serta aktif menjalankan kempen muamalat dan urus niaga menggunakan matawang Syariah Dinar dan Dirham. Maklumat lanjut mengenai dinar dan dirham Kelantan boleh didapati di laman web www.dinarkel.com

Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Lim Guan Eng bergambar bersama Dirham Kelantan

Pelekat penerimaan jual beli dengan dinar dan dirham di kedai

Sumber dan foto ehsan
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

dulu...

ISTANA RAJA BENDAHARA

Istana Raja Bendahara (Long Kundur Ibni Al Marhum Sultan Ahmad, 1889-1890) terletak di hadapan Istana Balai Besar, Kota Bharu. Istana ini adalah tempat yang kaya dengan adat istiadat D'Raja Kelantan seperti berlangsungnya istiadat bersiram, istiadat bersanding, istiadat berkhatan, istiadat melenggang perut, istiadat pijak tanah dan sebagainya. Istana ini kini dikenali dengan nama Istana Jahar.

The palace of Raja Bendahara (Long Kundur Ibni Al Marhum Sultan Ahmad, 1889-1890) situated in front of Istana Balai Besar , Kota Bharu. This palace actually is a place which is rich with Kelantan Royal Family customs such as holding the bathing ceremony, wedding ceremony, circumcision ceremony, 7 month pregnant ceremony, earth stepping ceremony and so forth. This palace now known as Istana Jahar.

kini...

ISTANA JAHAR

Istana Raja Bendahara atau dikenali dengan nama Istana Jahar, kini dijadikan Muzium Adat Istiadat D'Raja Kelantan

The palace of Raja Bendahara also known as Istana Jahar, is now used as a Museum of Kelantan Royal Family Customs.

KELANTAN ENCYCLOPEDIA

1. KOHO *(Slow)*

Careful; gentle; low speed; a quality that hinders rapid movement. Pronounced 'core-hoar'.

2. CAKDUH *(Careless)*

Negligent; ignorant; careless. Pronounced 'cak-dooh'.

3.GHOBOK *(Wardrobe)*

Wardrobe; cupboard; a case with doors and shelves. Pronounced 'ghoar-book'.

4. GELEGAR *(Bamboo/ Wood Floor)*

House floor typically made from board, wood and/ or bamboo but there gaps between the joints of the materials used (the wood or bamboo). Pronounced 'ge-le-gar'.

5. KETIK *(Sting)*

Arthropods bite or sting. Insects, bugs or tiny animals for instance spiders, centipedes, scorpions, ants and mosquitoes bite or sting humans for a number of reasons including defense. Pronounced 'ke-take'.

6. BESO *(Common Act)*

Common act or daily routine. Pronounced 'bear-soar'.

7. BERLAROK *(Walking)*

The act of walking in procession during a wedding. This typically happens when the family and/ or friends walk slowly alongside and/ or with the bride and groom towards the place where the feast is held. Pronounced 'bla-rock'.

8. BELAWOK *(Cheating)*

Cheating; lying; dishonest; untruthful. Pronounced 'bla-woak'.

9. NGANYING *(Disparaging)*

Disparaging; cynical. Usually the language use sounds gentle but the meaning carries negative connotations. Pronounced 'nga-nying'.

10. CUWOH *(Pour)*

Pouring or dispensing small or large quantities of liquid. Pronounced 'coo-woah'.

11. POK KOR *(Skinks)*

Skinks are lizards but they are bigger than the typical house lizards found in Malaysia. They come in green-ish, gold-ish or grey-ish and the skin is scaly. Skinks belong to Scincidae family with more than 1,200 species. Pronounced 'pok-koar'.

12. BLEBER *(Nagging)*

Nagging; complaining. Pronounced 'blair-bear'.

13. GLECOH *(Slip)*

Slip; skid. Pronounced 'glair-coah'.

14. SEMETA *(In A Second)*

In a short while; for a second; within the limited time. Pronounced 'sme-tar'.

15. JONG KAKO *(Waiter/Waitresses)*

The people who serve as waiters or waitresses during a feast. Pronounced 'jong car-core'.

18. IRIH *(Knife Cutting)*

The act of cutting something using a sharp tool. Pronounced 'ee-rih'.

16. BOJENG *(Hair Style)*

Hair style. Pronounced 'boar-jeng'.



19. GOREK *(Sharpener)*

A gadget used to sharpen a pencil. Pronounced 'gore-rack'.

17. PRANGE *(Grill)*

A grill which is made of iron and it has an opening. It is used for grilling or barbecuing fish, chicken or other similar foods. It has an opening and the fish or chicken is positioned in between the opening for grilling. Pronounced 'pra-ngear'.

20. SAWO NILO *(Chiku)*

Manilkara zapota, commonly known as the sapodilla, belongs to the sapotaceae family. It is believed to be originated from tropical America. The shape is typically oval with a diameter of 5-9 cm and it weighs between 75-250 gm. The main factors determining the grade and its type are the shape, size, its flesh color and taste. Pronounced 'sa-woar nee-law'.

Terima kasih Izzat kerana menjemput saya. Saya sungguh teruja dan ingin mengetahui tentang keunikan Negeri Kelantan.
malaysia
Sama-sama John. Saya gembira awak sudah sampai. Nanti saya bawa awak bertemu Tok Ayah untuk mengetahui tentang Kelantan dengan lebih lanjut
Tok Ayah, boleh jelaskan kenapa Kelantan ini unik?
Kelantan memang unik. Ini kerana pemimpin kami mengamalkan pemerintahan seperti Legasi Muhammadiyyah.
Kerana Legasi Muhammadiyyah
Pemerintahan dan pembangunan mengikuti ciri-ciri Islamik
Kerana Rajanya
Mempunyai Sultan yang sangat sederhana dan dekat dengan rakyat
Kerana Menteri Besarnya
Dasar Pemerintahan berlandaskan Al-Quran dan Sunnah
Kerana Negerinya
Mempunyai masjid yang makmur dan majlis ilmu yang sentiasa ada
Kerana Rakyatnya
Mereka sangat mencintai ilmu dan suka berhijrah
UNIVERSITY OF NOTTINGHAM
MEDICAL SCHOOL
Terima kasih Tok Ayah. Kelantan sungguh bertamadun dan pemerintahan lain harus menjadikan Kelantan sebagai contoh
Sama-sama, John. Kalau senang datang lah lagi
Alhamdullilah, bersyukur kerana menjadi salah seorang rakyat Kelantan

Perumahan

WAQI IMAN

FASA II

MUKIM MAHANG WEST, DAERAH KOK LANAS

PERUMAHAN FASA II

WAQI IMAN

MUKIM MAHANG WEST, DAERAH KOK LANAS

- Fasa 1 & 2 Telah Habis Dijual
- Mempamerkan Ciri-ciri Dan Rekabentuk Terkini
- Akses Ke Lebuhraya Machang, Kelantan
- Berdekatan Dengan Politeknik Kok Lanas Dan Kolej Komuniti

PMBK

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

www.pmbk.gov.my

PEJABAT URUSAN: Tingkat 4, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan

Tel: 09-747 4082 **Faks:** 09-747 7815

HUBUNGI

013-907 3209

Wiam

Keluasan: 852' persegi

dari **RM 115,000** hingga **RM 157,000**

83 UNIT

RUMAH TERES

SETINGKAT

Jauza'

Keluasan: 814' persegi

dari **RM 38,000** hingga **RM 53,000**

96 UNIT

RUMAH TERES

KOS RENDAH

Dzurroh

Keluasan: 1648' persegi

dari **RM 170,000** hingga **RM 205,000**

12 UNIT

RUMAH TERES

DUA TINGKAT JENIS **A**

Jam'an

Keluasan: 1648' persegi

dari **RM 170,000** hingga **RM 205,000**

40 UNIT

RUMAH TERES

DUA TINGKAT JENIS **B**